



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.18(1)

- Kenaikan Harga Beras
- *Y.B. Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)*

(Halaman 21 & 86)

USUL:

- Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)*

(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M.S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yacop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

19. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong PiaiMalim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

12. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuko' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

36. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E.nchin Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamedd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO

32. Yang Berhormat Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Dato’ Joseph Salang, D.S.P.N., A.M.N. (Julau) – PRS
35. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
36. “ Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
37. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
38. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
39. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
40. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
41. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
42. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
43. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
44. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
45. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
47. ” Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
48. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
49. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
50. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
51. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
52. “ Dato’ Sri Dr. Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
53. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
54. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
55. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
57. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
58. “ Dato’ Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
59. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
60. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
61. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
62. “ Puan Rosnah bintie Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
63. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
64. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
65. “ Datuk Sapawi bin Amat Wasali @ Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
66. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO

67. Yang Berhormat Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
68. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
69. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
70. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
71. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
72. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
73. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
74. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
75. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yussof binf Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Muohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

26. Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Tuan Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)

5. Yang Berhormat Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat. Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 6 Mei 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ismail Kasim [Arau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan pada masa ini lebih daripada satu perempat atau 6.5 juta daripada penduduk di negara ini bekerja dalam IKS tempatan, apakah projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh IKS atau projek-projek dikenal pasti oleh kerajaan untuk IKS di kawasan pembangunan wilayah seperti di Wilayah Pembangunan Iskandar dan Koridor Pembangunan Wilayah Utara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mewujudkan wilayah-wilayah ekonomi seperti Wilayah Pembangunan Iskandar dan juga Koridor Pembangunan Wilayah Utara (NCER) untuk mempercepatkan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi.

IDR memberikan fokus kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, manakala tumpuan pembangunan di Wilayah NCER adalah terhadap sektor sembuatan, perkhidmatan dan pertanian. Pembangunan ekonomi dalam wilayah-wilayah ini adalah diterajui oleh sektor swasta dan juga sektor-sektor tumpuan tertentu. Setiap wilayah pembangunan mempunyai peluang untuk penyertaan IKS.

Di IDR contohnya, IKS digalakkan untuk bergiat dalam enam sektor utama yang telah pun dikenal pasti iaitu:

- (i) sektor industri kreatif;
- (ii) perkhidmatan pendidikan;
- (iii) perkhidmatan perundingan dan nasihat kewangan;
- (iv) perkhidmatan kesihatan;
- (v) perkhidmatan logistik; dan
- (vi) perkhidmatan berkaitan pelancongan.

Di NCER pula, IKS boleh terlibat dalam sektor pertanian moden dan berskala komersial dan penternakan akuakultur dan penangkapan ikan laut dalam.

Dalam sektor pembuatan, IKS boleh menceburi pertanian hiliran seperti pemprosesan makanan, aktiviti hiliran kelapa sawit dan kayu getah dan produk-produk getah manakala dalam sektor perkhidmatan IKS digalakkan untuk bergiat dalam industri pelancongan serta perkhidmatan logistik merentas sempadan, khususnya di antara Thailand, Sumatera dan NCER.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui SMIDEC akan terus menyokong dan memberi bantuan dalam bentuk geran dan skim pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat IKS yang berkelayakan yang terlibat di dalam wilayah-wilayah ekonomi tersebut.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, memandangkan ianya melibatkan jumlah penglibatan penduduk lebih daripada satu perempat iaitu sekitar 6.5 juta penduduk negara ini terlibat dalam sektor pekerjaannya, boleh atau tidak perancangan yang dibuat oleh kerajaan ini melibatkan GLC ataupun syarikat milik kerajaan?

Oleh kerana kita sedia maklum bahawa syarikat-syarikat ini mempunyai modal dan juga mereka boleh menghayati aspirasi dan kehendak negara. Sejauh ini, apakah perancangan yang telah dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan GLC ini terlibat secara langsung dalam perancangan pembangunan IKS di semua pembangunan wilayah ini?

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa pembangunan di kawasan-kawasan koridor yang disebutkan tadi sepatutnya memanglah diuruskan ataupun dilibatkan penyertaan sektor swasta dan dalam soal ini juga tidak terkecuali penglibatan badan-badan seperti syarikat-syarikat milik kerajaan ataupun *government-linked company* - GLC, dengan izin.

Memang sebagaimana yang saya sebutkan tadi banyak bidang yang kita telah kenal pasti memerlukan penglibatan yang agak besar, bukan sahaja dari segi modal tetapi kepakaran dan pelbagai lagi yang diperlukan termasuk infrastruktur untuk membangunkan industri-industri yang saya sebutkan tadi. Setakat ini seperti di kawasan Koridor Utara di mana pihak GLC yang terlibat dalam merangka pelan *blueprint*nya ialah Sime Darby dan beberapa pihak yang telah dihubungi untuk membantu supaya inisiatif yang telah pun dikenal pasti untuk dibangunkan di kawasan ini perlu melibatkan badan-badan seperti yang saya sebutkan tadi.

Di peringkat ini, ia masih lagi di peringkat awal Tuan Yang di-Pertua, kerana ada beberapa langkah susulan yang perlu dibuat oleh pihak autoriti yang telah pun ditubuhkan untuk membangunkan kawasan ini iaitu selain daripada menyediakan *blueprint* yang telah pun disediakan oleh pihak syarikat Sime Darby ialah pelan-pelan tindakan pembangunan sebagaimana yang diperlukan untuk mengenal pasti apakah bidang-bidang yang harus didahulukan, bidang-bidang mana yang harus diutamakan dan apa bentuk infrastruktur yang perlu disediakan sama ada oleh pihak kerajaan ataupun swasta sebelum kegiatan-kegiatan industri kecil dan sederhana itu dapat dilaksanakan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang ada usaha yang baik juga untuk memajukan IKS di Wilayah Pembangunan Iskandar dan NCER. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bagaimana pihak IKS dapat pinjaman daripada kerajaan dengan lebih mudah kerana kita ada tabung yang banyak.

Apakah langkah-langkah susulan yang disebutkan tadi untuk memajukan IKS supaya sumbangan itu lebih kepada 20% kerana kilang-kilang IKS itu lebih daripada 60% atau 70% di negara ini tetapi sumbangannya tidak sampai 20%. Apakah tindakan yang konkrit untuk memulihkan keadaan untuk memperbaiki IKS supaya kita boleh setanding dengan negara seperti Taiwan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, peranan IKS telah pun diiktiraf oleh pihak kerajaan. Suatu badan ataupun Majlis Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun ditubuhkan.

Di mana di bawah majlis ini terdapat 18 kementerian termasuklah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan beberapa agensi, 60 kesemuanya terlibat dalam memberikan pelbagai bentuk bantuan. Bantuan geran, pinjaman, latihan, bantuan pemasaran, bantuan untuk memperbaiki produk dan sebagainya. Kalau saya nak senaraikan mungkin panjang Tuan Yang di-Pertua.

Dari sudut ini sahaja, hampir RM8 bilion di sediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu membiayai pelbagai kegiatan-kegiatan Industri Kecil dan Sederhana di seluruh negara iaitu bukan saja di bawah MITI tetapi berbagai-bagai agensi lain yang telah pun dikenal pasti amat perlu sekali kita laksanakan.

Yang Berhormat menyebutkan tadi 20% itu satu perangkaan yang tidak berapa tepat. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi *establishment*, ada lebih daripada 500,000 syarikat kecil dan sederhana yang telah tertubuh di negara kita yang menyediakan peluang pekerjaan lebih daripada 6.5 juta. Jadi ini merupakan satu peratusan yang agak besar kalau dikira dari sudut pembuatan 90% lebih adalah terlibat dalam sektor pembuatan.

Jadi oleh sebab itu, bidang ini dianggap sebagai bidang yang memang utama dan dengan tertubuhnya majlis yang disebutkan tadi dipimpin oleh Perdana Menteri sendiri, bermakna ia telah pun diletakkan pada satu tahap yang lebih tinggi daripada biasa. Dan dengan sebab itu, yang penting sekarang ini, bagaimana kita nak menggerakkan pembangunan sektor kecil dan sederhana ini ke satu bidang yang agak lebih luas, mencakupi semua perkara yang telah pun sebahagian saya sebutkan tadi dan bukan setakat itu, bagaimana Industri Kecil dan Sederhana ini dapat menyumbang hasil pengeluaran yang lebih tinggi.

Setakat hari ini, sebahagian besarnya tidak memasarkan produk mereka di peringkat antarabangsa. Banyaknya dalam pasaran-pasaran tempatan. Namun kita harus lihat dalam tempoh masa yang tidak lama, beberapa kategori yang dianggap sudah jadi sederhana Tuan Yang di-Pertua, mesti kita majukan. Produk itu mesti ditingkatkan dari segi kualitinya dan harus dibantu dari segi pemasarannya.

Jadi ini yang kita telah mengambil inisiatif, beberapa bentuk geran telah pun disediakan. *Matching grant*, geran persamaan telah pun kita wujudkan. Pinjaman dengan mudah, dengan kadar faedah yang rendah 4% telah pun kita sediakan dan pelbagai bentuk khidmat sokongan seperti menyediakan peluang-peluang latihan kepada pihak industri ini supaya mereka dapat meningkatkan modal insannya. Ini juga telah pun kita adakan.

Di samping itu membantu mewujudkan pusat-pusat mereka bentuk produk-produk mereka dalam bentuk-bentuk yang lebih elok dan sesuai, pembungkusan, pemasaran, promosi ke luar negara. Jadi kalau saya nak sebutkan satu persatu memang sudah pun banyak disediakan dan ini nak kita gerakkan dalam tempoh yang terdekat ini Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Kewangan menyatakan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika Syarikat masa kini dan kesan pertukaran ke atas nilai barangan Malaysia dan import seperti kenaikan harga beras, gandum dan lain-lain.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang bersama Ahli Yang Berhormat Jasin yang dijadual dijawab pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Memandang kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama. Tuan Yang di-Pertua, objektif dasar pertukaran asing Malaysia bukanlah untuk mengurus kadar pertukaran asing berbanding dengan mana-mana mata wang termasuk Dolar Amerika Syarikat.

Objektif kita ialah untuk mengekalkan kestabilan. Kestabilan nilai ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang asing rakan dagangan yang utama. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ringgit telah menambah nilai berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat, nilai ringgit secara relatif adalah stabil berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan kita yang utama.

Sebagai contoh, sejak akhir tahun 2007 sehingga akhir April 2008, ringgit telah meningkat 4.7% berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat tetapi mata wang Yuan China juga meningkat. Meningkat 4.4%, Dolar Singapura 6.2%, Dolar Taiwan 6.4%, yen 7.6% dan euro 6.6%. Penambahan nilai ringgit dan mata wang lain berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh penyusutan nilai Dolar Amerika Syarikat yang begitu ketara berikutan kebimbangan mengenai ekonomi dan sistem kewangan Amerika Syarikat.

Dalam usaha untuk mengatasi krisis kewangannya, Amerika Syarikat baru-baru ini telah mengambil beberapa langkah yang hampir serupa dengan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia ketika negara menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997/98. Pada masa itu, banyak pihak termasuk di Amerika Syarikat, di IMF telah mengkritik Malaysia tetapi kini mereka menggunakan langkah-langkah yang serupa untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Pada satu masa dahulu, mereka telah menganggap langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sebagai *unorthodox* tapi kini mereka menggunakan langkah-langkah yang sama dan tiba-tiba apa yang dianggap sebagai *unorthodox* tiba-tiba menjadi *conventional system*. Inilah *double standard* yang kita tahu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia bolehlah berbangga kerana Amerika Syarikat sendiri telah belajar dari Malaysia tentang cara-cara yang efektif untuk mengatasi krisis kewangan. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa semasa krisis 1997/98, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang tidak meminta bantuan langsung daripada IMF atau lain-lain pihak untuk memulihkan ekonomi.

Negara-negara lain yang menghadapi krisis yang sama terpaksa meminta bantuan dari IMF, bantuan dari *World Bank* untuk memulihkan ekonomi. Kita yakin Tuan Yang di-Pertua, kita yakin dengan keupayaan diri kita sendiri untuk memulihkan ekonomi mengikut cara kita sendiri. Apakah peranan kadar pertukaran ringgit dalam bidang eksport dan juga bidang import?

Dalam menilai pertumbuhan eksport dan peranan kadar pertukaran asing, berdasarkan kebanyakan kajian, kepentingan faktor permintaan luaran, *foreign demand* jauh mengatasi faktor kadar pertukaran asing dalam menentukan prestasi eksport. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007, penambahan nilai ringgit adalah 6.8% tetapi eksport Malaysia terus meningkat. Ini menunjukkan bahawa faktor kadar pertukaran asing bukanlah faktor penghalang dalam pencapaian prestasi eksport.

Tuan Yang di-Pertua, persekitaran global telah berubah. Pergantungan terhadap kadar pertukaran asing bagi merai daya saing harga tidak akan melindungi eksport Malaysia daripada tekanan saingan daripada pusat pengeluaran berkos rendah seperti China, India, Vietnam dan juga Eropah Timur.

Para pengeksport Malaysia sebaliknya perlu menumpukan kepada usaha membina daya saing jangka panjang dalam pasaran antarabangsa melalui langkah-langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan inovasi, meningkatkan penggunaan strategi pemasaran yang bersesuaian dan efektif dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan.

Dari segi import, penambahan nilai ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat sebanyak 2.3% sejak pemansuhan tambatan ringgit pada 21 Julai 2005 sehingga akhir bulan April 2008 sedikit sebanyak telah mengurangkan *imported inflation*, dengan izin. Walau bagaimanapun peningkatan harga komoditi adalah sangat ketara disebabkan faktor-faktor *structure* dan kitaran.

Menurut IMF, indeks harga bagi semua komoditi telah meningkat sebanyak 189%, makanan sebanyak 94% dan tenaga sebanyak 260% dalam tempoh Disember 2002 hingga Mac 2008. Dengan itu, penambahan nilai ringgit tidak akan dapat mengurangkan dengan ketara kesan kenaikan harga komoditi yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa panjang kadar pertukaran ringgit akan ditentukan oleh asas ekonomi dan keadaan pasaran. Walau bagaimanapun dalam konteks jangka masa pendek, kerajaan akan terus memastikan keadaan pasaran pertukaran wang asing kekal *orderly*, dengan izin, dan stabil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Walaupun kita mendapati kadar pertukaran Ringgit Malaysia dengan *US Dollar* semasa menurun pada tahap rendah iaitu RM3.15 kelmarin, berbanding tempoh yang ditambat pada beberapa tahun iaitu RM3.80 pada tahun 2005, yang mana ekonomi kita bersifat positif tetapi akibatnya ekonomi Amerika menurun.

Sekarang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah pilihan yang tepat bagi negara kita berasa selamat untuk menangani bil import makanan kita yang masih tinggi dengan maksud kos pertukaran dan import tinggi tetapi kesan kekurangan dengan kerajaan memperkenalkan pelan-pelan menyerap meningkatkan kos tersebut.

Kedua ialah kesan pertukaran Ringgit Malaysia dengan *US Dollar* ini melibatkan barangan eksport kita ke Amerika Syarikat dan negara-negara yang menggunakan mata wang *US Dollar* ini seperti minyak mentah, minyak sawit, sarung tangan dan sebagainya, yang mana sektor eksport kita mengalami kerugian teruk akibat pengurangan nilai mata wang *US Dollar*.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah insentif atau yang seumpama dengannya yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu para pengeksport atau pedagang Malaysia yang telah pun terjejas dalam masa sekarang. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi, kadar pertukaran wang bukan merupakan satu alat untuk meningkatkan eksport. Apa yang perlu untuk peniaga dan pengusaha bukanlah kadar pertukaran wang yang spesifik seperti 3.2% atau 2.8%, itu tidak begitu penting.

Namun, yang penting untuk pengusaha dan peniaga ialah kadar itu stabil dan tidak berlaku satu keadaan *volatility* dalam pasaran. Itu yang penting. Peniaga dan pengusaha dapat menyesuaikan perniagaan mereka dengan kadar yang ada, itu boleh. Janjinya kadar itu tidak menjadi *volatile* dari sehari ke sehari yang lain.

Oleh yang demikian, dalam keadaan dunia sekarang adalah terlalu rumit untuk menggunakan kadar pertukaran wang nilai Ringgit Malaysia sebagai satu alat untuk meningkatkan eksport. Apa yang harus digunakan ialah sistem yang inovatif, mengurangkan kos dan mencari kaedah untuk pasaran di merata tempat yang lain.

Sebagai contoh, pada satu masa dahulu, eksport Malaysia hanya kepada beberapa negara tertentu seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah, tetapi kerajaan telah mengambil langkah untuk mempelbagaikan eksport Malaysia kepada negara-negara yang dianggap sebagai *non-traditional exporters*, dengan izin. Kita telah melakukan pelbagai cara pemasaran termasuk menandatangani perjanjian dua hala dengan negara-negara selatan dan dengan tiba-tiba eksport kita ke negara-negara selatan telah meningkat 400%.

Jadi, pada masa ini eksport kita telah dipelbagaikan dan kita tidak begitu bergantung pada Amerika Syarikat atau negara-negara lain. Oleh yang demikian kerajaan akan berusaha mencari kaedah-kaedah dan memberi insentif-insentif lain untuk pengeksport-pengeksport dari segi bajet menggunakan MIDA dan dengan insentif fiskal dan non-fiskal. Namun begitu, pada pendapat saya kita tidak mempunyai ruang yang banyak untuk menggunakan kadar pertukaran asing bagi meningkatkan eksport.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setakat manakah langkah-langkah fiskal dan non-fiskal yang melibatkan pertukaran asing ini dapat menjamin negara tidak akan dilanda bencana oleh penyangak mata wang antarabangsa seperti krisis pada tahun 1997 - 1998 yang lalu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Pada tahun 1997 - 1998, keadaan ekonomi sebelum dilanda krisis begitu kukuh. Dalam tempoh 10 tahun sebelum krisis iaitu dari tahun 1985 hingga tahun 1996, Malaysia telah mencatat kadar pertumbuhan ekonomi secara purata sebanyak 8%, inflasi pada satu tahap yang rendah dan fundamental ekonomi begitu kukuh.

Tiba-tiba kita telah diserang oleh *currency manipulator* dan *speculator*, dengan izin. Pada masa itu kita dapati bahawa mereka dapat berbuat demikian, antara lain

sebab mereka dapat meminjam Ringgit Malaysia dan menjual ringgit. Mereka tidak ada ringgit untuk dijual tetapi mereka dapat meminjam ringgit untuk menjual ringgit.

Oleh kerana mereka mempunyai modal yang begitu banyak dan juga bank-bank di Amerika Syarikat memberikan mereka pinjaman yang begitu banyak, tiap-tiap satu Dolar Amerika yang menjadi modal *hedge fund*, dengan izin, mereka mendapat pinjaman USD20. Kalau mereka mempunyai USD1 bilion, bank memberi pinjaman untuk menyerang ringgit sebanyak USD20 bilion. Begitu banyak! Kita memang tidak mampu untuk menghadapi aliran tunai yang begitu banyak dan mereka tidak mempunyai ringgit pun, tetapi sistem pada masa itu membolehkan mereka meminjam ringgit dari kita dan menjual ringgit!

Jadi, yang kita buat dalam menghadapi krisis, apa yang dianggap sebagai *unorthodox* Malaysia itu begitu *simple*, kita tidak membenarkan mereka meminjam ringgit untuk dijual. Itu sahaja. Faktor penyelesaian itu masih ada dalam sistem kita. Mereka tidak akan dibenarkan selama-lamanya untuk meminjam ringgit dari kita untuk menjual ringgit. Terima kasih.

3. Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan hasil kaji selidik saintifik yang telah dijalankan di bawah Program Angkasawan Negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan nombor 63 iaitu daripada Yang Berhormat daripada Maran dan soalan nombor 3 iaitu soalan daripada Yang Berhormat daripada Kuala Nerus yang dijadualkan pada hari ini secara serentak kerana kedua-duanya adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, program angkasawan negara telah dilaksanakan dengan jayanya pada Oktober 2007 yang lalu. Kejayaan program ini merupakan suatu yang amat membanggakan dan memberi faedah yang amat besar kepada negara.

Selain dari menaikkan nama negara ke peringkat dunia, meningkatkan minat dan kesedaran rakyat umum dan pelajar-pelajar khususnya terhadap kepentingan sains dan teknologi, program ini juga berjaya menambahkan rasa kebanggaan seluruh rakyat. Ini adalah di antara faedah yang tidak ketara ataupun sukar untuk diukur dengan izin *intangible* dari program tersebut.

Di antara faedah yang ketara, *intangible* pula adalah hasil dari program penyelidikan sains mikro graviti yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik daripada UKM, UM, UPM, UiTM, MARDI dan Institut Perubatan Penerbangan MINDEF. Daripada analisa yang telah dilakukan, semua kajian saintifik yang dijalankan telah menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan.

Di samping itu sekurang-kurangnya satu teknologi *speed of* akan dikomersialkan. Angkasawan negara juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau telah diminta untuk melaksanakan beberapa uji kaji saintifik oleh agensi angkasa antarabangsa seperti *Japan Exploration Space Agency (JAXA)* dan *European Space Agency (ESA)*.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan telah pun bersetuju untuk meneruskan program ini. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peruntukan yang bakal digunakan dan juga perincian berkaitan program angkasawan selanjutnya. Di antaranya adalah misi program yang perlu penekanan yang lebih kepada impak ekonomi, cadangan kerjasama pelaksanaan misi dengan agensi-agensi antarabangsa seperti Roscosmos di Rusia dan NASA di Amerika Syarikat atau gabungan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti ESA di Kesatuan Eropah dan JAXA di Jepun.

Juga tempoh pelaksanaan misi yang lebih panjang dan tarikh misi program yang akan datang. Perincian ini sedang dalam penelitian kerajaan dan akan menentukan pula kos yang akan menentukan kos misi tersebut nanti. Di samping itu, pihak kementerian sedang menjalankan kajian kos *benefit analysis* dengan izin bagi mengkaji pelbagai aspek berkaitan program angkasawan negara.

Kajian ini yang dijangka akan selesai dalam tempoh yang terdekat juga akan diambil kira oleh kerajaan dalam membuat keputusan terhadap pengurusan program ini. Keputusan ini juga akan mengambil kira pandangan umum termasuk pandangan

daripada golongan saintis tempatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini serta rakyat keseluruhan.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Soalan tambahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pelancar kenderaan Soyuz yang digunakan baru-baru ini sudah berusia 50 tahun, suku abad, setengah abad dan apakah yang kita boleh belajar daripada pembinaan teknologi daripada usia setengah abad itu?

Apakah Yang Berhormat sedar bahawa belanja menghantar angkasawan seperti yang dibuat sekarang ini lebih tinggi kalau kita dapat membina prototaip iaitu pesawat prototaip *suborbital* yang kita tahu lebih murah, lebih efektif dan ini kalau dibuat lebih ramai lagi rakyat Malaysia boleh belajar minat ke angkasawan di mana kita tahu prototaip pesawat yang saya cadangkan tadi belanjanya murah. Kemudiannya ia diiktiraf oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pendek. Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, soalnya, soalanlah itu Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Soalnya, pesawat ini juga kalau dihantar angkasawan, boleh dihantar angkasawan sebab mengikut kriteria *Federal Aviation Administration* Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas, belum ada soalan itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Soalan tadi. Tuan Yang di-Pertua tidak dengar. Soalan tadi itu. Saya tanya dari segi apakah kerajaan bercadang untuk membangun pesawat yang saya sebutkan tadi prototaip. Sebab ini lebih murah dan ia canggih sebagaimana contoh Tuan Yang di-Pertua, soalan dia boleh kalau dalam zaman rakyat tidak suka kepada pemimpinlah contohnya, seperti sekarang. Dia boleh bawa lari pemimpin-pemimpin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...15 minit ke angkasa. [*Ketawa*] Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Biar menteri bagi sebab Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Sila, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi semua kabur-kabur di sana-sini, melintas melintang.

Namun dari segi *gist nut* dengan izin, ini adalah antara sebenarnya matlamat asal program ini iaitu mengejar teknologi yang ada dan di mana yang relevan itu memindahkan teknologi tersebut. Dari segi pembentukan prototaip dan seterusnya, sebenarnya itu tidak payah oleh sebab teknologi yang sedia ada itu hanya perlu diteliti di mana yang relevan, digunakan dan *diadapt* daripada membina semula apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Dari segi anggapan bahawa kos itu tinggi, sebenarnya ini adalah salah Tuan Yang di-Pertua. Kos yang telah pun digunakan adalah setimpal dengan kos-kos misi seperti ini dan sebenarnya lebih rendah daripada kos misi sebelum ini disebabkan pertukaran nilai wang kita. Kalau saya ingin maklumkan dari segi kos, kerana ini telah pun disebut dan disalah tafsirkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos sebenar adalah yang ditanggung oleh negara Malaysia adalah RM39.11 juta. Ini merangkumi RM16.8 juta yang dibiayai terus oleh kementerian dan RM22.28 juta yang ditanggung oleh agensi-agensi

berkaitan seperti agensi NUKLEAR, MIMOS, MACRIS, APSB dan Kementerian Kewangan melalui program publisiti dan juga SIRIM.

Perlu juga saya tekankan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa dalam soal kos ini sebenarnya program angkasawan ke stesen angkasa antarabangsa tersebut adalah termaktub dalam kontrak *supplementary agreement* dengan Kerajaan Rusia. Di mana merupakan projek timbal balas ataupun *off-set* dengan izin kepada pembelian pesawat Sukhoi oleh Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, nilai nominal projek tersebut adalah USD23.7 juta ataupun dalam Ringgit Malaysia dalam pertukaran sekarang RM75.8 juta yang ditanggung oleh Kerajaan Rusia. Jadi, anggapan bahawa kita telah menggunakan ratusan duit rakyat dan seterusnya dan mahal, itu adalah salah tanggapan dan saya harap maklumat yang telah saya laporkan ini akan dapat memperbetulkan tanggapan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Silam Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kinabatangan juga. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mikrofon mogoklah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain diminta duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang tidak dinafikan bahawa hasil daripada kajian saintifik untuk angkasawan kita begitu memberangsangkan dan boleh diguna pakai dalam *research* antarabangsa.

Walau bagaimanapun, memandangkan ekonomi negara tidak berapa menentu sebab kita menghadapi krisis makanan di seluruh dunia, jadi apakah kerajaan masih meneruskan misi yang kedua? Sebab misi yang kedua ini kita difahamkan tidak ada program timbal balas. Bermakna kerajaan kena mengeluarkan peruntukan seratus persen.

Jadi dalam keadaan dunia menghadapi krisis makanan, apakah masih relevan lagi kita menghantar angkasawan kita yang kedua ataupun peruntukan itu lebih baik kita agih-agihkan kepada rakyat di luar bandar termasuk di Kinabatangan dan kawasan Yang Berhormat sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat dari Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah pun sentuh dalam jawapan tadi bahawa walaupun kerajaan telah menetapkan supaya misi ini diteruskan, ia tertakluk kepada keperluan kewangan yang belum pun diperolehi dan sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Saya telah mengatakan tadi juga, bahawa pihak kementerian dan pihak kerajaan terbuka kepada semua pandangan dan input-input semua lapisan rakyat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hanya katakan di sini, bahawa dari segi persiapan kementerian akan meneruskan program latihan dan *updating* kepada dua angkasawan kita, dan juga hasil daripada program yang pertama itu kita nak maksimumkan dari segi pengedaran maklumat, pengedaran kesedaran di kalangan generasi muda kita, khususnya peringkat sekolah.

Di mana kita berpendapat bahawa *this* dengan izin, dan *intangible out come*, ia hanya boleh ditangkap '*the case in future*'. Dari segi kesedaran *towards* sains dan teknologi, minat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi, ini adalah satu sumbangan yang begitu besar.

Jadi kita akan memikirkan kesemuanya berasaskan kepada keperluan dan juga pada masa yang sama keperluan pembangunan lain, yang mana kita sedia maklum adalah *competing* dengan program ini. Namun demikian apa yang perlu dilaksanakan kita akan maklumkan pada masa yang sesuai nanti. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan R. Sivarasa [Subang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan tahanan yang telah ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Dangerous (Special Preventive Measures) Drugs Act 1985 (DDA) dari tahun 2002 hingga kini; dan
- (b) bilangan tahanan DDA yang telah dibebaskan dari tahun 2002 hingga kini dan bilangan mereka yang dikenakan Perintah Sekatan Kawasan.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Subang di atas pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat terdapat empat undang-undang berkaitan dengan dadah yang digunakan pada masa ini iaitu:

- (i) Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (ii) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
- (iii) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985; dan
- (iv) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Mereka yang ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 akan dihadapkan ke mahkamah.

Manakala tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, merupakan tindakan pencegahan yang diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan sebarang aktiviti melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985 ini melibatkan perintah tahanan dan perintah sekatan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod seramai 11,142 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Semenjak tahun 2002 hingga Mac 2008, di mana 5,023 orang telah dikenakan perintah tahanan dan 6,019 telah dikenakan perintah sekatan. Tempoh tahanan dan sekatan adalah selama dua tahun yang akan dilanjutkan berdasarkan tahap pemulihan.

Oleh itu jumlah yang telah dibebaskan bagi tempoh yang sama adalah seramai 10,311 orang, dan bilangan yang dikenakan perintah sekatan kawasan setelah menjalani tempoh tahanan adalah seramai 1,568 orang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan statistik yang telah diberikan. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang memberi kuasa yang besar kepada polis dan Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menahan tanpa bicara.

Atas alasan antara lain pada waktu itu bahawa dengan izin, *drug warlord* yang besar, yang melakukan perdagangan dadah, adalah diketahui oleh polis tetapi tidak dapat didakwa dalam mahkamah sebab saksi-saksi tertentu tidak berani memberi keterangan di mahkamah terbuka. Mengikut statistik yang diberikan tadi beribu-ribu orang yang kononnya adalah *drug warlord* telah ditahan tanpa bicara, tetapi masalah dadah di negara ini masih merebak dan meningkat.

Adalah mustahil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, saya kena beri konteks bahawa jumlah yang disebut tadi adalah besar. Pada masa yang sama jumlah penagih dan jenayah berkaitan dengan penggunaan dadah masih meningkat, pertuduhan rasuah terhadap anggota polis dalam tangkapan dan pembebasan orang ini pun bukan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa, ini bermakna kuasa 'teruk' di bawah akta ini yang diberi oleh Dewan ini telah disalahgunakan dan tidak berkesan mencapai matlamatnya. Kuasa yang diberi adalah serupa dengan tahanan tanpa bicara di bawah ISA.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan akan menimbang, mengkaji semula dan memansuhkan akta zalim ini dan memilih jalan memberi penumpuan kepada siasatan dan pendakwaan profesional oleh pihak penguatkuasaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, bila akta ini diluluskan ia bermakna kita lebih berjaya untuk mengawal dan memelihara kedudukan dan pengedaran dadah dengan cara berkesan dan mengurangkan penyalahgunaan dadah.

Untuk kita membuat tuduhan bahawa pihak polis adalah rasuah, jika ada tuduhan-tuduhan yang khas, betul Yang Berhormat ada, Yang Berhormat boleh kemukakan dan kita akan menyelidik tiap-tiap tuduhan. Tanpa akta ini keadaan akan menjadi lebih buruk. Saya tidak boleh mengatakan bahawa kita telah gagal.

Kita telah berjaya untuk mengurangkan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di dalam negara kita, dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kepentingan rakyat. Oleh itu buat masa ini kita tidak bertujuan untuk menyemak semula akta ini, oleh kerana ia mempunyai kegunaan dan manfaatnya...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan, bolehkah saya dapat tahu bagi undang-undang ini, di mana seorang boleh ditahan tanpa perbicaraan. Adakah *check and balances* yang efektif diadakan untuk menentukan tidak ada salah guna kuasa oleh menteri apabila seseorang ditahan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, di mana tidak ada *due* proses sebagaimana Yang Berhormat ketahui kita boleh mengambil tindakan *habeas corpus*.

Dalam tiap-tiap kes ini apabila di dalam tahanan ada kuasa untuk menyemak, dan kalau di dalam lembaga penasihat mengatakan ianya boleh dibebaskan dan tidak menjadi ancaman kepada soal pengedaran dadah atau keselamatan negara, maka tindakan untuk membebaskan orang ini boleh dilakukan.

5. Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian ingin menjadikan blog sebagai media alternatif untuk menyebarkan maklumat mengenai rancangan-rancangan kerajaan memandangkan cara ini adalah sangat popular di kalangan orang muda.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Alor Gajah. Saya ingin mohon jawab soalan ini bersama soalan nombor 8 oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi pada 27 Mei 2008.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Silakan.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pihak kementerian sememangnya sedang merancang penggunaan blog sebagai jambatan penyebaran maklumat dan menerima pandangan orang ramai mengenai isu-isu yang dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Alor Gajah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana baru-baru ini telah mencadangkan bahawa surat-surat khabar dengan izin, *printed media* tidak perlu lagi untuk memperbaharui lesen mereka pada setiap tahun. Ini akan menolong kerajaan menghapuskan imej bahawa *printed media* di Malaysia adalah dikawal. Tidak boleh dinafikan bahawa baru-baru ini imej *printed media* dengan izin, telah menurun dibandingkan dengan media elektronik.

Soalan saya ada dua. Pertama, apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk terus menaikkan imej *printed media* dan menghapuskan persepsi di kalangan masyarakat Malaysia bahawa *printed media* tersebut adalah dikawal.

Keduanya, bolehkah kerajaan terus ada dialog dengan bloggers-bloggers dan juga media elektronik untuk menasihatkan mereka tentang tanggungjawab mereka, supaya sebelum mereka catatkan sesuatu, tentukan khabar-khabar tersebut adalah hakikat sebelum kita menjadikannya sebagai satu realiti kerana ini adalah dari segi keadilan kepada semua pihak. Khabar angin setelah dijadikan sebagai realiti oleh sebab tidak ada semangat tanggungjawab di kalangan media elektronik tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Mungkin Yang Berhormat Alor Gajah pun biasa di dalam Kabinet. *Printed media* bukanlah bidang Kementerian Penerangan iaitu dalam Kementerian Dalam Negeri.

Mengenai bloggers, sememangnya saya ada mengadakan perjumpaan, dialog dengan pihak bloggers. Tidak semualah, tetapi beberapa orang yang saya rasa penting, telah saya adakan. Mengenai pandangan-pandangan mereka yang mungkin tidak sesuai dengan konteks rakyat negara ini, saya percaya bahawa mereka patut mengadakan pertimbangan pada diri mereka sendiri, apa yang patut dan apa yang tidak patut dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa dalam negara kita ada undang-undang. Mereka yang melakukan perkara-perkara yang berkaitan dengan soal melanggar undang-undang, membuat fitnah, membuat hasutan dan sebagainya, undang-undang akan juga terkena kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada pandang Yang Berhormat, ada pandang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya pandang Yang Berhormat, sila duduk.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun mengamalkan media terbuka ini.

Jadi, baru-baru ini RTM melalui TV1 telah pun menganjurkan rancangan Media Bersama Bloggers. Saya hendak tanya, sejauh ini apakah sambutannya? Ramai penonton atau tidak? Dan nampaknya setakat ini cuma diberikan 20 minit. Adakah 20 minit ini akan dipanjangkan dan kalau dipanjangkan, bila?

Saya juga perhatikan, hanya penulis bloggers yang kritikal sahaja dijemput. Adakah RTM akan memanggil penulis bloggers yang tidak kritikal seperti penulis bloggers berkaitan ekonomi, berkaitan dengan budaya dan lain-lain lagi? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasihlah, tentang rating kita ada dua rancangan umpamanya Bersama Media dalam RTM. Saya rasa semasa Yang Berhormat Dato' Nazri tampil lebih daripada 340,000 orang penonton. Beliau sangat popular pada hari tersebut.

Begitu juga Program Blog yang diperkenalkan 20 minit setiap hari Ahad, juga di ada mendapat rating yang tinggi sekitar 200,000 dan sebagainya. Saya difahamkan oleh RTM bahawa tiga bloggers yang dijemput adalah mereka yang dianggap agak kritikal pada kerajaan. Ini adalah sebahagian daripada sifat keterbukaan yang diperkenalkan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Kita kena faham bahawa blog di Malaysia ini terlalu banyak. Kita tidak tahu. Setiap hari bertambah. Kita ada 14 juta orang pengguna internet dalam negara. Ada yang berpendapat ada sebanyak 500,000 bloggers. Ada lebih daripada 700 bloggers yang dianggap bloggers sosio politik, tetapi banyak juga blog-blog yang dikaitkan soal muzik, soal masak-memasak, soal seni dan sebagainya.

Insya-Allah melalui ruang blog ini mereka semua akan dipanggil, dan saya serahkan kepada kebijaksanaan RTM untuk menentukan, siapakah yang layak dan sesuai untuk diutarakan. Terima kasih.

6. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Perdana Menteri menyatakan apakah dan berapakah jumlah kesalahan undang-undang Maritim yang sering dilakukan dan apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mencegahnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak memulakan operasi pada 30 November 2005 sehingga 31 Mac 2008, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau pun singkatannya APMM telah membuat tangkapan di bawah akta-akta berikut:

- (i) Akta Perikanan jumlah kes 800;
- (ii) Akta Imigresen jumlah kes 70;
- (iii) Akta Kastam jumlah kes 49;
- (iv) Akta Perhutanan jumlah kes 4;
- (v) Akta Perkapalan Saudagar jumlah kes 6;
- (vi) Akta Kawalan Bekalan jumlah kes 40;
- (vii) Akta Kawalan Selia Padi Beras Negara jumlah kes 2;
- (viii) Akta Kanun Tanah dan Galian jumlah kes 6;
- (ix) Akta Dadah Berbahaya jumlah kes 2.

Jadi jumlah besar tangkapan yang telah dibuat ialah sebanyak 1,034. Dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan APMM telah mengambil beberapa langkah bagi mencegah berlakunya kesalahan di perairan negara dan agar ia sentiasa dalam keadaan selamat dan terkawal dari pencerobohan dan ancaman dari pihak luar.

Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan rondaan di perairan Zon Maritim Malaysia (ZMM) setiap masa;
- (ii) mengadakan operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa yang lain;
- (iii) memantau pergerakan setiap *vessel* dengan radar Sistem Pengawasan Laut di Selat Melaka;
- (iv) memantau serta meluaskan rangkaian perisikan; dan
- (v) mendapatkan perkhidmatan pengawasan dari udara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan tadi.

Saya ingin merujuk kepada persoalan yang sering diajukan kepada saya khusus di kawasan saya, iaitu tentang nelayan-nelayan yang telah melanggar batasan perairan negeri masing-masing, sehingga mereka terpaksa ditunda ke negeri lain dan kemudian mereka ditahan dan kemudian mereka dikompaun. Ada kalanya mereka terpaksa diletakkan dalam kurungan selama lebih kurang kadang-kadang lima ataupun enam hari.

Apakah tidak ada mekanisme yang dalam konteks nelayan-nelayan yang mencari makan ini, supaya ada satu mekanisme sedikit kelonggaran atau budi bicara daripada APMM yang menguatkuasakan perkara ini, supaya meringankan beban nelayan kerana apabila mereka ditangkap, mereka akan hilang mata pencarian selama mungkin lima ataupun enam hari, sehingga kompaun itu dibayar.

Saya juga tertarik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bercampur dengan soalan yang awal tadi kerana Agensi Penguatkuasaan Maritim ini mempunyai peranan yang cukup besar. Kita menganggap ia sebagai pemelihara kehormatan laut kita.

Jadi saya ingin bertanya, apakah tindakan-tindakan dari segi pengukuhan APMM itu dan apakah APMM ini bertindak peranan dan tugasnya dengan polis marin dan juga TLDM? Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan tambahan, pertamanya kita Yang Berhormat kalau dia telah melakukan kesalahan kita tidak boleh mengambil tindakan selain daripada apa yang telah ditentukan oleh akta itu dan kala itu Yang Berhormat kata itu bahawa mereka telah ditarik ke negeri lain.

Itu disabitkan kerana dia telah melakukan kesalahan itu di perairan negeri yang lain. Jadi oleh kerana itu bila tangkap kena bawalah kepada pelabuhan yang terdekat di negeri yang mana dia telah melakukan kesalahan itu. Saya percaya kita bersimpati dengan mereka terutamanya memandangkan mereka ini merupakan orang yang di bawah garis orang kata pendapatan yang rendah juga.

Akan tetapi itu tidak bermakna bahawa mereka boleh buat apa yang mereka suka sebab kita juga ada tanggungjawab terhadap *environment*. Kalau sekiranya mereka melakukan perbuatan dipanggil iaitu pukut atom apa saya tidak ingat. Kalau pukut itu dia sapu semua, dia bawa tepi perairan tepi pantai, apa juga yang dia boleh sapu dia sapu. Jadi ini akan merosakkan keadaan suasana *environment* kita. Maka oleh kerana itu kita terpaksa juga ambil tindakan untuk memulihara dan memelihara *environment* kita. Namun saya boleh bagi jaminan itu bahawa kita sentiasa mengambil tindakan yang agak bertimbang rasalah kepada mereka.

Keduanya, memang betulah Yang Berhormat, APMM dikira polis lautlah iaitu dia menjaga kawasan daripada pergigian, persisiran pantai sampai EEZ. Itu kawasan *jurisdiction* dia. Jadi apa juga kesalahan dilakukan dalam kawasan itu, itu adalah kuasa APMM.

Kalau Yang Berhormat hendak fikiran itu bahawa mereka itu polis laut, dia polis lautlah ya. Akan tetapi kalau sungai dalam itu, itu sudah bawah Polis Diraja Malaysia. Jadi dia tidak bertindih kuasa ataupun peranan di antara polis marin dengan APMM. Apa yang berlaku seperti mana saya sebut sebentar tadi dia bekerjasama,

Jadi dia dapat macam kata kastam, perikanan, polis, imigresen juga kalau ada perkara-perkara yang mereka lakukan itu bukan pertindihan tetapi sebenarnya ia saling bantu membantu di antara APMM dengan agensi-agensi yang berkenaan. Kita sentiasa terimalah apa-apa juga cadangan untuk memperkukuhkan APMM ini, jadi kalau Yang Berhormat ada cadangan boleh bagi kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Padang Serai, apa duduk pula?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangkakan saya tidak akan dipanggil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan *give up* cepat sangat Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Darah muda Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di persekitaran laut kita banyak berlaku kecurian dan juga jenayah yang dilakukan oleh pihak berkuasa.

Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu sistem pengawasan yang boleh menjadi jambatan di antara nelayan-nelayan dan pihak berkuasa. Sebab memang ramai nelayan-nelayan yang terlibat mereka sendiri tidak mahu tampil ke hadapan kerana takut mereka akan ditindas kemudian hari. Ini memang berlaku, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ini kalau tidak ada bukti saya anggap sebagai spekulasi sahajalah. Akan tetapi kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara yang khusus yang berlaku yang jelas menampakkan ada penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa terhadap nelayan atau pun rakyat yang lain. Yang Berhormat sila boleh hantarkan aduan dan saya bagi janji di sini kalau melibatkan APMM kita akan ambil tindakan yang sepatutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Dato' Abdul Manan bin Ismail.

7. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian bagi membendung masalah sosial di kalangan belia di negara ini yang semakin serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat menteri.

11.05 pg.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Paya Besar ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Ketereh pada 26 Mei 2008 dan juga Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa bertarikh 27 Mei 2008 kerana berkaitan dengan masalah sosial di kalangan belia serta langkah-langkah yang telah dan sedang diambil pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, sila Yang Berhormat.

Dato' Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedia maklum tentang masalah yang dihadapi oleh golongan belia pada hari ini. Seperti kita tahu golongan belia adalah daripada kalangan yang berumur daripada 15 hingga 40 dan umur ini adalah umur yang terlalu cepat dan terlalu mudah untuk terjebak dan terlibat dan terpengaruh dalam masyarakat kita.

Oleh itu pelbagai pendekatan sedang dan telah dilakukan oleh pihak kementerian dan diantaranya ialah untuk memastikan belia-belia ini tidak terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat maka pihak kementerian telah menganjur dan mengaturkan beberapa program bagi memastikan golongan-golongan belia terlibat dengan kegiatan atau pun aktiviti-aktiviti yang dilancarkan oleh pihak kementerian.

Sehingga hari ini untuk fokus kepada belia yang berumur 15 hingga 25 tahun Program Rakan Muda telah pun diwujudkan dan sehingga ini sejumlah lima ribu jenis aktiviti di bawah pelbagai gaya hidup telah dilakukan di seluruh negara di pelbagai peringkat bagi membolehkan generasi muda mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berkualiti dalam tempoh cuti persekolahan panjang serta hujung minggu.

Terdapat tujuh gaya hidup Rakan Muda iaitu Rakan Kecergasan, Rakan Waja Diri, Rakan Wira Usaha, Rakan Masyarakat, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya dan juga Rakan Inovasi. Saya ingin maklumkan berbagai-bagai program khas yang lain dilakukan iaitu Rakan Muda Jiran Muda misalnya yang dijalankan di waktu cuti sekolah.

Program Weekend Camps misalnya iaitu sukan dan rekreasi. Program ini dijalankan sewaktu cuti sekolah hujung minggu. Maknanya dua hari cuti sekolah kita adakan *Program Weekend Camps* ini supaya pelajar-pelajar mempunyai masa yang penuh sewaktu cuti sekolah.

Untuk pelajar-pelajar IPT misalnya, ia juga termasuk di dalam golongan ini. Kita menganjurkan Rakan Muda Wawasan Desa yang akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar di IPT untuk mengadakan aktiviti seperti Bakti Siswa dan sebagainya supaya sewaktu lapang iaitu cuti sewaktu semester boleh digunakan untuk aktiviti yang sihat bersama masyarakat di desa dan sebagainya. Di bulan Ramadhan misalnya kita mempunyai Rakan Muda Ramadhan supaya memastikan belia-belia rapat dengan aktiviti-aktiviti keagamaan dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itu adalah program-program yang diatur untuk Rakan Muda dan sebagainya. Banyak lagi program yang kita aturkan misalnya belia-belia yang tidak mendapat tempat di PLKN, mereka ini kita bawa mereka di dalam program-program yang kita panggil Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional PJKN yang bertujuan membentuk semangat kesukarelaan dan sebagainya.

Sepanjang 2007 sebanyak 240 program PJKN telah pun dijalankan dan penyertaan seramai 38,400 belia di dalam aktiviti ini. Begitu juga di dalam soal program Belia Anti Dadah, kita dapati masalah dadah merupakan isu yang besar dan pihak kementerian tidak ketinggalan di dalam menjalankan program-program anti dadah dengan mewujudkan program-program seperti Skuad Belia Anti Dadah, Program Bersama Belia Benci Dadah di kawasan rukun tetangga, Karnival FELDA Belia Benci Dadah, Kembara Kecergasan Belia Benci Dadah.

Dan di IPTA dan IPTS kita mempunyai kempen untuk anti dadah yang kita panggil sebagai Kempen Anda Pilih Bahagia atau Sengsara melalui *secretariat* Rakan Muda di IPT. Bagi memerangi HIV, AIDS dan sebagainya. Kita juga merancang mengadakan program pendidikan dan maklumat serta meningkatkan kesedaran dan keprihatinan mengenai AIDS di kalangan belia melalui program dan sesi latihan iaitu kesedaran pencegahan dan intervensi.

Dengan itu, kita melaksanakan forum-forum khas dengan kerjasama agensi kerajaan, NGO dan badan-badan sukarela. Jadi, program-program ini, kita terus jalankan dari semasa ke semasa dengan harapan waktu lapang belia-belia akan dipenuhi dengan program-program sihat yang diaturkan oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, pihak kementerian, dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dari segi keberkesanan program-program yang dijalankan ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Paya Besar. Minta maaf.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar bahawa kegagalan persatuan-persatuan belia khususnya di luar bandar bergerak aktif adalah kerana kekurangan peruntukan? Oleh itu, adakah kementerian bercadang untuk menurunkan kuasa meluluskan permohonan daripada persatuan-persatuan belia ini kepada pegawai-pegawai belia daerah. Terima kasih.

Dato' Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Memang pihak kementerian menyedari bahawa masalah kewangan merupakan satu punca kepada kegagalan ataupun kelemahan daripada pihak persatuan belia di dalam mengemukakan aktiviti dan sebagainya.

Cadangan untuk menurunkan kuasa kepada pihak pejabat belia daerah merupakan cadangan yang amat baik. Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan bahawa arahan untuk meluluskan di peringkat negeri bukanlah arahan daripada pihak kementerian sendiri tetapi merupakan satu arahan daripada pihak Perbendaharaan.

Walaupun bagaimanapun, oleh sebab adanya cadangan yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat ini, kita akan mengemukakan rayuan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya segala kelulusan di bawah RM10,000 ke bawah misalnya, boleh dibuat di peringkat daerah sahaja. Saya ingin memaklumkan kepada majlis ini bahawa pihak kementerian telah pun memutuskan untuk mengelakkan birokrasi, *red tape* yang disebutkan.

Pada waktu ini, segala permohonan peruntukan akan diproses melalui pejabat belia daerah, selepas itu, diserahkan kepada pihak negeri dan sebagainya. Itu untuk peruntukan di bawah RM10,000 tetapi yang lebih terpaksa diangkat ke pihak yang lebih tinggi iaitu di peringkat pusat dan sebagainya.

Untuk mengelakkan dan mengurangkan ataupun menghapuskan *red tape* ini, pihak kementerian telah pun memutuskan bahawa pihak persatuan belia tidak lagi perlu memohon, tetapi pihak kementerian akan memberikan geran terus kepada persatuan-persatuan belia, terus kepada majlis belia negeri ataupun persatuan belia di peringkat negeri, terus kepada persatuan belia di peringkat daerah dan terus kepada persatuan belia di peringkat akar umbi di peringkat cawangan kampung dan sekalipun.

Jadi bermakna selepas ini tidak ada lagi masalah-masalah *red tape* seperti yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat daripada Paya Besar tadi. Walau bagaimanapun, jika tidak mencukupi peruntukan tersebut, pihak persatuan belia masih boleh memohon kepada kementerian belia untuk mendapatkan kelulusan yang seterusnya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalannya ialah, apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian bagi membendung masalah sosial di kalangan belia?

Yang penting ialah masalah sosial. Saya dengar apa yang dijawab tadi, yang panjang lebar itu memang banyak aktiviti, tetapi aktiviti itu saya rasa adalah untuk mencergaskan minda. Rakan Muda bukan untuk mengatasi masalah sosial di kalangan belia, itu hanya *by the way* sahaja. Sekiranya mereka menyertai aktiviti ini, mereka sudah tidak menjadi belia yang bermasalah. Yang saya lihat ialah Rakan Muda bukanlah untuk mengatasi masalah ini.

Walaupun berniat baik dan baik untuk belia secara *general*, saya rasa adalah penting untuk membendung dan menangani masalah sosial di kalangan belia. Semakin ramai lagi belia terlibat dalam jenayah yang saya rasa yang kita perlu ialah pencegahan dan bukan merawat yang juga bukan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan semata-mata.

Yang penting ialah yang saya hendak tanya adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mukadimah sudah panjang Yang Berhormat. Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...*Inter-ministerial committee* untuk menangani masalah sosial di kalangan belia ini. Terima kasih.

Dato' Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya, apa yang saya sebutkan tadi adalah program-program pencegahan. Kita aturkan program supaya mereka tidak terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat yang akhirnya menjurus kepada masalah gejala sosial tadi.

Kalau kita aturkan program-program yang sihat untuk mereka, mereka terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang sihat yang dirancang, tentulah mereka tidak akan terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat tadi. Sebab itu saya sebutkan tadi bahawa berbagai-bagai aktiviti tadi tujuannya ialah untuk melarikan golongan belia tadi melarikan golongan belia tadi terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Jadi, saya rasa tidak salah dari segi apa yang saya sebutkan tadi.

Untuk merawat misalnya, saya ingin maklumkan bahawa kementerian-kementerian lain sebenarnya banyak terlibat dalam usaha merawat yang disebutkan tadi misalnya belia yang telah terlibat di dalam dadah, mungkin Kementerian Dalam Negeri misalnya melalui AADK, program-program AADK dan sebagainya. Pihak kementerian juga tidak melepaskan tanggungjawab ini.

Sebab itulah untuk akan datang ini, pihak kementerian telah pun memutuskan untuk mewujudkan pusat-pusat kaunseling di setiap pejabat belia daerah supaya belia yang menghadapi masalah akan dapat dikaunselingkan supaya mereka boleh berubah daripada cara lama kepada cara baru dan kita dapat menyelami masalah ataupun apa perkembangan-perkembangan dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang menyebabkan mereka terlibat di dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Di dalam soal hubungan bersama, saya sudah sebutkan tadi bahawa banyak program yang diadakan waktu cuti sekolah. Itu bermakna Kementerian Pelajaran, dan IPT, saya sudah sebutkan tadi, bermakna program ini dianjurkan bersama dengan pihak IPT, pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Saya sebutkan tadi bahawa kita mempunyai Program Anti Dadah bermakna bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Memang ada kerjasama di antara semua kementerian di dalam usaha untuk menangani masalah-masalah gejala sosial di kalangan belia ini. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Muhd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib.

8. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk menghapuskan dana PTPTN yang nyata membebankan pihak pelajar bumiputera khususnya dan keluarga dengan menggantikan ia dengan skim biasiswa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan dana PTPTN.

Dana ini bertujuan untuk memastikan pembiayaan pendidikan berbentuk pinjaman kewangan yang berkesan dapat disediakan kepada semua pelajar yang layak mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan tidak ada mana-mana pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan.

Bayaran balik pinjaman PTPTN ini juga akan dapat menjamin dana ini sentiasa ada untuk membiayai pelajar-pelajar lain pada masa akan datang. Pinjaman PTPTN tidak membebankan pelajar-pelajar kerana pertama kerajaan melalui PTPTN, menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan bagi membolehkan pelajar melanjutkan pengajian mereka di IPTA dan IPTS.

Kedua, pelajar hanya perlu membayar balik pinjaman enam bulan setelah mereka tamat pengajian dan erti kata lain, pelajar tidak perlu membayar balik sewaktu mereka masih belajar.

Ketiga, jumlah bayaran balik yang dikenakan pada tahun pembayaran hanyalah serendah RM70 sebulan berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang diperoleh dan keempat bagi pelajar yang tidak memperoleh sebarang pekerjaan atau melanjutkan pengajian yang lebih tinggi mereka dibenarkan membuat penangguhan bayaran balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kerajaan masih menyediakan biasiswa kepada bumiputera dalam bidang-bidang kritikal melalui JPA, MARA, agensi-agensi kerajaan dan yayasan-yayasan negeri yang lain. Mengenai perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan, MARA dan JPA akan terus memainkan peranannya dalam menyediakan pembiayaan kepada pelajar-pelajar bumiputera dengan sokongan dan penyediaan peruntukan dari kerajaan.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya telah bertanya soalan yang berkaitan tentang caj 3% yang dikenakan di atas pinjaman PTPTN ini dan jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian adalah caj 3% ini akan terus dikekalkan sebagai kos perkhidmatan.

Walaupun tadi telah disebut RM70 sebulan sebagai bayaran balik tapi tidak disebut dan tidak dinyatakan tadi tentang 3% beban ini yang terpaksa ditanggung oleh pelajar-pelajar dan juga ibu bapa mereka. Kenapa tidak caj 3% ini dihapuskan sahaja kerana alasan ianya adalah kerana untuk kos perkhidmatan itu bagi saya mungkin tidak munasabah kerana agensi ini adalah agensi kerajaan yang melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya tempoh pembayaran balik itu kalau boleh dibuat bukan dalam tempoh enam bulan tetapi selepas pelajar itu mendapat pekerjaan paling tidak selepas tiga atau empat bulan selepas dia mendapat pekerjaan selepas menerima gaji tiga empat bulan itu baru dipotong daripada gaji mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang kita semua sedia maklum kos 3% itu adalah kos untuk membiayai perkhidmatan yang perlu ditanggung oleh PTPTN bagi membolehkan ianya menjalankan operasinya secara berkesan.

Walau bagaimanapun, buat ketika ini kementerian sedang mengkaji dua aspek dari segi perjalanan PTPTN. Pertamanya ialah mengenai kadar itu sendiri untuk tentukan agar ianya benar-benar satu kadar yang menepati kos operasi dan juga tidak membebankan pelajar. Yang keduanya, kita sedang mengkaji perubahan sistem dan fungsi kutipan balik pinjaman pendidikan yang akan mengambil kira semua pandangan yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat statistik setakat 2006 sejumlah peningkatan 3.6% kadar pinjaman yang diluluskan oleh PTPTN yang melibatkan lebih kurang 149,471 orang pelajar. Itu setakat 2006.

Ini menunjukkan angka para pelajar yang miskin yang tak ada duit hendak menyambung pelajaran ramai. Ini yang berani untuk minta pinjaman. Yang mereka tak berani hendak minta pinjaman dengan kerana kemampuan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri walaupun rendah tapi serendah itu pun mereka tak mampu untuk hendak bayar balik sudah tentulah jumlahnya makin ramai. Ini dapat kita lihat kerana bayaran balik yang diterima oleh pihak PTPTN pada tahun 2006 hanya RM185.4 juta sahaja.

Jadi kerajaan pernah dan sampai sekarang pun ada melaksanakan Skim Pinjaman TEKUN, Skim Pinjaman Amanah Ikhtiar. Maknanya satu pinjaman yang tanpa faedah. Apa salahnya kalau pihak kementerian mengadakan satu skim seperti ini pertama sekali untuk pinjaman tanpa faedah.

Dan yang kedua, kita lihat balik supaya biasiswa dapat dikaji semula supaya para pelajar yang memerlukan, yang berpotensi untuk menyambung pelajaran dapat belajar. Kita juga perlu lihat tekanan jiwa yang dihadapi oleh ibu bapa. Anak boleh belajar tetapi kemampuan ibu bapa untuk membiayai itu tidak ada. Jadi ibu bapa menghadapi tekanan jiwa. Jadi ini minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah tidak dinafikan bahawa setiap tahun jumlah yang memohon pinjaman meningkat. Seperti yang dikatakan Yang Berhormat daripada tahun 2006 - 140,000, 2007 - 160,000 dan 2008 dianggarkan 181,000 tetapi itu bukan bermakna bahawa mereka daripada kalangan yang miskin tetapi hanya mereka mendapat kemudahan yang kerajaan sediakan bagi membiayai dan bagi membolehkan mereka berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

Dari segi soal sama ada ia membebankan ataupun tidak seperti yang telah saya katakan kita sedang membuat kajian dari segi soal sistem dan fungsi kutipan balik dan sebagainya yang kita rasakan seperti yang diamalkan di sesetengah negara yang tidak akan memberi bebanan kepada pelajar-pelajar yang telah pun keluar daripada IPT.

Dari segi soal biasiswa apa yang ada di negara kita sekarang seperti yang telah saya katakan bukan bermakna kita tidak menyediakan biasiswa, masih ada. PTPTN hanyalah satu kaedah dan pendekatan untuk membantu mereka yang telah mendapat tempat dalam IPT.

Pada masa yang sama kerajaan masih lagi menyediakan penajaan misalnya kita mungkin sedar bahawa baru-baru ini melalui kenyataan Ketua Setiausaha Negara bahawa pada tahun 2008 kerajaan akan menaja seramai 2,000 orang pelajar ke luar negara. Untuk 2008 - 2,000 orang iaitu di bawah program ijazah luar negara dan bagi program ijazah dalam negara seramai 10,000 orang pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan.

Selain daripada itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga akan menaja semua pelajar lepasan SPM 2007 yang memperoleh keputusan 9A dan ke atas dan ini pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian sama ada ke tingkatan enam sekolah bantuan penuh kerajaan dan pusat-pusat matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuklah Pusat Asasi Sains Universiti Malaya, Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan seterusnya sehinggalah ke peringkat ijazah pertama di IPT tempatan.

Jadi masih lagi ada biasiswa dan sebahagian besarnya adalah untuk bumiputera dan saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana masih mempertahankan agenda Melayu. *[Tepuk]*

9. Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar] minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas pelbagai kesalahan seperti pengedaran dadah dan sebagainya dari tahun 2004 sehingga kini. Apakah tindakan kementerian bagi menyelesaikan kes-kes mahkamah yang telah dibicarakan di luar negara dan adakah pihak kementerian bercadang menubuhkan satu sekretariat di setiap negara terbabit bagi membantu rakyat Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes mahkamah tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin dan Yang Berhormat Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed - Sekijang memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah menyentuh mengenai perkara yang sama iaitu mengenai penahanan rakyat Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod sedia ada dan laporan daripada pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di atas pelbagai kesalahan seperti pemalsuan kad kredit, kesalahan berkaitan imigresen seperti tinggal lebih masa, tinggal dan bekerja tanpa permit sah, penyeludupan manusia dan penyeludupan dadah dari tahun 2004 hingga April 2008 adalah seramai 713 orang.

Daripada jumlah ini, 231 adalah berkaitan kes dadah. Bilangan kes dadah yang tertinggi yang melibatkan rakyat Malaysia adalah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 79 kes dan 78 kes pada tahun 2007. Dari segi pecahan mengikut jantina, lelaki - 162 orang, wanita - 69 orang. Mengikut kumpulan masyarakat pula, Melayu - 90 orang, Cina - 111 orang dan India - 25 orang serta lain-lain - 5 orang yang ditahan di pelbagai negara khususnya Amerika Latin, Eropah, Australia, China dan Taiwan.

Selaras dengan dasar luar Malaysia dan amalan perundangan antarabangsa, Kementerian Luar Negeri dan pejabat-pejabat kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara tidak akan campur tangan di dalam proses perundangan sesebuah negara dalam kes rakyat Malaysia yang ditahan kerana melanggar undang-undang di luar negara tersebut. Ini adalah penting untuk membolehkan proses perundangan berjalan dengan lancar dan teratur. Inilah juga adalah selaras dengan dasar negara kita yang tidak ingin campur tangan daripada pihak-pihak lain di dalam pelaksanaan perundangan dan kehakiman di negara kita sendiri.

Bagaimanapun, kerajaan Malaysia melalui pejabat-pejabat kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara berperanan di dalam memastikan perbicaraan dijalankan selaras dengan peruntukan undang-undang dan menentukan kebajikan rakyat Malaysia yang ditahan tidak terabai dari semua aspek. Ini dilakukan melalui lawatan berkala oleh pegawai-pegawai kedutaan dan tidak terkecuali ketua perwakilan atau duta tempat di mana rakyat Malaysia berkenaan ditahan.

Kementerian Luar juga akan menjadi penghubung yang penting di antara tahanan dengan ahli keluarga mereka di Malaysia dan selanjutnya memastikan pejabat-pejabat kedutaan dan konsulat memainkan peranan sebagai penghubung utama di antara pihak tahanan dengan pihak berkuasa tempatan seperti polis dan Jabatan Kehakiman Negara berkenaan.

Buat masa ini Kementerian Luar Negeri berpendapat bahawa tidak ada keperluan untuk kementerian ini menubuhkan sekretariat khusus di setiap negara terbabit bagi membantu rakyat Malaysia untuk memudah cara kes-kes mahkamah memandangkan pejabat-pejabat kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara telah pun mempunyai bahagian kaunselor dan sistem sedia ada mampu memberikan bantuan kaunselor dan pelbagai khidmat nasihat kepada rakyat Malaysia di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat dari Papar, sila.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil selain daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk membantu mereka terutama sekali mereka yang terlibat dan yang telah ditipu oleh sindiket asing dalam usaha mereka untuk menjerat warga Malaysia untuk terlibat di dalam sindiket pengedaran dadah.

Adakah pihak kementerian seperti contohnya ingin bekerjasama dengan pihak Majlis Peguam Malaysia yang kita pasti mempunyai ramai peguam yang mempunyai kepakaran di dalam persoalan perundangan terutama sekali dalam persoalan *cross-border crimes* dengan izin. Adakah pihak kementerian telah melaksanakan *travel advisory* dengan izin kepada warga Malaysia yang pergi ke luar negara atas jemputan pihak-pihak tertentu dan seterusnya terlibat dengan pengedaran dadah ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara adalah menjadi tanggungjawab kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara untuk sekurang-kurangnya mendapat maklumat. Pegawai-pegawai kaunselor daripada kedutaan-kedutaan akan mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa tempatan dan maklumat-maklumat mengenai penahanan rakyat Malaysia ini akan selanjutnya dimaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu Wisma Putra.

Setelah maklumat ini diperoleh, maka dengan kerjasama Wisma Putra akan memaklumkan kepada pihak keluarga terbabit dan dengan melalui bantuan ini, pihak keluarga akan dapat melantik peguam ataupun mendapatkan bantuan daripada pihak kedutaan untuk membela keluarga mereka yang ditahan. Bagi pihak kedutaan kita di luar negara, tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk memudah cara ataupun *facilitate* terhadap rakyat Malaysia yang ditahan dan memastikan bahawa mereka mendapat perlindungan undang-undang dan juga bantuan kebajikan yang sewajarnya.

Jadi dalam soal sama ada kita ingin bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada Majlis Peguam atau tidak, kita memang bersedia untuk bekerjasama dengan sesiapa juga untuk membolehkan rakyat Malaysia kita mendapat perlindungan yang baik di luar negara. Namun dalam soal ini, yang penting di sini, prinsip asas yang kita harus pegang ialah bahawa kita tidak mencampuri perundangan ataupun perjalanan

sistem kehakiman di negara-negara lain. Kita tidak mahu mencampuri urusan ini kerana kita sendiri tidak mahu orang lain mencampuri urusan di dalam negara kita.

Dalam soal ini kita berharap supaya sekiranya ada rakyat Malaysia ke luar negara dan kita juga akan mengeluarkan *travel advisory* tidak berapa lama lagi untuk memastikan supaya mereka yang pergi ke luar negara ini perlulah berhati-hati kerana mereka mungkin akan menjadi mangsa kepada sindiket *drug* ini ataupun tunggangan bagi sindiket dadah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana perjalanan Dewan pada pagi ini amat lancar sekali dan kita boleh mencapai nombor sembilan. Jadi bukan kepentingan saya, tetapi kepentingan bersama Ahli-ahli Dewan yang hendak bertanya kepada menteri-menteri.

Kedua, saya mengingatkan siapa yang mempunyai soalan-soalan yang belum dikeluarkan yang melebihi daripada 40 perkataan, sila berjumpa dengan setiausaha untuk meminda soalan-soalan itu. Lain kali, mungkin *you'll not be so lucky*, dengan izin Yang Berhormat. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

KENAIKAN HARGA BERAS

11.38 pg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, saya Salahuddin bin Haji Ayub – Kubang Kerian mohon mencadangkan supaya Parlimen ini ditangguhkan untuk merundingkan dan membincangkan usul yang melibatkan perkara yang tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan iaitu berkaitan dengan kenaikan harga beras di seluruh negara yang mencatatkan kenaikan mendadak di antara 15% hingga 40% baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, media melaporkan harga beras gred Super seberat 5kg sekarang dijual dengan harga RM13.50 berbanding dengan sebelum ini RM8 dengan kenaikan RM5.50, dan beras gred Super seberat 10kg sekarang dijual dengan harga RM27 berbanding RM16 sahaja sebelum ini yang telah naik sebanyak RM11.

Manakala bagi beras Jati pula, paket 5kg dijual dengan harga RM11.50 berbanding dengan RM10.60 sebelum ini. Manakala beras Jati seberat 10kg dijual dengan harga RM21.50 berbanding RM19.50 sebelum ini. Turut terkesan ialah beras import seperti beras Wangi Siam, naik antara RM8 hingga RM10 sekampit yang seberat 10kg mengikut gred.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya beras tempatan Jati Special yang biasa dijual pada harga RM18.50 sekampit seberat 10kg, kini dijual antara RM23.90 dan RM26. Pemborong beberapa tempat di Alor Star pula dapati harga seguni beras yang mereka beli dari pengilang naik antara 30% hingga 50%.

Kita kesal dengan penafian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah memberikan jaminan bahawa harga beras Super Tempatan dikawal dan tidak boleh dinaikkan sedangkan hari ini di mana sahaja kita pergi rakyat terpaksa membayar harga beras yang naik dengan begitu mendadak dan ini tentu sekali membebankan rakyat dalam negara kita.

Saya berpandangan dan berpendapat sebagai mewakili rakyat dalam negara ini bahawa Parlimen wajar ditangguhkan untuk membincangkan isu ini kerana beras adalah makanan ruji dan utama dalam negara kita dan ia amat berkepentingan ramai. Saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kerian pada hari Jumaat, 2 Mei 2008. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. *[Tepuk]*

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah dtempohkan sehingga pukul 4.30 petang, petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Keduabelas”. *[5 Mei 2008]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat daripada Batu Pahat. Lagi panjangkah Yang Berhormat, perbahasan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, tetapi tadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kadang-kadang sedikit ini, sedikit-sedikit jadi bukit Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa minit Yang Berhormat? Bagi tahu saya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Sebab tadi saya tidak diberi kesempatan untuk soalan tambahan. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sedikit Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat kurang daripada sepuluh minit. Kalau tidak orang lain tidak boleh bercakap Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

11.44 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya dua perkara sahaja, secara ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, ringkaskan, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, pertama ialah menyambung hujah saya pada hari semalam Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin bahawa sudah sampai masanya Akta Murtad ini digubal segera kerana gejala murtad yang semakin meningkat sekarang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Maka kita perlukan kepada satu undang-undang yang lebih jelas untuk menangani gejala ini supaya tidak timbul kekeliruan apabila proses apabila undang-undang mahu digunakan dan agar penyelesaian juga tidak menimbulkan salah faham khususnya dalam masyarakat berbilang kaum. Oleh kerana itu Akta Murtad ini perlu digubal segera.

Undang-undang ini perlu menyelesaikan beberapa persoalan;

- (i) apakah kebenaran untuk murtad boleh diberikan;
- (ii) soal pencegahan. Mencegah orang Islam daripada menjadi murtad;
- (iii) soal pemulihan akidah; dan
- (iv) status yang sering menjadi pertikaian sebenarnya.

Apatah lagi untuk saudara-saudara baru yang ingin kembali kepada agamanya yang asal. Jadi oleh kerana itulah saya berharap perkara ini harus diberi perhatian. Dalam soal ini saya fikir Pusat Pemulihan Akidah di negara kita juga perlu diperkemas dan dipertingkatkan kualitinya untuk mengatasi gejala murtad ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin membangkitkan soal syarikat-syarikat awam dan GLC yang digalakkan untuk menjalankan perniagaan di luar negara.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, mengenai perkara yang telah dibangkitkan, mengenai orang Islam yang ingin keluar dari agamanya. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat, adakah dia mengatakan kepada Muslim Melayu ataupun kepada mereka yang bukan Melayu tetapi masuk Islam selepas berkahwin dengan orang Islam. Saya ingin tahu sama ada mereka juga dihalang untuk keluar dari Islam apabila mereka sudah bercerai dan adakah beliau sedar masalah-masalah yang terlibat dalam keadaan-keadaan seperti ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu kata bahawa akta ini cukup penting sebenarnya. Sebab di dalam Islam apabila kita masuk Islam, dia ada peraturan dia bagaimana seseorang itu boleh murtad atau tidak dan sebagainya.

Sebab itu saya kata akta ini perlu digubal. Ini adalah soal kebebasan beragama. Tiada paksaan dalam agama maksudnya bukan kita boleh paksa orang masuk Islam, tetapi apabila dia sudah masuk Islam, maka dia kena ikutlah apa yang sudah ada dalam ajaran Islam. Jadi sebab itulah saya kata supaya proses perundangan ini lebih jelas, dan tidak menimbulkan kekeliruan, Akta Murtad ini diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk fahaman semua orang, mengikut fahaman saya kalau tidak ada paksaan untuk memeluk sesebuah agama, dan adakah unsur ini juga boleh dipakai, jika seseorang itu memeluk agama Islam dan ingin keluar dari agama tersebut, adakah ini boleh dibuat? Sekiranya untuk agama lain dia bebas. Kalau dia masuk *Buddhism* ataupun Hindu dia boleh keluar dari agama itu tanpa apa-apa halangan. Jadi adakah ini juga diamalkan oleh agama Islam?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah kalau kita menghormati setiap agama, maka kita mestilah menghormati ajaran agama tersebut.

Dalam Islam kita ada ajarannya. Ajarannya ialah tidak dibenarkan seseorang itu murtad sesuka hati dia. Ada peraturan dia. Sebab itu saya kata kita perlukan akta ini kerana ini sebenarnya akan memudahkan menyelesaikan sebarang pertikaian dengan lebih jelas. Itu saya kata bahawa Islam dia ada ajaran dia. Maka kita kena hormat ajaran Islam begitu juga kita menghormati ajaran agama yang lain.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, minta laluan Pasir Mas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar, saya habiskan sedikit sahaja iaitu kita menghormati agama lain, ajaran dia, kalau dia kata boleh sesuka hati, itu soal agama tersebut, kita hormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya cuma bagi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sekali sahaja Pasir Mas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Yang Berhormat bagi Bachok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Bachok.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Batu Pahat. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat tentang perlunya satu perundangan, satu peraturan undang-undang yang berkaitan dengan kawalan murtad ini.

Dan yang perlu juga diperjelaskan adalah kedudukan undang-undang Islam itu sendiri dalam menyelesaikan sesuatu isu, apatah lagi yang berkaitan dengan murtad dalam sistem Perundangan Islam seperti mana juga perundangannya. Apa sahaja yang ada di atas dunia ini kita harus bezakan antara undang-undang yang berkaitan dengan *substantive law*, dengan izin dan juga *procedural law*.

Substantive law ini seperti mana yang telah disebutkan tadi, kita tidak boleh memaksa seseorang itu untuk menerima sesuatu agama dan dalam Islam pun itulah kaedahnya. Tidak boleh kita paksa seseorang itu untuk menerima ajaran Islam, tetapi apabila sahaja dia sudah menjadi seorang Muslim dengan rela hati, dia tertakluk

dengan peraturan-peraturan dalam akidah Islam itu yang berkaitan dengan kepercayaan, yang berkaitan dengan iman, tetapi satu perkara yang juga perlu diberikan perhatian dalam undang-undang yang hendak diaktakan atau hendak dijadikan sesuatu di dalam ini ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ...Yang berkaitan dengan *procedural law*, yang saya rasa hal yang berkaitan dengan *procedural* ini undang-undang keterangan. Contohnya kita masih belum sampai ke tahap yang boleh kita banggakan, dan perlu kita pertingkatkan undang-undang yang berkaitan dengan keterangan dan *procedural* dalam hal-hal yang berkaitan dengan jenayah syariah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bolehlah mula gulung.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh beri lagi satu penjelasan? Satu lagi. Boleh?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sedikit sahaja yang belum ditimbulkan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya rasa saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas, dia tidak beri Yang Berhormat Beruas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tak bagilah sebab saya hendak...

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya benarkanlah Yang Berhormat Baling. [Ketawa]

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dalam apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, Islam sebagai agama rasmi atau Agama Persekutuan atau agama-agama lain bebas mengamalkan. Kita harus faham bersama ialah apabila seseorang itu telah pun menganut agama Islam, maka dia tertakluk di bawah peraturan-peraturan apa juga yang ada dalam Islam itu sendiri secara total, menyeluruh.

Oleh itu, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu Pahat. Kita perlu ada satu undang-undang, satu akta dan sebagainya kerana setiap orang yang hendak murtad dia mesti tertakluk kepada peraturan-peraturan Islam yang telah sedia ada untuk membolehkan di bawah akta itu memanggil, menemui orang-orang yang murtad supaya dapat dikenal pasti sebab munasabah, kenapa dia perlu atau kenapa dia hendak murtad. Sebab dalam Islam, dia perlu dibawa sampai ke peringkat orang itu untuk bertaubat.

Jadi kalau sampai dah ke peringkat penghujung untuk dikenal pasti permasalahan yang timbul kepada orang yang hendak murtad, maka di bawah akta ini peraturan inilah yang akan menentukan letak duduknya pada ketika itu. Jadi saya rasa mungkin Yang Berhormat Batu Pahat setuju dengan adanya akta ini tidaklah seolah-olah ditafsirkan oleh umat Islam khususnya dalam negara ini seolah-olah hendak masuk Islam, hendak keluar Islam itu boleh dipermainkan-mainkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: ...Macam kita masuk kedai, keluar kedai sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila gulung Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Batu Pahat boleh beri penjelasan satu perkara.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Beruas saya minta maaf sebab nanti bila menteri jawab, menggulung nanti bolehlah Yang Berhormat bangkitkan balik.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada orang yang nama Islam, tetapi dia tak masuk Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas, dia tak bagi. Sila duduk Yang Berhormat Beruas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Minta maaf Yang Berhormat Beruas. Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali. Ringkas juga iaitu tentang syarikat awam dan GLC yang dibenarkan untuk berniaga di luar negara. Mereka ini sepatutnya melaksanakan proses ini dengan teliti terutamanya mesti memahami akan peraturan di negara-negara yang tidak mempunyai rejim, ekonomi dan perundangan yang tersusun.

Ini cukup penting sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak mendatangkan risiko kepada kita. Dalam soal ini, kita harus mengambil iktibar apa yang berlaku dengan Singapura kerana dalam pelaburan ekuiti di luar negara ia akan membenarkan broker-broker termasuklah daripada broker-broker luar negara untuk beroperasi di negara kita.

Jadi kalau kita melihat pandangan daripada badan pengawasan kredit seperti *Standard and Poor's*, dia mengatakan bahawa, dalam penglibatan kita berniaga di luar negara ini, sebenarnya kita akan lebih mengambil kira risiko perniagaan sebenarnya. Risiko perniagaan itu sepatutnya diberi pertimbangan utama berbanding dengan pemilikan ekuiti oleh kerajaan kepada kepentingan di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat gulung.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sikit, yang ini hendak digulung. Maka dalam soal ini, saya mengatakan tadi kita harus melihat pengalaman Singapura sebab nanti kesannya ialah kepada kepentingan rakyat. Sebab dalam kes Singapura, Temasek, kita banyak menggunakan apa yang diamalkan oleh Temasek Holdings yang kerugian hampir USD145 juta termasuklah kerugiannya iaitu Syarikat Taman Perindustrian 'Shu Zhu' China – Singapura dan dalam soal ini saya harap kita mengambil perhatian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan saya juga memohon kerajaan mempertimbangkan supaya pengajian Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mestilah dibatalkan segera. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

11.57 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul untuk menjunjung kasih Titah Diraja di hadapan Dewan yang mulia ini.

Saya baru balik daripada Mahkamah Majistret oleh kerana pengarang *blog* portal berita *Malaysia Today*, Raja Petra Kamaruddin ada dipanggil semalam untuk menghadiri Majistret *Court*, Jalan Duta untuk menghadapi dakwaan kesalahan di bawah Akta Hasutan pada 9.30 pagi hari ini. Apabila saya pergi Mahkamah Majistret, semua orang ada tunggu di sana. Raja Petra Kamaruddin dan semua yang berminat dalam isu ini, tetapi tidak ada apa-apa perkembangan.

Tidak ada pegawai-pegawai sama ada daripada pihak polis termasuk mereka daripada Bahagian *Cyber Crime* yang semalam memanggil, menelefon Raja Petra untuk pergi ke Mahkamah Majistret, untuk menghadapi tuduhan hasutan ataupun daripada Kamar Peguam Negara dan apabila saya balik ke Dewan yang mulia ini, tadi saya dapati bahawa Raja Petra ada disuruh untuk pergi Mahkamah Petaling Jaya untuk tuduhan di sana, dan saya baru sahaja dapat panggilan daripada Mahkamah PJ.

Oleh kerana Ahli Parlimen Segambut kita ada di sana ataupun Exco Kanan Ronnie Liu pun ada di sana yang beri laporan, bahawa sampai sekarang Raja Petra belum hadapi apa-apa tuduhan. Sungguhpun adalah pihak polis dan pihak pegawai DPP di sana, tetapi mengapa ini berlaku? Adakah ini menunjukkan satu perkembangan yang baharu *the empire strikes back? Barisan Nasional strikes back*. Membalas tsunami politik 8 Mac yang sekarang tindakan *repressive*, yang akan diambil. Apa kesalahan Raja Petra?

Kita tahu bahawa pada hari Jumaat minggu lalu. Beliau telah dikunjungi oleh satu pasukan polis, *Sub Crime Division* di rumah beliau di Sungai Buloh dan *laptop*, CPU ada dirampas atas sebab bahawa *posting* beliau mengenai kes pembunuhan Altantuya Sharibuu yang bertajuk, "*Lets Send The Altantuya Murderers to Hell*" dan sebab siasatan ialah bahawa polis menyiasat di bawah Akta Hasutan 1948 kerana menghasut, dan juga kerana beliau telah membuat komen ke atas sesuatu kes yang masih belum diputuskan oleh mahkamah.

Dan kalau begitu, kalau oleh sebab komen mengenai kes yang dijalankan yang belum diputuskan, itulah merupakan *contempt a court*, terpulang pada mahkamah, terpulang kepada hakim-hakim yang menguruskan kes itu. Kenapa jatuhkan kategori itu hasutan? Di sini saya ada ini *posting*, "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*", saya percaya kita boleh berkongsi sentimen, perasaan ini. "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*", kita di sini semua kita boleh sokong, "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*". [Tepuk] Saya tak tahulah sama ada Barisan Nasional boleh menyokong sentimen ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat. Boleh?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Timur. Soalnya kalau dibaca keseluruhan tajuk tersebut, isinya ia mengaitkan tentang Timbalan Perdana Menteri, dan oleh kerana itulah saya fikir perkara ini wajar sebenarnya untuk diambil tindakan sebab ada pertuduhan, sangkaan buruk seperti mana yang ditulis dalam *blog* tersebut.

Oleh kerana itu, saya fikir ini tidak ada kena mengena dengan tsunami politik ataupun UMNO seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Saya fikir untuk keadilan, kerana seolah-olah dikaitkan dengan tokoh tertentu maka biarlah tindakan diambil supaya ini dapat meyakinkan kepada rakyat bahawa, inilah keadilan yang ada di negara kita jika ada tuduhan-tuduhan liar seperti itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya akan bincangkan perkara itu, tapi sebelum itu, adakah Yang Berhormat daripada Batu Pahat setuju dengan sentimen ini "*Lets Send Altantuya Murderers To Hell*". Adakah setuju? Adakah setuju? Atau rasa mereka tak patut *disend to hell*, patut pergi *heaven*, atau terdapat perlindungan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sungguhpun ada berlaku *explosive C4* yang sudah membunuh Altantuya Sharibuu. Itu perasaan. Ada setuju tak setuju, bukan penjelasan. Setuju tak setuju mengenai perasaan ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Perjelasan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*". Kita semua setuju di sini, Pakatan Rocket. Adakah Barisan Nasional setuju, "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*" atau tak setuju? Itu saja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat, nak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya tanya setuju ke tak setuju, atau tak setuju tak ada perkara untuk bincang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan, jangan lihat pasal tajuk sahaja. Itu tajuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Tengok dalaman.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tajuk. Lepas itu kita masuk ke isi kandungan. Adakah setuju dengan tajuk? Kita boleh ada perbezaan mengenai isi kandungan, tapi untuk tajuk adakah setuju, "*Lets Send Altantuya Murderers to Hell*". Ya, Yang Berhormat dari Rembau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mohon penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak bagi pengajaran.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya cuma mohon penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Ipoh Timur, sama ada Yang Berhormat setuju bahawa penentuan siapa yang akan masuk ke syurga ataupun neraka, itu sebenarnya di bawah kuasa Tuhan atau Allah SWT, dan bukan untuk kita menentukannya. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat dari Rembau, *graduated* daripada Oxford, dia tentu tahu itu *expression*. [Dewan riuh] Itu pun tak faham! Mahu men*judges* satu *religious* fundamentalis. Ini, kenapa? Dulu dalam Oxford, apa buat? Kita tahu *whole of life* Yang Berhormat dari Rembau bukan? Apa itu *heaven or hell*?...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak, Yang Berhormat Ipoh Timur. Pasir Salak!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Masa itu, masuk *heaven or hell*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, bagi jalan Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat *six million dollar man*, saya tak tahu. Adakah Yang Berhormat *six million dollar man*?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, tidak. Saya sudah lama tunggu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini sikit saja komen. Saya ingat dulu, masuk Dewan ni, kita boleh tengok contoh-contoh yang baik daripada ini, ahli-ahli ni...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, ini apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ya, soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baca, faham peraturan mesyuarat dulu. Lebih baiklah pergi baca dan faham dulu. Bukan untuk buat komen. Nak komen, tunggulah ucapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasal tadi sebut *six million dollar man*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, adakah...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengan izin, *what right have you got*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, dia tak bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagilah, kalau mahu ucap saya tak bagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, saya tak nak ucap, saya mahu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tak faham peraturan mesyuarat, saya tak bagi! Balik baca peraturan mesyuarat dahulu! [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu minta penjelasan, saya boleh bagi tapi jangan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Six million.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Salah gunakan peraturan mesyuarat. Baik, saya bagi. Bagi satu *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur. Hah! Dia bagi. Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hah! dia bagi pulak! Betul! Saya *reply* tadi sebab dia sebut *six million dollar man*. Apa kena mengena dengan apa yang dia bawa?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hah! Saya boleh bawa ini nanti. *Standing order* nanti baru tahu. Saya nak ucap terima kasihlah Yang Berhormat bagi *chance* kepada saya bercakap sedikit. Daripada Ipoh Timur, negeri Perak juga, saya pun daripada Perak. *Why should we quarrel*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Let's talk friendly, friendly.* Okey, *the point is* sebagaimana kata Yang Berhormat dari Rembau dan ini rakan-rakan kita daripada PAS pun, setuju, ini orang agama semua ni. Nak hantar orang pergi syurga, pergi neraka ni kuasa Allah SWT. Setuju tak? Diam. Diam!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu bukan pengesahan!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha... Jadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu adalah satu helah untuk ucap sahaja. Bukan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di sini kita bukan bincang mengenai agama, syurga atau neraka. Ini satu *expression* bahawa mereka yang membunuh, pembunuh Altantuya patutlah dikenakan tindakan sehabis-habisnya. Bukan pergi *hell* atau *heaven*. Kalau ini pun tak faham! Apa *graduation* daripada *ex-Oxford*? *It's a great in Oxford University.* [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, janganlah *provoke* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, nak buat apa? *You know.*

Seorang Ahli: [Menyampuk] Ini penyakit Barisan Nasionallah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak tak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagi! [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk, Yang Berhormat Kinabatangan. [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tengok dia, tak bagi! *[Dewan riuh]*
Tak mahu buang masa dalam Dewan yang mulia inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk. Sila duduk
Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak mahu jatuh standard! Tak mahu jatuh
standard Dewan yang mulia ini, sungguhpun dia sudah naik pangkat. Sudah naik
pangkat menjadi Timbalan Pengerusi BBC. Ini menjatuhkan BBClah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Menjatuhkan standard BBC sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang
Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hah! Tengok! Tengok itulah! Itulah apa
yang berlaku.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa pembesar
suara]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Penakut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat
Kinabatangan, sila duduk Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah dia ada hak untuk ucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak ada, tapi Yang
Berhormat tak bagi. Tak bagi, jadi Yang Berhormat tak payahlah komen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *But floor!* Bagaimana dia boleh rampas
floor ini? Inilah standard Timbalan Pengerusi BBC.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa pembesar
suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat
Kinabatangan, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang mahu takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah jawablah
Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak mahu sebut satu tempat
disanakan, dia patut pergilah. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa pembesar
suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat daripada Batu Pahat
tanya, dia kata bahawa baca itu *posting* ini, blog ini adalah *enunciation insinuation*,
adalah sangka jahat mengenai Timbalan Perdana Menteri dan isteri beliau, perlu,
betul? Dan sebab itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan isteri
beliau, Datin Seri Rosmah dan melalui setiausaha akhbar atau kuasa kenyataan
bahawa *reserve* hak untuk ambil tindakan membersihkan nama mereka itu baik. Itulah
masalah. *That's the point.*

Mereka ada hak untuk membersihkan nama mereka melalui tindakan-tindakan
undang-undang, tetapi kenapa mahu menggunakan segala kuasa kemudahan kerajaan
untuk ambil tindakan terhadap Raja Petra Kamaruddin. Itulah salah guna kuasa. Saya
tak mahu berdiri di sini membela apa yang ada pada isi kandungan ini, betul atau tak

betul, tetapi adalah saluran untuk Timbalan Perdana Menteri dan keluarga isteri beliau untuk ambil tindakan terhadap Raja Petra adalah *civil action*, *civil litigation*, kenapa perlulah *sedition prosecution*. [Tepuk] Kenapa? Bukankah ini...? Dulu tidak apa. Sekarang ambil tindakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa jentera kerajaan, Kamar Peguam Negara, pihak polis digunakan untuk maksud ini? Inilah salah guna kuasa dan sebab itu kita rasa ini perlulah dikutuk sekeras-kerasnya, tindakan terhadap Raja Petra Kamarudin. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur hendak bagi Kinabatangan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oh, tidak bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak bagi, saya keluarlah. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha, keluar, balik, balik, lebih baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan balik, jangan balik. [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan memang apa yang bangkit dalam prosiding ini penting, *pertinent*, *relevant* dan kita mahu tahu. Tuduhan ada dibuat. Kita, rakyat ada hak untuk tahu, benar atau tidak benar dan oleh kerana ini menimbulkan sama ada kita *good governance* di Malaysia. Dan apa yang...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Pasir Salak bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan isu-isu yang berbangkit dalam prosiding ini tentu tidak boleh kita dapat keterangan daripada kes pembunuhan Altantuya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan sebab itu, adakah kerajaan rela mengadakan satu siasatan bebas, terbuka atau satu *royal commission of enquiry* mengenai sama ada adakah benar tuduhan-tuduhan ada dibuat oleh Raja Petra Kamarudin. Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak rela ambil tindakan undang-undang untuk membersihkan nama beliau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan, Pasir Salak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi dia tidak ada timbul apa-apa perkara yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu?

Seorang Ahli: Mahu *debate*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu? Jangan salah guna kuasa Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagikah tidak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, bagi *chance* satu kali.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat dari Ipoh Timur, bagi peluang. Saya hendak bertanya, macam mana Yang Berhormat begitu pasti bahawa terdapatnya penyalahgunaan kuasa apabila Akta Hasutan digunakan terhadap Raja Petra ini? Adakah Yang Berhormat mendapat maklumat yang sahih bahawa ianya diarahkan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi pihak polis mengambil tindakan tersebut?

Atau dia tidak ada kena mengena dengan apa yang Timbalan Perdana Menteri buat? Melainkan mungkin itu adalah tindakan daripada pihak berkuasa kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap orang yang dianggap menimbulkan satu perbuatan yang boleh dilibatkan dengan Akta Hasutan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat dari Pasir Salak mungkin kata ini satu *coincidence* tetapi nampaknya banyak *coincidence* berlaku dalam Barisan Nasional. Kita perlu tahu kenapa tindakan ini sekarang diambil. Ini satu kes sudah dua tahun...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Batu bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dekat dua tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih. Saya ingin kemukakan beberapa soalan. Pertama sekali dalam kes ini, bila pihak berkuasa menggunakan Akta Hasutan, bermaksud orang ramai ini dihasut untuk mengancam ketenteraman masyarakat, tetapi dalam kes Raja Petra, adakah artikel ini ada memberi pelbagai implikasi menghasut sesiapa untuk mengancam keselamatan negara atau ketenteraman masyarakat?

Kedua, kalau betul ini memberi satu kesan negatif kepada kepimpinan nombor dua dalam negara kita, ini bermaksud telah menghina seorang pemimpin, tetapi di dalam banyak lagi *blog* dan pengguna *internet* telah menggunakan artikel mereka yang juga mengeluarkan kenyataan seperti memanggil Perdana Menteri kita untuk turun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...Supaya Perdana Menteri kita mengambil tanggungjawab ke atas kekalahan dalam Barisan Nasional. Adakah ini merupakan satu ancaman kerana ini menghina orang pertama dalam negara kita? Kalau begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...Maksudnya nombor dua adalah lebih penting daripada orang nombor pertama dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu. Penghinaan kepada sesiapa, baik nombor satu atau nombor dua tidak boleh menjadi asas untuk *prosecution* atau *prosecution* jenayah. Apa yang penting ialah kalau Peguam Negara, pihak polis mahu kaji *posting* Raja Petra Kamarudin, ada isu-isu yang lebih penting supaya rakyat boleh tahu benar atau tidak benar.

Sebagai satu contohnya, dengan izin, dalam *posting* ini, "*Then the Attorney General did a very strange thing. Just before the trial started, he made a public announcement that only three people and no others are involved in the murder. This is not only strange but highly irregular as well. It is not the Attorney General's job to determine this. This is for the court to decide. Furthermore, the trial is not even started yet, so how does the Attorney General know what is going to surface in the trial?*"

Adakah ini antara sebab kenapa tindakan diambil terhadap Raja Petra Kamarudin? Oleh kerana menyoalkan tindak tanduk Peguam Negara? Dan apa

jawapan Peguam Negara kepada kenyataan ini? Kenapa dia boleh mengisytiharkan bahawa tidak ada orang yang lain yang terlibat dalam pembunuhan Altantuya. Kenapa? Bukankah ini ditentukan oleh mahkamah?

Sebab itu Yang Berhormat dari Batu ada sebut ada banyak *blog* yang ada sebut pasal kes ini. Ada banyak tuduhan dibuat termasuk sama ada Timbalan Perdana Menteri ada jumpa dengan Altantuya, satu gambar diambil sama ada mengenai Rizal dan lain-lain. Ini perlulah satu keterangan yang sepenuhnya.

Selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri rela mengambil tindakan undang-undang untuk membersihkan nama beliau, patutlah Kabinet dan Perdana Menteri menubuhkan satu *royal commission of enquiry* untuk satu siasatan yang sepenuhnya mengenai pembunuhan *high profile* ini untuk menjaga maruah negara kita...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Penjelasan, Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat dan Pontian bangun.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana satu, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Batu Pahat, ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita mestilah menjadi rakyat yang bertanggungjawab terutama dalam kes yang masih dalam perbicaraan, tetapi kalau saya membaca apa yang ditulis dalam blog tersebut.

Memang jelas ia ada unsur menghasut sebenarnya, mengaitkan tokoh tertentu dalam kes pembunuhan tersebut. Jadi ini satu perkara yang sepatutnya kita tidak boleh biarkan. Kita kena bertanggungjawab. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sendiri iaitu apakah Yang Berhormat sendiri juga percaya tentang apa yang ditulis oleh Raja Petra tersebut dalam soal pembunuhan ini? Saya ingin penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu bukan isu di hadapan kita sama ada saya setuju 100% isi kandungan *post* ini tetapi kalau *posting* ini ada menimbulkan soal *public interest*, kepentingan orang ramai, perlulah satu keterangan dan sebab itu saya kata selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri rela ambil tindakan undang-undang untuk membersihkan nama beliau sendiri...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Ini perlu ada satu *royal commission of enquiry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Pontian?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Saya ingin mohon penjelasan daripada Ipoh Timur tentang kaitan tuduhan Altantuya dengan Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya ini.

Sedarkah Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa dalam kempen Pilihan Raya Ijok pada April tahun 2007, Timbalan Perdana Menteri telah dilaporkan dalam semua akhbar. Dilaporkan dalam semua akhbar bahawa beliau tidak kenal, tidak pernah jumpa Altantuya Sharibuu dan Timbalan Perdana Menteri juga hanya tahu bila dilaporkan dalam akhbar siapa itu Altantuya. Itu yang pertama.

Yang kedua, beliau juga telah bersumpah dengan nama Allah, ya, ini orang-orang PAS patut jelaskan kalau sumpah dengan nama Allah. Bahkan dalam kempen

itu bahawa dia tidak pernah kenal, tidak pernah jumpa, tidak tahu langsung siapa itu Altantuya. Mohon penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa pun boleh buat apa-apa kenyataan. Percaya tak percaya sahaja. [*Tepuk*] Siapa pun boleh sumpah apa-apa. Percaya tak percaya sahaja tetapi apa mustahak di sini ialah ada tuduhan dibuat dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan isteri beliau ada kata bahawa mereka *reserve* hak untuk ambil tindakan undang-undang. Kenapa tidak teruskan dengan tindakan itu dan kalau tidak diteruskan kenapa? Adakah tindakan diambil terhadap Raja Petra Kamaruddin atas perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya setuju sebagai Ahli Dewan Rakyat dan juga rakyat yang bertanggungjawab, yang patuh kepada undang-undang kita tidak boleh menghukum mana-mana individu sebelum mahkamah membuat keputusan.

Walaupun dalam kes Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, belum lagi beliau didakwa, belum lagi dibawa ke mahkamah, seluruh jentera kerajaan digunakan untuk mengaibkan Dato' Seri Anwar Ibrahim termasuk peranan Ketua Polis Negara pada ketika itu dan juga Ketua Polis Negara hari ini, Tan Sri Musa Hassan, yang menjadi pegawai penyiasat pada ketika itu.

Cuma yang uniknyanya dalam kes pembunuhan Altantuya ini ialah daripada pemandu teksi sampailah pegawai tinggi kerajaan, sebut sahaja pembunuhan Altantuya, maka pemandu teksi akan merujuk kepada Timbalan Perdana Menteri. Sebut sahaja pembunuhan Altantuya, pegawai kerajaan akan merujuk kepada Timbalan Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kes Altantuya...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebab itu saya kata saya bukan nak buat hukuman, cuma saya nak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap, sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak, kes Altantuya sedang dibicara di mahkamah...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya setuju sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya melihat ucapan bahasan Yang Berhormat Ipoh Timur berkisar...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap. ...Berkisar kepada Raja Petra yang hendak dituduh pagi ini dan tidak sama dengan Altantuya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul. Tuan Yang di-Pertua, di awal mukadimah saya sebut kita tidak boleh menghukum sebelum mahkamah membuat keputusan sebab itu saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Apakah jalan yang terbaik bagi Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan maruah beliau, keluarganya dan imej negara ini dapat dipertahankan. Apakah tindakan yang harus dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri bukanlah orang yang tertuduh dalam kes pembunuhan dalam mahkamah. Apa yang kita bincang ialah Raja Petra Kamaruddin dan perkara-perkara yang berkaitnya dan soalan Yang Berhormat Gombak ini sangat penting. Oleh sebab bukan sahaja sebagai seorang nombor dua, tetapi yang akan menjadi nombor satu. Tak tahu bila.

Sungguhpun ada suara-suara dalam UMNO yang mahu sekarang serta-merta ada peralihan kuasa, atau lagi satu tahun, dua tahun, ini sangat mustahak bukan

sahaja untuk UMNO tetapi untuk negara kita supaya kita mahu pemimpin-pemimpin tertinggi kita adalah bersih. Oleh sebab ada blog-blog yang mengaitkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan kes Altantuya, lebih baik ini perlu diselesai.

Tuan Yang di-Pertua, dua cara sahaja. Satu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Point of order.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tak keluar. Tadi dia kata dia mahu keluar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* yang ke berapa Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order. You sit down first.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Seorang, seorang *point of order.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 44.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Pasir Salak, 44.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya baca. Ya, dulu. Walaupun sudah lama tapi sudah lupa.

Seorang Ahli : Apa 44 ni...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya baca.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini kuasa Tuan Yang di-Pertua. Tidak sampai timbul kuasa Tuan Yang di-Pertua, 44.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...41. Saya baca. Kelakuan, kelakuan seseorang Ahli yang berdegil-degil [*Ketawa*] menimbulkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat berulang-ulang, berulang-ulang. Menyebutkan hujahnya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat. Cukup. Saya mengerti...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bawalah hal lain. Apa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat. Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Ketawa*] Tak sampai 44.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mengerti peraturan mesyuarat yang dibawa dan ia tidak berkaitan dengan perkara ini. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa pula tidak berkaitan? [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, perkara apa Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sungguhpun Dewan Undangan Negeri Perak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk. Peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lebih baik. 44 lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk. Peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan duduk. Apa itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dulu. Baru saya cakap. Macam mana saya nak cakap kalau Yang Berhormat tak duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat. Sila duduk. Peraturan berapa Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dulu. Mana boleh dua-dua berdiri. Dia kena duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa. Duduk Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu tahu apa peraturannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh duduk dulu. Saya mahu bertanya. Apabila seseorang berdiri *on the point of order*, perlulah sebut apa *point of order*?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu bercakap tapi Yang Berhormat tak duduk. Macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan berapa Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* nak tanya juga? 36(6) dan 36(3). Duduk dulu. Yang Berhormat Ipoh Timur melakukan sangkaan jahat terhadap pemimpin negara. Ini tidak boleh. Dia faham tetapi dia sengaja. Yang kedua, perkara di mahkamah tidak boleh dibahaskan di dewan ini. Dia bahas juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kes Altantuya masih di mahkamah. Kenapa mahu dibahas? Tuan Yang di-Pertua tidak harus benarkan perkara ini dibahas. Sila buat *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik. Saya memerhati bahasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya bersetuju bahawa bahasannya lebih berkisar kepada kes Raja Petra. *[Dewan riuh]* Sebab itu saya menegur Yang Berhormat Gombak tadi supaya tidak mengaitkan perkara Altantuya disebabkan perkara ini sedang dalam perhatian mahkamah dan saya ingin memberi perhatian kepada Ahli Yang Berhormat supaya tidak membahaskan perkara-perkara yang sedang dibahaskan, dibincang di dalam mahkamah. Sila teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap BBC yang baru tidak adalah satu kempen untuk menyalah guna kuasa, menyalah gunakan peraturan mesyuarat. Dua-dua isu ini tidak ada kena mengena saja dengan peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak ulang balik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Oh, another...*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no, no.* Ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi *chance* la orang baru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan. Apa, berdiri apa?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini tertib dalam mesyuarat. Ada tertib tak? Tak ada tertib. Bacalah dulu ketertiban...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Pasir Salak. Ya, teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tak faham peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak faham macam mana tak faham. Kita pun belajar juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan belajar. Balik belajar dulu, datang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita pun belajar juga. Mana tak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tertib.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Biar saya teruskan. Dan untuk menjawab Yang Berhormat daripada Gombak jalan yang terbuka kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah yang pertama, untuk mengambil tindakan undang-undang untuk bersihkan nama beliau sendiri dan keluarga beliau.

Kedua adalah mengadakan *Royal Commissioning Enquiry* untuk membersihkan beliau, keluarga beliau dan nama baik negara ini bahawa tidak ada kena mengena beliau dengan kes Altantuya. Kes mahkamah itu kes yang lain. Ini yang spesifik dan mustahak.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu saya bertanya adakah ini menandakan kes Raja Petra Kamaruddin satu tindakan *crackdown* dan contoh terbaru dalam *Empire Strikes Back*? Satu tindakan balasan dari Barisan Nasional berikutan dengan tsunami politik pada 8 Mac yang menafikan Barisan Nasional majoriti dua pertiga di Parlimen dan berkuasa di lima negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Balik Pulau bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Saya terus kepada isu kedua dahulu. Saya bagi contoh yang kedua. Contoh yang kedua ialah *Empire Strike Back*.

Pagi ini saya diberitahu bahawa dua orang wartawan yang sangat rajin dan terkemuka iaitu Nadeswaran dan Terence Fernandez sekarang ini sedang disiasat oleh pihak polis. Kenapa? Ini oleh kerana eksklusif mereka dan *investigative journalism* mereka. Kalau kita mahukan satu masyarakat yang terbuka kita sepatutnya menggalakkan *investigative journalism* bukannya *journalism* yang bersikap mengampu sahaja.

Ini adalah berkaitan dengan BALKIS atau Persatuan Isteri Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Parlimen Selangor iaitu sebelum 8 Mac dan berita pertama yang melaporkan mengenai salah guna wang ini, BALKIS, oleh Nadeswaran dan Terence Fernandez dalam akhbar *The Sun* pada 24 April bertajuk "*RM10 Million Gone In Three Days*". Saya percaya semua Ahli Parlimen ada membacanya.

la dua perenggan sahaja. Dengan izin:

“Three days after their husbands lost power to rule Selangor, the wives got into the act - plotting to dissolve a welfare body and remove almost RM10 million from its bank accounts. But their attempts have been thwarted by Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim who wrote to the Registrar of Societies (ROS) to question the validity of the decision to dissolve the Association of Wives of State Assemblymen and Members of Parliament in Selangor (BALKIS).”

Sekarang ini yang patut disiasat ialah bekas Menteri Besar, Khir Toyo dan isteri beliau, semua isteri-isteri bekas Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bukannya Nadeswaran dan Terence Fernandez! Kenapa wartawan-wartawan menjadi sasaran untuk siasatan pihak polis?

Ketiga ialah apa yang berlaku di Melaka. Pada hari Khamis, polis telah menggunakan kuasa kelebihan dalam menahan Ahli Parlimen Kawasan Kota Melaka dan dua orang ADUN, Yang Berhormat Goh Leong San - ADUN Kesidang dan Yang Berhormat Lim Jak Wong - ADUN Bachang pada hari bekerja apabila mereka bertindak atas permintaan penduduk-penduduk demi keselamatan rakyat jelata, terutamanya murid-murid yang berhampiran Sekolah Menengah Tun Tuah supaya memotong 10 batang skru besi yang terpacak di sebelah jalan satu projek telekomunikasi *pole* yang terbengkalai di Bachang, Melaka.

Yang Berhormat Lim telah digari tangannya, dipukul dan ditendang oleh Ketua Polis Daerah, Melaka Tengah. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh ketiga-tiga wakil rakyat DAP ini apabila tindakan mereka adalah demi keselamatan orang ramai...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya hendak habiskan ini dahulu. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh ketiga-tiga wakil rakyat DAP ini apabila tindakan mereka adalah demi keselamatan orang ramai khasnya anak-anak sekolah yang menjustifikasikan tindakan ganas polis yang melayan mereka seperti penjenayah-penjenayah sehingga menggari tangan, memukul dan menendang wakil rakyat.

Sekiranya hak-hak tanah telah dilanggar, maka ia merupakan satu urusan kes sivil dan bukanlah salah guna kuasa oleh polis yang melanggar hak asasi manusia. Jelas sekali pihak polis Melaka telah bertindak di bawah arahan Ketua Menteri Melaka dan Naib Presiden UMNO, Mohd. Ali Rustam sebagai membalas dendam terhadap tsunami politik 8 Mac sehingga menghancurkan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan *impartiality*, profesionalisme pihak polis dan kakitangan awam. Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya memang bersetuju bahawa wakil rakyat mestilah memperjuangkan apa yang rakyat tidak setuju, tetapi apabila wakil rakyat sendiri ambil tindakan untuk memotong sendiri skru, saya rasakan itu adalah tindakan yang tidak wajar. Kita tidak boleh bertindak sendiri. Biarlah suruh pihak berkuasa yang mengambil tindakan kalau ia untuk keselamatan. Saya difahamkan dekat pejabat DAP Rawang pun sebenarnya ada pemancar yang boleh mengancam keselamatan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Yang Berhormat daripada Kota Melaka mahu minta jalan. Saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Kota Melaka bukannya memberi penerangan, ya!

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, minta penjelasan mengenai tadi yang baru diucapkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan pertanyaan juga penjelasan Yang Berhormat Batu Pahat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutamanya saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa memang tidak ada projek itu. Tidak ada sesiapa yang mengaku projek yang terbengkalai sejak bulan Ogos 2007 itu. Tidak ada sesuatu pihak atau badan hendak mengaku bahawa projek itu hak mereka.

Oleh sebab itu kita bertanya kepada agensi kerajaan, MICT, siapakah pemohon untuk projek itu yang langsung tidak ada seorang pun yang mengaku. Apa yang terbiar di sana ialah batang-batang besi dan papan-papan yang berpaku di sebelah Sekolah Menengah Tun Tuah. Atas permintaan dari penduduk dan juga ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of Order* 35(1), seseorang ahli yang berhujah hendaklah menghadap kepada Tuan Yang di-Pertua, jangan memandang kepada kita. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu betul. Itu ada dalam peraturan mesyuarat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, itu memang saya tahu, tetapi *you* tengoklah *mic* saya pun di sebelah kiri. Saya mintalah, kalau hendak, saya cubalah buat pembedan. Tengoklah, *mike* pun di sebelah kiri. *[Membetulkan pembesar suara di hadapannya]* Mungkin saya boleh tolak *mic* itu ke sini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah satu projek terbengkalai, tiada sebarang bendera atau lain-lain selain daripada papan-papan yang berpaku dan juga skru-skru yang terpacak di sebelah jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Oleh sebab itu saya anggap janganlah salah faham bahawa ini satu projek awam atau projek kerajaan yang sengaja dirosakkan atau disabotaj oleh pihak kami. Saya harap ini dapat dibetulkan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Yang Berhormat Titiwangsa bangun.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka sebentar tadi iaitu apa yang dilakukan itu adalah satu tindakan prihatin kepada rakyat dan beliau telah pun menyiasat tentang perkara yang tersebut.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur, adakah tindakan pihak polis menggari Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan wakil rakyat satu tindakan yang ada ketertiban dan ada budi bicaranya di situ, sedangkan mereka bukanlah penjenayah dan lebih-lebih lagi mereka adalah wakil rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta penjelasan daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya hendak tanya Titiwangsa dan Kota Melaka ini adakah berhampiran?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jauh, tetapi ini adalah kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, saya ingin membuat kompelin di sini. Kita lihat di hadapan kita menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri. Menteri, boleh dikatakan semuanya tidak ada, timbalan menteri berapa orang sahaja sedangkan Parlimen telah membelanjakan, saya difahamkan sebanyak RM9 juta untuk membina pejabat-pejabat menteri di Parlimen ini. Minta Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Ini adalah demi kepentingan orang ramai dan tindakan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka patut dipuji dan bukan dikutuk atau dikritik. Seperti mana Yang Berhormat daripada Batu Pahat, dia berkata betul. Kita di sini perlu

mengimbangkan kedua-dua *test*, kepentingan orang ramai dan sama ada patut dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mereka di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun, hendak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana perkara ini sudah berlarutan selama enam bulan di mana tempat itu menjadi bahaya kepada murid-murid dan orang ramai...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling*. Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Bahawa tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa dia Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Ipoh Timur pun berhujah dengan berpusing ke sana, berpusing ke sini, menghadap Tuan Yang di-Pertualah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini tanggungjawab Timbalan Pengerusi BBClah. Saya harap dalam perkara ini, kita boleh... Kenapa kita mahu...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Ipoh Timur, Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Berucap dalam perkara ini. Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat daripada Batu Pahat. Saya dengar ucapan beliau semalam, sangat rasional, sangat rasional.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat? Hendak bagi menteri?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bagi dalam perkara ini.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan? Apa peraturan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mana Yang Berhormat? Yang Berhormat Jasin, Jasin, peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, apa peraturan?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, duduk dahululah saya bercakap.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Dia sudah panggil peraturan, kita pun duduk dahululah.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya bangun dengan peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan apa? Peraturan apa? Sendiri kata peraturan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Hai, Yang Berhormat Ipoh Timur lama duduk dalam Dewan, tak faham-faham. Dia baca peraturan, duduklah dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Jasin, peraturan mana?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Dia duduk dahulu. Dia baca peraturan, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, apa peraturan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mana Yang Berhormat?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya bangun dengan peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, peraturan yang mana satu?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, okey.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: “Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan, sebenarnya...”

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana satu yang mengelirukan?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Adalah satu perkara yang kurang adil daripada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Timur membuat tuduhan serta mengheret nama baik Kerajaan Negeri Melaka serta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita Ahli Yang Berhormat, *we are not above the law, we are not above the law.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah berucap Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sebenarnya polis telah menjalankan siasatan; semasa rondaan, didapati ketiga-tiga Yang Berhormat mencuri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan ada? Ya, teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nampaknya peraturan mesyuarat ini digunakan untuk ucapan, bukan? Tidak boleh. Kita harap bahawa BBC boleh atur satu sesi ajar kepada semua Ahli Parlimen Barisan Nasional jangan menyalah gunakan peraturan mesyuarat tidak boleh. *[Tepuk]* Yang Berhormat Jasin jangan lupa, dia bukan Ahli Parlimen Jasin sahaja, bukan untuk negeri Melaka sahaja, untuk Malaysia. Dia ada tanggung jawab kepada kepentingan semua rakyat Malaysia dan bukan untuk Ali Rustam sahaja.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tetapi Yang Berhormat, *we are not above the law.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You're above the law* dan kalau dalam perkara ini adalah kata bahawa ada merosakkan *property*. Inilah *civil suit*. Kenapa perlu polis ambil campur tangan? Polis bukan alat untuk UMNO atau untuk Kerajaan Melaka. *[Tepuk]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Polis atau penguat kuasa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam perkara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak minta penjelasankah Yang Berhormat? Hendak bagi, tidak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi jalan. Itu memang salah di mana tidak boleh faham...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur ini mengheret...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: ...Nama Ketua Menteri Melaka. Saya bagi UMNO menyatakan kita memberi arahan kepada polis. Mana ada Ketua Menteri Melaka bagi arahan kepada polis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jasin, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Dan dia juga menjejaskan nama baik Polis Diraja Melaka. Polis Diraja Melaka bertindak berasaskan peranan dan tanggungjawab mereka Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat Ipoh Timur ini? Haiya!! Sudah tua, duduklah. Faham sedikit. Jangan heretkan, jangan gunakan nama Ketua Menteri Melaka.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan takut Ali Rustamlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pihak kerajaan akan menjawab isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Haiya, *you* duduk, duduk, duduk. Orang lama, tidak faham undang-undang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan takutlah... Ali Rustamlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *Why* saya takut Ali Rustam? Jangan gunakan nama Ali Rustam. Polis bukan hanya mengikut arahan Ali Rustam, polis bertanggung jawab menjaga keamanan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sesi penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Haiya, haiya, duduklah, duduklah! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap dalam perkara ini, pihak polis bolehlah ambil iktibar bahawa Ketua Polis Negara boleh ambil tindakan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau bangun, Balik Pulau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Untuk menghentikan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di dalam perkara ini oleh sebab pihak polis tidak boleh menjadi alat untuk parti-parti UMNO atau Barisan Nasional atau Kerajaan Barisan Nasional di negeri Melaka untuk mengganggu...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Ipoh Timur buktikan. Apakah Ketua Menteri Melaka menurunkan arahan kepada polis untuk menangkap pencuri-pencuri itu!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Tangga Batu, duduk!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Untuk tangguhkan tindakan-tindakan, untuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli di negeri Melaka.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Apa bukti Yang Berhormat Ipoh Timur ada? Apa bukti Yang Berhormat Ipoh Timur ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Balik Pulau? Yang Berhormat Balik Pulau bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, hari Selasa yang lepas, pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Negeri Johor serta polis, lagi satu contoh, mencerobohi Persatuan Peningkatan Moral Johor Bahru 'Tek Chiau Hui' tanpa waran dan secara kerasnya merampas satu gambar skrip yang menandakan agama Islam. Persatuan berkenaan telah ditubuhkan sebagai tanda untuk menghormati kelima-lima agama besar di dunia. Empat lagi adalah agama Buddha, *Taoism*, *Christianism* dan *Confucianism*.

Persatuan Peningkatan Moral Johor Bahru telah wujud selama 50 tahun dan tidak pernah timbul sebarang aduan mengenai kewujudannya. Ini adalah lebih dari seratus persatuan peningkatan moral di seluruh dunia dan mereka mempunyai hubungan dengan persatuan yang sama di seluruh dunia.

Penguat kuasa jabatan agama yang berkenaan telah mengancam akan melakukan tindakan yang sama di lain-lain persatuan peningkatan moral di setiap negeri dan Persatuan Peningkatan Moral Muar merupakan sasaran yang seterusnya. Sungguhpun salah guna kuasa dan tindakan tidak sensitif ini telah diberhentikan oleh Menteri Besar Johor setelah suara bantahan dari masyarakat umum seluruh negara.

Apakah mesej yang disampaikan oleh tindakan liar *Little Napoleon* ini, khususnya tidak ada sebarang tindakan disiplin yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat atau mereka-mereka di peringkat tertinggi Kerajaan Negeri Johor yang membuat keputusan dasar melancarkan tindakan ganas berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan dua, tiga hari ini, boleh disifatkan sebagai satu perbahasan yang luar biasa dalam sejarah Parlimen Malaysia 50 tahun. Saya sebagai pengucap yang kelima, ada mendengar ucapan-ucapan sebelum saya. Kali yang pertama, saya dengar ucapan-ucapan daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional, pihak kerajaan yang sebut mengenai masalah rasuah dan korupsi.

Dahulu barulah Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, barulah cakap mengenai masalah rasuah dan korupsi. Sekarang kita dengar Yang Berhormat Kulai yang kemukakan cadangan usul ini ada bercakap panjang lebar dalam perkara ini, sungguhpun penyokong tidak. Penyokong Yang Berhormat daripada Bintulu adalah titik hitam, khususnya mengenai RM4.6 bilion Port Klang Free Zone *scandal*, itu kita faham.

Seterusnya kita ada mendengar Yang Berhormat Batu Pahat dan dalam *interruption*, Yang Berhormat daripada Pasir Salak, Yang Berhormat daripada Rembau pun ada menunjuk minat dalam perkara ini. Ini perkembangan yang baik. Kita mahu, kita mahu *competition*. Kita mahu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kita mahu *competition* daripada pihak kerajaan. Nanti, nanti. Kita mahu *competition* daripada pihak kerajaan untuk menitik beratkan isu-isu utama negara kita dan antara isu-isu utama yang kita hadapi di negara kita ialah korupsi. Korupsi yang bermaharajalela di negara kita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hendak bagikah laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu jawab?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan semalam? Okey...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, terima kasih. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Timur dan juga Tuan Yang di-Pertua. Ini pembedaan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi yang dia membawa saya.

He is dragging me into this, dengan izin. Menyatakan saya juga bercakap soal rasuah ini, saya pun sama-sama seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kulai dan juga Yang Berhormat daripada pembangkang. Sebenarnya apa yang saya sebutkan di dalam perbahasan tersebut ialah iaitu perkara ini ialah masalah persepsi.

Persepsi, Yang Berhormat Kulai sebut *perception*. Saya bercakap *perception*, tidak semestinya realiti. Ini saya sebut yang membuat persepsi ini, parti pembangkang. Bawa berceramah bagi Pasir Salak, wah! Bukan main lagi dengan penasihat dia, dengan presiden dia, dengan itu, dengan ini. Buat tuduhan yang bukan-bukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan penjelasan. Ini ucapan, ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh. Peraturan mesyuarat tidak benarkan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak benarkan pula. Kalau dia berucap panjang-panjang, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini, pendekkan Yang Berhormat, pendekkan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pendekkan, ya. Jadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan minta penjelasan, minta ucapan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan ucapan, saya ini penjelasan, penjelasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat dalam peraturan mesyuarat. Kalau Yang Berhormat bagi ucapan, saya pun boleh bagi ucapan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai duduk, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tunggu *your turn*, okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini pasal tadi, tidak betul. Saya tidak bersama dengan apa yang disebutkan. Soal isu rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tarik balik itu pujilah. Saya tarik balik puji itu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, duduklah. Duduklah Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya salah faham.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya salah faham. Saya ingat Yang Berhormat dari Pasir Salak berminat mengenai masalah korupsi, sekarang saya sudah tahu tidak berminat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak berminat dengan tuduhan liar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak apa, tidak apa. Ini boleh jawab masa buat ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tarik balik puji saya kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Saya tidak pernah...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, *opposition*, pembangkang ini buat tuduhan liar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Teruskan Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi jalan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua ni bagilah *chance* sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Ipoh Timur beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ingat kita ada sikit perubahan bahawa adalah lebih ramai Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional sekarang berminat dalam isu korupsi.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Ipoh Timur minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nampaknya tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat Ipoh Timur?

Seorang Ahli: Ipoh Timur, Ipoh Timur.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dari Kulai ada bermula ucapan beliau mengenai masalah beliau.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti saya bagi, duduk dulu. ...Bermula dengan isu korupsi. Dia mengakui korupsi ialah satu masalah yang besar tetapi nampaknya dia seorang sahaja atau mungkin Yang Berhormat dari Batu Pahat dia minat masalah rasuah sahaja, bola sepak? Bola sepak sahaja bukan rasuah dalam Barisan Nasional? Kerajaan pentadbiran Barisan Nasional semasa pentadbiran sekarang atau pentadbiran dahulu? Bapa Yang Berhormat yang berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, Yang Berhormat Jerlun nak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya nak minta penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur sebut tadi bahawa di belah Barisan Nasional ini tidak pernah kita bangkitkan isu rasuah.

Minta pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur, tidakkah benar kepimpinan di peringkat Barisan Nasional ini dulu bukan hanya memberi perhatian yang begitu serius mengenai masalah rasuah ini, malah telah mengambil tindakan ke atas pemimpin tertinggi di dalam negara iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu beliau telah dituduh salah laku sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah Yang Berhormat Jerlun bersetuju kes korupsi bersabit Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, satu sen pun tidak ada. Benar! Satu kes *corruption* satu sen pun tidak ada. Apa kes *corruption* ini?

Seorang Ahli: Dia tak faham lah...

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Ipoh Timur, Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Kedua, adakah Yang Berhormat dari Jerlun bersetuju bahawa masalah rasuah bermula dalam masa Tun Dr. Mahathir?

Beberapa Ahli: Ya... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Masa itu pentadbiran Tun Dr. Mahathir di samakan dengan KKN. Adakah Yang Berhormat Jerlun tahu apa KKN? Tahu kah apa KKN?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur ada tiga Ahli Parlimen bangun.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti saya belum habis. Saya mahu tanya apakah itu KKN?

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya masa itu pentadbiran Presiden Suharto pun dikenali di antarabangsa dengan KKN. Tahu kah Yang Berhormat Jerlun apa itu KKN?

Seorang Ahli: Yang tak tahu dia seorang.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Ya, saya nak jawab ni...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tahu kah? Mahu bagi tahu apa KKN?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah soal-soal itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 'K' yang pertama kronisme, 'K' yang kedua korupsi dan 'N' nepotisme.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Nepotisme, pandai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir masyhur di dunia? Malaysia masyhur di dunia, KKN.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sungguhpun baru-baru ini Tun Dr. Mahathir kata bahawa korupsi lebih teruk apabila banding dengan masa beliau bahawa korupsi di bawah meja, *under the table*. Namun selepas pentadbiran Perdana Menteri yang baru korupsi telah muncul atas meja. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur nak bagi jalan Padang Serai dengan Jerlun?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Padang Serai. Saya harap dia boleh jawab KKN dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, yang lain duduk.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila sebut pasal korupsi saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Saya juga ditahan di bawah ISA kerana dikatakan bahawa saya ini merancang beli *rocket launcher*... [*Ketawa*] merancang untuk membuat bom dan senjata. Pada masa itu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Perdana Menteri Malaysia. Dia tangkap saya, dia sumbat saya dalam tahanan. Dia langsung tidak siasat tentang

senjata, tidak sebut tentang rancangan saya untuk membuat bom, rancangan saya untuk membeli senjata tapi dia hanya sebut tentang Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dia mahu saya keluar dari Parti Keadilan masuk balik dalam MIC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya mahu penjelasan tentang korupsi kerana ini saya percaya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, apa ni?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya percaya adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya menuju kepada korupsi ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, janganlah berat sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur teruskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya diberi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi apakah Yang Berhormat Ipoh Timur, mungkinkah yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir ini yang terpesong ini adalah gejala rasuah yang tidak diketahui umum?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Wah! Ini berucap ke? Ini ceramah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tahu Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lagi satu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai berucap atas kapasiti memohon penjelasan. Jika nak berucap panjang begitu Yang Berhormat nanti giliran Yang Berhormat bolehlah panjangkan berucap begitu. Sekarang ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sekarang ini saya ingin penjelasan tentang korupsi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengar dulu, kapasitinya adalah untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Setakat itu maknanya tidak perlu berucap panjang-panjang, minta penjelasan. *Direct to the point.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey ini penjelasan. Cuma penjelasan. Yang Berhormat dari Ipoh Timur saya mahu penjelasan tentang korupsi yang disebutkan di mana ada pemimpin-pemimpin, Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini yang belum...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cukuplah tu, ini bersyarat lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti kita pun nak bersyarat juga. Boleh bagi tak?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang belum *clear* lagi nama mereka di mahkamah selepas ditangkap atas tuduhan. Apakah mereka ini layak untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukup. Ya, Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya bersetuju tetapi tadi Yang Berhormat dari Jerlun ada bangkit kes korupsi Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tidak kena mengena dengan satu sen tetapi dia berdiri, saya tahu dia mahu tanya itulah ada salah guna kuasa yang merupakan korupsi, saya tahu.

Namun kalau begitu adakah Yang Berhormat dari Jerlun bersetuju bahawa bekas Perdana Menteri patut pun didakwa oleh kerana korupsi? Oleh kerana menyalah guna kuasa yang mengakibatkan pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Lord Presiden? Bukankah ini lebih jelas bahawa masa itu Perdana Menteri tahun 1988 ada menyalahgunakan kuasa beliau untuk mencetuskan satu krisis yang bersifat *maneuverable judicial crisis* dengan pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Lord Presiden dengan dua Hakim *Supreme Court* Datuk George Seah dan Tan Sri Pawanteh.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu jawab perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah tanyalah Yang Berhormat, nak bagi jalan atau tidak mahu bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apakah penjelasan mengenai perkara ini? Berani menjawab bagi bapa beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat, nak bagi jalan atau tidak mahu bagi jalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: DAP pun ada anak menantu semua, KKN lah tu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Atas apa? Atas perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jika tidak bagi jalan saya akan suruh Yang Berhormat Jerlun duduk.

Dato' Abdul Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi laluan atau tidak sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Rela untuk menjawab bagi pihak bapa beliau Tun Dr. Mahathir dalam perkara ini. Jangan membuat tuduhan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, sambunglah nanti. Sila duduk Yang Berhormat Jerlun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang sudah pukul 1.00 petang. Kita tangguhkan Mesyuarat hingga pukul 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur untuk meneruskan perbincangan beliau, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu masa kita untuk berbahas saya dapati cuma tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sekarang ini.

Jadi saya suka ingatkan bahawa sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengganggu oleh sebab minta penjelasan, tolong Ahli-ahli Yang Berhormat minta penjelasan jangan beri penjelasan.

Minta penjelasan bermakna apabila sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sedang berucap itu, dan kalau ucapan itu kurang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat minta penjelasan. Jangan penjelasan itu adalah merupakan hujah yang menyangkal apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap itu, kerana kalau itu yang dibuat bermakna itu adalah menimbulkan suasana perbahasan.

Ini tidak dibenarkan di bawah 37(1)(b). Saya mohon kerjasama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kalau ada penyangkalan kepada hujah Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai masa untuk membahaskan nanti, kerana ramai lagi belum bercakap.

Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta Tuan Yang di-Pertua atau saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua. Adakah Tuan Yang di-Pertua telah merumuskan untuk mengehadkan masa bagi yang berucap ataupun masih belum lagi? Belum lagi sampai bila? Sebab ramai lagi yang mahu berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Maka saya ingatkan supaya kalau apabila meminta penjelasan itu betul-betul minta penjelasan oleh sebab kurang jelas, bukan memberi penjelasan.

Minta penjelasan kepada yang berucap, jadi belum lagi saya hadkan masa oleh kerana ada lagi beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua parti yang belum berucap. Apabila sudah sampai di situ baru kita hadkan masa, jadi untuk kepentingan semua, jangan habiskan masa kerana Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang rugi pada akhirnya. Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan, saya sedang memberi jalan kepada Yang Berhormat Jerlun. Saya tidak tahu dia mahu menggunakan peluang itu atau tidak, atau mahu teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak mengambil kesempatan ini, hendak menjawab sedikit apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. Yang pertamanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab itu ya.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Hendak minta saya jawab atau hendak minta saya tanya soalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi Yang Berhormat berdiri untuk minta penjelasan. Saya sudah bagi jalan dan bukan untuk jawab atau untuk berucap.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Saya tidak akan berucap, saya akan tanya soalan juga sambil saya menjawab soalan tadi, saya pun akan bertanya.

Jadi, yang pertamanya kita selalu dengar pihak pembangkang selalu sangat mengungkit-ungkit mengenai tsunami politik. Saya sendiri sudah banyak kali ke Aceh waktu berlakunya tsunami, jadi kalau boleh hendak minta janganlah kita guna perkataan "tsunami" ini, kerana bila berlaku tsunami bukan sebelah pihak sahaja yang mati, semuanya mati. Jadi, carilah istilah yang lain.

Mengenai rasuah, tidakkah Yang Berhormat Ipoh Timur setuju bahawa rasuah ini tidak semestinya berkait dengan wang ringgit tetapi salah guna kuasa pun dianggap sebagai rasuah. Itulah di mana Datuk Seri Anwar Ibrahim disabitkan kesalahan dulu. Saya pun tertanya-tanya, adakah Yang Berhormat Ipoh Timur setuju bahawa walaupun

dalam keadaan sudah bersara empat tahun yang dulu, pengaruh Tun Dr. Mahathir masih dirasai, walaupun dalam Parlimen ini sendiri sehinggakan Yang Berhormat Ipoh Timur selalu mengungkit soal Tun Dr. Mahathir. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Yang pertama mengenai perkataan “tsunami”. Sebenarnya pada Mac 2004 apabila Yang Amat Berhormat mendapat kemenangan yang besar, pada masa itu saya ada menggunakan perkataan “tsunami” yang menunjukkan satu perubahan dan kemenangan yang besar dan tidak perlulah kematian besar-besaran, itu untuk menjelaskan.

Yang kedua mengenai korupsi yang pun termasuk penyalahgunaan kuasa – benar, dan sebab itu tadi saya ada tanya sama ada Yang Berhormat daripada Jerlun bersetuju bahawa dalam masa pemerintahan bekas Perdana Menteri 22 tahun ada berlaku banyak peristiwa. Yang mana ada penyalahgunaan kuasa dan sama ada rela adakan satu siasatan terbuka khasnya mengenai pemecatan *Lord President*, Ketua Hakim Tun Salleh Abas.

Dan sangat jelas bahawa adalah penyalahgunaan kuasa oleh Perdana Menteri pada masa itu sehingga mengakibatkan 20 tahun kegelapan kehakiman negara kita. Di mana kebebasan dan kredibiliti kehakiman jatuh kepada satu tahap yang tidak pernah berlaku di Malaysia. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Jerlun bersetuju atau tidak bersetuju.

Yang ketiga saya bersetuju bahawa bekas Perdana Menteri masih ada *for good of an evil*. Ada *good*, ada *evil* tetapi Yang Berhormat Jerlun relaxah untuk bincang mengenai apa yang *good* dan apa yang buruk untuk negara, tetapi itu mungkin untuk perbincangan yang lainlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa Raja Petra Kamaruddin sudah di bawa ke mahkamah, dan ada satu *charge sedition* dan ada diberi *bail* RM5,000 dan dia enggan bayar dan sekarang dihantar ke Penjara Sungai Buloh.

Saya rasa inilah satu peristiwa di mana saya ada bangkitkan pagi ini yang menunjukkan keengganan Kerajaan Barisan Nasional, adakan satu suasana yang lebih terbuka supaya soalan-soalan berkaitan dengan tingkah laku pucuk pimpinan yang tertinggi adalah satu penjelasan khasnya satu siasatan yang terbuka.

Oleh kerana sekarang IPK di Penjara Sungai Buloh, saya rasa ini satu isu orang ramai. Ada satu kempen “Satu Orang, Satu Ringgit” untuk kumpul wang *bail* RM5,000 supaya dia boleh dibebaskan. Saya percaya bahawa seramai 82 Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, semua rela menderma RM1.00 seorang Ahli Parlimen.

Saya tidak tahu sama ada semua Ahli-ahli Barisan Nasional rela buat begitu, 220 Ahli-ahli Parlimen ini. Seringgit seorang yang menunjukkan kita mahu suasana yang lebih terbuka. Itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Sebelum ucapan saya diganggu oleh beberapa Ahli Parlimen, saya sedang sebut mengenai sedikit perubahan, yang saya lihat dalam perbincangan ini, di mana ada Ahli-ahli Parlimen daripada kerajaan yang pun nampaknya berminat mengenai isu korupsi, isu salah guna kuasa khasnya, apabila pencadang Yang Berhormat dari Kulai Presiden MCA, yang memulakan ucapan beliau khasnya mengenai isu-isu korupsi dan sangat berminat.

Oleh kerana ini ialah kali pertama saya mendengar seorang Ahli Parlimen baik pun MCA atau parti-parti komponen Barisan Nasional bincang mengenai rasuah di negara kita. Oleh kerana sehingga perbincangan ini, Ahli-ahli Parlimen yang menimbulkan, yang membangkitkan hal rasuah di Dewan yang mulia ini, ialah daripada pihak pembangkang. Tidak pernah ada sesiapa yang bangkit perkara ini bagi pihak Barisan Nasional dan ini satu perubahan yang baik. Akan tetapi kita mahu tengok inilah sebenarnya jujur dan ikhlas dan bukan satu mainan politik sahaja.

Satu soalan yang timbul, di sini ialah memang tempat yang wajar untuk melaksanakan, untuk menterjemahkan idea-idea untuk membanteras rasuah, yang elok baik ialah di Kabinet. Di Parlimen kita boleh menyuarakan. Kita boleh menyuarakan cadangan-cadangan dan bagaimana kita perlulah membanteras ataupun *political will* untuk membanteras rasuah. Akan tetapi tempat yang boleh melaksanakan, boleh menterjemahkan idea-idea itu menjadi tindakan, rancangan ialah dalam Kabinet.

Saya tidak faham, kenapa Yang Berhormat dari Kulai sebagai Presiden MCA, memilih untuk datang ke Parlimen dan bukan dalam Kabinet supaya boleh melaksanakan idea-idea itu? Apa ertinya? Kalau dia tidak ada peluang untuk masuk Kabinet kita boleh faham, datang ke Dewan yang mulia ini untuk menyuarakan. Itu pun mustahak. Saya mengalu-alukan, bukan saya kata bahawa dia tidak patut mengutarakan cadangan-cadangan, pandangan-pandangan itu.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu baik, sungguh pun lewat. Saya mengalu-alukan dan patutlah diutarakan...

Tuan Teng Boon Soon: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kenapa dia pilih tidak pergi di Kabinet supaya idea-idea itu bukan sahaja disuarakan, tetapi boleh dilaksanakan? Adakah ini menunjuk bahawa dia tidak ada kepercayaan, tidak ada keyakinan bahawa idea-idea ini boleh diterima, dan boleh dilaksanakan dalam Kabinet? Lebih elok dia datang ke Dewan yang mulia ini berucap, dan rakan-rakannya yang termasuk Yang Berhormat daripada Bentong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]: Boleh saya minta penjelasan sikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, boleh.

Dato' Liow Tiong Lai: Adakah Yang Berhormat khuatir bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang selama ini telah pun diambil alih oleh Parti MCA, kerana MCA sekarang telah pun dapat memberikan pandangan-pandangan yang konstruktif, yang lebih membina untuk pembangunan negara? Dan selama ini pun, kita telah pun menjalankan tugas ini dengan baik dalam Kabinet. Dalam kabinet telah pun kita menyuarakan, telah pun mengimplementasikan dengan berkesan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tidak takut, kita alu-alukan. Ini bukan kita takut, tadi Yang Berhormat kata bahawa sekarang MCA kemukakan idea lebih konstruktif ini mengaku dulu dia *distractive*, negatif. *[Ketawa]* Negatif dan *distractive* sehingga sekarang perlulah *copy* DAP dan parti-parti pembangkang supaya lebih konstruktif.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu saya ada kata kita lebih kompetitif dan kita mengalu-alukan untuk kebaikan negara. Dan dia boleh tengok satu dewan yang lebih seimbang, lebih *balance* supaya adalah pandangan-pandangan yang bernas boleh dikemukakan dan dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua Ahli Yang Berhormat berdiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu, saya mengalu-alukan apa Yang Berhormat dari Kulai utarakan. Saya sangat gembira mendengarnya. Akan tetapi soalan saya ialah, kenapa dia datang, pilih ke Parlimen apabila dia ada tempat yang lebih penting untuk memastikan idea-idea ini dilaksanakan? Bukankah ini lari daripada menjawab? Adakah ini satu contoh bahawa petunjuk yang pertama, dia tidak ada keyakinan bahawa Kabinet adalah tempat untuk melaksanakan idea-idea ini?

Kedua, adakah Yang Berhormat daripada Bentong tadi yang berdiri boleh memberi jaminan bahawa segala idea-idea yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sama ada dari Kulai atau Ahli-ahli Parlimen MCA tentu akan dilaksanakan di dalam Kabinet oleh kerajaan, bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Kejap! Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan bersoal jawab. Sudah saya ingatkan tadi, kalau bersoal jawab itu berbahas ertinya. Boleh minta penjelasan daripada Ipoh Timur.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Dato' Liow Tiong Lai: Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur itu adalah satu tanggapan dan juga niat jahat, yang tujuan untuk mempolitikkan apa yang diutarakan oleh Presiden MCA dalam Parlimen ini. Saya rasa kalau kita hendak berbincang secara profesional, di mana kita sebagai Ahli-ahli Parlimen hendak berbincang pasal isu, jangan hendak putar belitkan isu macam ini.

Kita bawakan isu yang baik - anti rasuah. Kita hendak pastikan bahawa perkara ini dijalankan dengan begitu baik, tetapi pihak pembangkang, pihak daripada Ipoh Timur suka hendak memutar belitkan ini...

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Liow Tiong Lai: Itulah fiil, orang kata Yang Berhormat Ipoh Timur. Selama ini dah lama dalam Parlimen, tetapi sentiasa telah menjadi batu api untuk memastikan perkara ini. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cakap sangkaan jahat, itulah sangkaan jahat. Saya tidak ada apa-apa sangkaan jahat, tetapi ini persoalan yang semua ingin tanya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa tempat yang boleh melaksanakan idea-idea tetapi lari daripada itu, tetapi datang ke Dewan yang mulia ini. Bukan saya tidak mengalu-alukan, tidak setuju! Saya setuju, tetapi kenapa? So, macam cadangan-cadangan lain bukan kali pertama kita dengar. Kita selalu pun ada dan sebab itu tadi, dua hari dahulu apabila...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Masih berdiri]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat Ipoh Timur, berdiri. Boleh minta laluan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat dari Kulai, itulah apa yang Ahli-ahli Parlimen DAP kerap kali ada kemukakan, bukannya baru. Itu baik, itu betul dan saya mengalu-alukan, tetapi soalan ialah apa yang mustahak ialah sebagai ketua parti, kenapa ketika ada tempat di Kabinet untuk melaksanakan, untuk mengotakan janji-janji, tetapi tidak memilih untuk berbuat begitu. Ya, Yang Berhormat dari Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timur, saya hendak minta penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat berasa ini satu perkara luar biasa?

Di mana sebuah parti pemerintah yang telah memerintah lebih 50 tahun, sekarang baru mengeluarkan hujah yang membina dan konstruktif tentang rasuah? Dan sebagai ketua parti dalam sebuah kerajaan yang boleh mengubah dasar, adakah ini bukan sandiwara politik apabila dia boleh membuat dasar, tetapi dia pilih di Dewan Rakyat ini untuk mengemukakan isu-isu rasuah ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bersetuju, sangat aneh! Selama 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun, 50 tahun tidak ada pendirian itu daripada parti-parti MCA atau parti-parti komponen yang lain.

Kedua, sama ada menimbulkan pandangan persepsi bahawa itu adalah sandiwara, maka itu terpulanglah kepada rakyat dan tentu mereka ada persoalan itu. So, macam cadangan-cadangan ada di buat mengenai IPCMC. Yang Berhormat dari Kulai kata patutlah ada IPMC tetapi mengapa untuk empat tahun, tiga tahun kita tidak berhenti dalam Dewan yang mulia ini.

Atau di luar untuk berjuang untuk menubuhkan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPMC)* yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penguat Kuasa Polis berkata bahawa cadangan yang terpenting daripada 125 cadangan tetapi sampai minggu lalu tiada seorang Ahli-ahli Parlimen atau Menteri MCA, atau Barisan Nasional pun memberi sokongan, tetapi sekarang, ada.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baik, kita pun harap bahawa ini antara satu reformasi yang akan dibawa oleh Perdana Menteri selepas peristiwa politik tsunami 8 Mac...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tetapi sampai sekarang, nanti, nanti. Sampai sekarang barulah kita dengar. Sebab itu kita tentu ada soalan, adakah ini jujur, adakah ini ikhlas, adakah Kerajaan Barisan Nasional...

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu sama Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini menunjukkan bahawa ini satu sandiwara kalau barulah menyuarakan dalam Parlimen tetapi tidak rela untuk memastikan ia dilaksanakan diterima di Kabinet. Apa ertinya? Dan khasnya untuk tiga empat tahun ini apa pendirian MCA, menteri-menteri MCA mengenai IPCMC. Apa pendirian Yang Berhormat daripada Bentong? Sampai sekarang tidak ada.

Sekarang baru dengar, saya mengalu-alukan tetapi bukan saya sendiri sahaja, semua yang mengeluarkan. Adakah itu ikhlas? Adakah itu jujur? Bukan kata kita tidak mahu, menolak hak Yang Berhormat daripada Kulai untuk menyuarakan. Kita mahu dengar lebih suara *constructive* ini yang selalu ada diutarakan oleh Ahli-ahli Parlimen DAP dan lain-lain Ahli Parlimen Pembangkang.

Mereka boleh *copy* kita, tidak apa. Kita boleh kata ini *copyright*. *Copyright* tidak boleh *copy*. Boleh *copy*. Semua cadangan di dalam Dewan yang mulia ini yang kita katakan, kita bebas beri *license* kepada Ahli-ahli Parlimen untuk *copy* itu...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Seperti *freedom of religion*, kebebasan beragama, seperti kehakiman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat, mohon laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Keutuhan agama. Ya, Bagan Serai dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita banyak dengar daripada rakan-rakan MCA bahawa mereka menyokong satu perjuangan pembangkang, ini minta penjelasan.

Satu perjuangan pembangkang yang hampir-hampir lebih 30 tahun saya melihat Yang Berhormat Ipoh Timur berjuang dalam Dewan yang mulia ini dan saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur beri penjelasan. Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur merasakan bahawa rakan-rakan kita di sebelah sana *they have been converted* dengan izin ataupun sudah ditarbiah untuk berjuang bersama-sama dengan kita? *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Harap begitulah bahawa mereka sudah boleh mencontohi parti-parti pembangkang sekarang sungguhpun di peringkat nasional tetapi di peringkat negeri yang ada lima negeri ialah sebuah parti yang memerintah.

Seperti yang saya kata bahawa cadangan kita, pendirian kita, kita memberi *license* kepada MCA...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan lain-lain untuk...Yang Berhormat daripada Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur kata tadi menceritakan sahaja salah guna kuasa. Memang cerita semua kita salah. DAP yang canggih, saya cuma mahu tanya di sini, surat khabar 22/04/2008.

Ini mengenai isu Grand Saga di surat khabar. Ini *executive councillor*, Ronnie Liu ini bagi arahan minta boleh roboh itu *barrier* semua, tetapi tidak pernah pergi siasat siapa salah, siapa tidak salah. Ini perkara mahu pergi mahkamah atau tidak perlu pergi mahkamah, suruh rakyat roboh semua.

Akhir sekali, daripada pagi, sini I baca dengan izin, "*this crime above because on Friday, Selangor State Local Government, Study and Research Committee Chairman, Ronnie Liu has said the land belongs to the state and gave the council the power to act. At 10.20 heavy machinery brought in by the Bandar Mahkota Cheras Open Acces Road Committee with the help of developer Narajaya Sdn. Bhd which build the road, begin drilling hole into the concrete barrier and. Work was stop at 10.40, when MPKJ...*"

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak tahu apa, saya tidak tahu apa kes.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini isu tentang salah guna kuasa. Tidak, ia mengarahkan, *to prolong the action*, pasal *state government* kasi arahan *to appoint the individual...to determine who had the right over it*. Ini ada salah satu salah guna kuasa lagi dah.

Saya cuma tanya ini Yang Berhormat Ipoh Timur ini *you* punya perintah baru berapa lama? Ada salah guna kuasa ke tidak? Ini surat khabar dia, *you* ada salah guna kuasa atau tidak *you* punya *councillor*? Menteri besar juga ada di sini, cuba tanya. Sekarang sudah masuk mahkamah. Janganlah salah guna kuasa *you*. Hari-hari hentam orang, pun tidak tahu tengok sendiri punya muka.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak tahu apa kes ini dan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa tidak tahu, *you* hari-hari orang sudah tunjuk ini *you* cakap tidak tahu... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa ini, niat jahat... Minta penjelasan la...*[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat daripada Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Itu bukan salah guna kuasa oleh Kerajaan Negeri Selangor. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut, tolong duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia kena bagi penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu, Segambut, tolong duduk dahulu. Saya ingin ingatkan kembali lagi, kalau minta penjelasan itu, minta penjelasan kepada hujah yang baru diujah oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap.

Kerana, apabila kita keluarkan perkara baru itu namanya berbahas. Jadi kalau berbahas, tidak ada kesampaian kita habis...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan perkara baru, dia bercakap soal guna kuasa. Apa beza dia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya langsung tidak tahu apa kes itu dan...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat, Ipoh Timur.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sebab itu, kita mahu bincang yang kita...
[Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kuman di lautan dia nampak, gajah depan mata tidak nampak ke?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong duduk dahulu. [Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Salah orang sahaja pandai. Tengok orang salah sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan. [Dewan riuh]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, baik duduk, yang kita mahu menumpukan perhatian ialah skandal-skandal yang kita semua tahu seperti skandal Port Klang Free Zone RM4.6 billion yang mana Yang Berhormat Bintulu ialah satu *main player*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum bagi jalan, nanti dulu...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat Bintulu duduk dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* mahu buka cerita, suruh saya balik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu, duduk dahulu. Sila.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya mahu minta sedikit penjelasan sama ada Yang Berhormat Ipoh Timur sedar bahawa dalam kes Mahkota Cheras ini Kerajaan Selangor menggunakan kuasa mereka untuk meruntuhkan *barricade* yang telah dibina tanpa sebarang keizinan.

Saya tanya sama ada Yang Berhormat Ipoh Timur juga sedar bahawa apabila penduduk-penduduk daripada Bandar Mahkota Cheras yang cuba untuk meruntuhkan *barricade* yang *illegal* itu yang dibina tanpa izin itu, polis-polis telah datang dan menangkap mereka. Saya hendak tanya, sama ada pada pendapat Yang Berhormat Ipoh Timur itulah penyalahgunaan kuasa polis-polis dan yang menyalahgunakan kuasa itu ialah pihak polis dan bukan Kerajaan Selangor yang menggunakan kuasa mereka untuk meruntuhkan *barricade* yang telah di bina tanpa keizinan pada mulanya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Serdang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh, sekarang tahu sudah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di sini, bincang mengenai korupsi yang dibangkitkan khasnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kulai mengenai korupsi dan saya mahu tanya ada perkara-perkara yang dikemukakan sebenarnya jujur dan ikhlas dan saya mahu bagi satu contoh iaitu Port Klang Free Zone RM4.6 bilion. Perkara ini saya ada bangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu berdiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Saya belum masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Bintulu. Duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia boleh *exercise*, dia boleh *exercise*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* tak payahlah, saya fahamlah apa *you* mahu cakap. *You* sudah cakap banyak kalilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia boleh *exercise*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya fahamlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia boleh *exercise*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu duduk dahulu Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh *exercise*. Banyak kali, betul. Kenapa banyak kali? RM4.6 bilion skandal yang terbesar lebih besar apabila dibandingkan dengan skandal yang pertama pemerintahan bapa Yang Berhormat Jerlun, Tun Dr. Mahathir. Skandal terbesar masa itu ialah Bumiputera Malaysia Finance skandal BMF skandal RM2.5 bilion. Sekarang Port Klang Free Zone *scandal* RM4.6 bilion dua kali ganda...

Seorang Ahli: Rekod! Rekod! *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pemerintah ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Saya belum. Pemerintah ini kata akan lebih *transparent*, lebih bersih, lebih *accountable* tetapi mana?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana itu lebih bersih...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lebih *accountable*, lebih *transparent*?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa ini? *Point of order*?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey peraturan. Sila baca peraturan nombor berapa?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah. Saya baca peraturan. Jemput duduk. Duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Sebut dahulu peraturan tetap.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk dahulu sekejap.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan Mesyuarat 36(9). Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebut kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-ahli Parlimen atau sesiapa pegawai kerajaan.

Di dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua saya berharap semoga Yang Berhormat Ipoh Timur tidak mengulang lagi tuduhan tersebut. Kalau sekiranya ada berlaku rasuah buktikan buat laporan. Jangan kita mengambil konon hendak dapatkan *political mileage* sebut dalam Parlimen. Buat apa? Pergi lapor kepada polis, kepada BPR supaya dibuat siasatan. Janganlah hendak buat tuduhan liar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana itu peraturan mesyuarat? Mana satu *point*?

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham. Saya suka ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat kalau kita boleh berbahas secara licin apabila seorang Ahli Yang Berhormat bercakap yang lain diam. Kalau mahu bercakap sama ada *point of order* atau penjelasan jangan berdiri serentak sampai empat lima orang.

Jadi Yang Berhormat Ipoh Timur kalau boleh yang 36(9) itu saya setuju. Kalau dia ada kaitan dengan seorang Ahli Parlimen atau kakitangan kerajaan mengenai dengan urusannya kalau itu cuma sebagai satu andaian, tidak fakta dan sedemikianya tolong jangan sentuh kerana itu yang kadang-kadang menimbulkan perkara yang menjadi ketegangan ini. Sila Yang Berhormat Ipoh Timur. Panjang lagi masa untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ini tak kena-mengena. Ini mengenai RM4.6 bilion Port Klang Free Zone *scandal* dan soalan-soalan yang saya bangkitkan dalam Parlimen dahulu sampai sekarang belum dijawab.

Saya harap sekarang boleh dijawab kerana kita ada seorang Menteri Pengangkutan yang baru dan Menteri Pengangkutan yang baru mengikut *style* dan komitmen MCA yang baru yang mahu membanteras rasuah sehingga beliau pernah berkata dengan izin dalam surat khabar "*Ong to tell all on the PKFZ- I wish to reveal to the people the true situation. The true situation!*"

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sampai sekarang belum mendedahkan *the true situation*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu masih berdiri. Yang Berhormat Bintulu berdiri dari tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Dia mahu *exercise*. Dia *overweight*. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk dahulu Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lebih baik duduk berdiri, duduk berdiri sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kedua...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* sudah tunjuk *you* banyak hero bagilah peluang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak cakap seperti itu! *Report on* PKFZ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagilah peluang dahulu tengok!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu duduk dahulu. Dia tak kasi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk dahulu, duduk dahulu, duduk dahulu. *Report of PKFZ it won't be just a statement, pledges Transport Minister. Won't consider whether former leaders would be investigated. Ong Tee Keat revealing the truth about the issue and not personalities.* Kita mahu sekarang apa sebenarnya latar belakang selok-belok skandal Port Klang Free Zone yang RM4.6 bilion.

Sekarang Pengerusi Port Klang, lembaga pengarah yang baru kata dan dia mengakui semalam di dalam *The Sun* - Lee Hwa Beng yang baru dilantik sebagai Port Klang Authority, Pengerusi PKA. *Lee an accountant by training opined the PKFZ was a bad idea to start with. A bad idea to start with! The idea* datang dari Yang Berhormat Bintulu yang mengakibatkan negara rugi RM4.6 bilion. *[Tepuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu berdiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti saya akan bagi jalan tapi dengar dahulu. RM4.6 bilion.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu surat khabar saya pandai bacalah, tak payah *you* ajarlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: RM4.6 bilion bukan satu angka yang kecil. Lima soalan yang saya ada kemukakan saya masih tunggu jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur mahu bagi laluan kepada Yang Berhormat Bintulu nanti atau apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, duduk dahulu Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau dia mahu berdiri duduk boleh. Nanti saya akan bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia janji akan bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti saya akan bagi apabila saya dah kemukakan pandangan saya mengenai Port Klang Free Zone saya bagi. Nanti saya masih dalam *presentation* perkara ini. Soalan-soalan pokok ialah kenapa apabila pihak berkuasa Port Klang dan Kementerian Pengangkutan begitu berkeras memberi 1,000 ekar tanah Pulau Indah kepada Port Klang Free Zone pada harga RM25 sekaki persegi atas dasar *willing buyer, willing seller*.

Sungguhpun Kamar Peguam Negara serta Perbendaharaan menyuarkan bantahan yang keras dan sebaliknya mencadangkan supaya tanah berkenaan diambil dengan tanah RM10 sekaki persegi dan Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pihak berkuasa Port Klang dan Kementerian Pengangkutan berkenaan atas dua syarat.

Pertama, jaminan tegas dari Menteri Pengangkutan bahawa cadangan Port Klang Free Zone adalah *feasible* dan *self financing*. *Feasible* dan *self financing* dan tidak akan memerlukan sebarang dana awam, tak perlu wang awam.

Kedua, bahawa setiap RM100 juta perubahan atau *variation* dalam kos pembangunan Port Klang Free Zone akan memerlukan kelulusan Jemaah Menteri terdahulu. Soalan kedua, dari segi ini syarat yang pertama telah dilanggar apabila kos projek Port Klang Free Zone telah berkembang dari RM1.1 bilion menjadi RM4.6 bilion sehingga memerlukan campur tangan dan tindakan menyelamatkan *bail out* dari kerajaan sementara.

Syarat kedua telah dilanggar apabila kos pembangunan Port Klang Free Zone yang pada asalnya RM400 juta telah berkembang menjadi RM2.8 bilion tanpa sebarang kelulusan terdahulu daripada Jemaah Menteri untuk setiap kenaikan RM100 juta dalam kos pembangunan berkenaan. Sebenarnya perlulah 14 kali Jemaah Menteri bermesyuarat memberi 14 keputusan kebenaran untuk kenaikan kos pembangunan Port Klang Free Zone daripada RM400 juta kepada RM2.8 bilion.

14 kali perlu Kabinet bermesyuarat dan buat keputusan tetapi satu kali pun tiada. Mana *accountability, transparency* dan *good governance*. Soalan ketiga Menteri Pengangkutan telah melanggar undang-undang dengan mengeluarkan *letters of support* kepada Kuala Dimensi Sendirian Berhad, syarikat Yang Berhormat Bintulu kontraktor *turnkey* Port Klang Free Zone untuk mengeluarkan RM4 bilion bon yang telah dianggap oleh pasaran sebagai gerenti kerajaan.

Menteri Pengangkutan tidak berkuasa mengeluarkan gerenti kewangan yang mengikat kerajaan kerana surat-surat ini hanya boleh dikeluarkan oleh Menteri Kewangan setelah mendapat kelulusan dari Jemaah Menteri dan *letters of support* yang pertama telah dikeluarkan oleh bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr. Ling Liong Sik pada 28 Mei 2003 iaitu hari terakhir perjawatan Menteri Pengangkutan beliau, sementara tiga lagi telah dikeluarkan oleh *successor* beliau Dato' Seri Chan Kong Choy.

Keempat sama ada bahawa dengan mengiktiraf bahawa empat *letters of support* yang tidak sah yang dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan itu masih mempunyai kesan gerenti kerajaan terhadap pasaran kerana Jemaah Menteri pada pertengahan tahun lepas telah memberi kelulusan retrospektif kepada keempat-empat surat berkenaan.

Ini telah mencipta liabiliti setinggi RM4.6 bilion kepada kerajaan dalam cubaan *build up* PKFZ. Kelima, mengapakah tidak ada tindakan yang telah diambil terhadap

bekas menteri-menteri pengangkutan iaitu Tun Dr. Lim Liong Sik, Datuk Seri Chong Kong Choy serta pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan empat *letters of support* yang tidak sah berkenaan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bintulu bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti-nanti, akan habis. Yang tidak dengar menteri-menteri pengangkutan Datuk Seri Chong Kong Choy masa itu mendakwa bahawa beliau tidak sedar bahawa sebagai Menteri Pengangkutan beliau tidak berkuasa untuk mengeluarkan *letters of support* berkenaan.

Adakah ini merupakan penjelasan yang boleh diterima sedangkan kerajaan sekarang kini telah terjejas dengan skandal RM4.6 bilion Port Klang Free Zone. Sungguhpun Kabinet ada memberi kelulusan untuk cadangan Port Klang Free Zone atas syarat bahawa ia adalah *feasible, self-financing*, tak perlu apa *support* wang dana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu masih berdiri lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, dia masih *exercise*.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat Bintulu, dia janji dia akan bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya ada janji, saya akan tunaikan janji saya, habis soalan ini. Sungguhpun Kabinet ada memberi kelulusan, kebenaran yang bersyarat bahawa projek ini *feasible, self-financing*, tak perlu apa-apa *financial support* wang kerajaan.

Sekarang perlulah terikat dengan RM4.6 bilion *support* kepada bon-bon yang dikeluarkan oleh syarikat Yang Berhormat daripada Bintulu. Bukankah benar sekarang? Bukankah sekarang bahawa Port Klang Authority dapati bahawa dengan sokongan kerajaan RM4.6 bilion pun bukan *viable*, bukan *feasible* dan bukan *self-financing*.

Dan perlulah meminta Kabinet untuk melonggarkan syarat-syarat untuk pinjaman RM4.6 bilion semacam turun kaedah, *interest* daripada 4% ke 2% untuk memanjangkan tempoh bayar balik daripada 10 tahun yang asalnya kepada 30 tahun, bukan ini semua *scandalous*?

Dan mana itu RM4.6 bilion sudah pergi? Siapa sudah untung? Siapa sudah dapat keuntungan? Adakah Yang Berhormat daripada Bintulu kata dia dapat apa-apa faedah daripada Port Klang Free Zone skandal? Siapa pemimpin-pemimpin MCA? Siapa pemimpin-pemimpin UMNO yang dapat faedah?

Bukankah ini masa sudah sampai satu *royal commission enquiry into* RM4.6 bilion Port Klang Free Zone skandal, *the biggest scandal* di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan kita ada Yang Berhormat Bintulu, Pengerusi BBC yang rela berdiri untuk mempertahankan *the biggest scandal* dalam pemerintahan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi dia laluan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Timur, kalau you berani pergi luar Dewan sana cakap. *[Tepuk]* Saya cabar kamu pergi luar sana cakap. Satu, dua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cabar apa? Cabar untuk tanya sama ada dapat faedah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tak, ini skandal, saya cabar, pergi luar Dewan sana cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sama ada dapat faedah, keuntungan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Cakap luar Dewanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana satu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana satu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tunggu luar Dewan sana.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *All right, no problem*, bila-bila pun boleh. [Dewan riuh] [Tepuk]

Seorang Ahli: Sekarang-sekarang!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuduhan palsu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bila-bila pun boleh. Tiada masalah. *You* kata nak minta penjelasan Dewan sidang bulan lepas, Timbalan Menteri Kewangan cukup jelas panjang, jelas. *You* kata ini projek tidak bagus, Menteri Besar Selangor sekarang ada sini, dia pun ada pergi melawat tapak itu, kalau projek itu tidak bagus, kenapa Selangor mahu beli? Mahu ambil alih? Satu.

Dua, saya bina projek itu termasuk tanah semua RM2 bilion lebih sahaja. Separuh itu, RM2 bilion lebih itu faedah, *interest*. *You* faham tak? Kalau tak faham, *you* tak pandai kira, bawa kalkulator, saya ajar macam mana kira. [Tepuk]

Kalau *you* tak faham, Menteri Besar Selangor ada di sini, dia dulu pun korporat punya orang, minta dia ajar *you* macam mana kira. *You* lihat dulu betul-betul, kalau kata ini projek *self-financing, everybody must support*, hari-hari kita pergi *condemn*, siapa berani mari? Kalau perempuan mahu kahwin, hari-hari orang *condemn*, ada orang berani kahwin ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan penjelasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini penjelasanlah, *you* minta saya bagilah penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan penjelasan, dia mahu ucap, dia mahu jawab.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tidak boleh *self defense* ke?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tapi tanya apa yang mahu saya ulangi, nanti beritahu saya, saya boleh ulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong bagi dia laluan dulu Yang Berhormat Ipoh Timur, yang lain duduk sekejap. Yang Berhormat Padang Serai duduk.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ketiga, *letter of support*. Saya mahu tanya *letter of support* *you* kata, ini *support*. Cuba baca dalam Dewan yang mulia, itu surat *letter of support* apa dia kata? Ini *letter of support* kepada *rating agency* ke ataupun pakai bank? Cuba baca surat itu habis dulu, terang-terang bahawa *this letter is not a guarantee letter or the payment*, cuma dia beritahu ini agensi kerajaan ada sains perjanjian ini sahaja, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu, nanti adakan saya bagi masa untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu dalam ucapan perbahasan nanti...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak, dia sudah bahas macam-macam, saya mesti jawab balik.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi saya rasa...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau tidak dia cakap saya takut.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Tidak ada yang takut di dalam Dewan ini. Kalau siapa yang takut, dia tidak akan masuk dalam Parlimen, kita semua berani-berani. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bagi jalan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Ipoh Timur yang saya telah pergi melawat FTZ itu kerana untuk mengetahui tentang pelaburan dan kegunaan wang-wang yang telah digunakan untuk membuat hartanah di kawasan tersebut.

Saya dari negeri Selangor merasakan kalau kegunaan wang yang begitu besar yang akan memberi kesan kepada juga ekonomi di kawasan Pelabuhan Klang, saya telah membuat. Adakah saudara daripada Ipoh Timur tahu bahawa harga yang dibuat untuk pembinaan-pembinaan tersebut, adalah saya anggap bukan berkirakan komersial.

Jadi oleh sebab itu, pulangan dari hasil-hasil ataupun sewaan yang didapati dari pelaburan hartanah tersebut mungkin tidak dapat dibayar untuk selama 30 ke 60 tahun. Jadi itu sebabnya Kerajaan Negeri Selangor mendapati jika pelaburan itu tidak sesuai dan ditinggalkan, ia akan menjadi beban kepada negeri Selangor.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menolong bagaimana menyelesaikan masalah ini dan pengalaman Menteri Besar Selangor dalam mengambil alih syarikat-syarikat yang tidak menguntungkan dan boleh memberi usaha baru untuk mencari pelabur-pelabur yang benar-benar boleh melabur dalam FTZ ini. Dan membawa satu hasil yang lebih baik daripada yang dijalankan oleh mereka yang hanya membuat pelaburan hartanah sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak dan selaku Menteri Besar negeri Selangor. Tentulah selepas buang RM4.6 bilion boleh menyelamatkan Port Klang Free Zone, tentulah sesiapa pun mahu menyelamatkannya selepas buang, bazir RM4.6 bilion.

Masalahnya ialah adakah ia sudah menjadi *bottomless pit*, lebih banyak wang diletakkan di dalam, lebih *bottomless the pit* itu. Kenapakah ini sebenarnya dibayangkan dalam apa yang dikatakan oleh pengerusi yang baru dalam surat khabar semalam dan dengan izin saya petik mengenai Datuk Lee Hwa Beng berkata "*For starters, an international firm of auditors will be appointed to go through the entire accounts and activities of the PKFZ. But more importantly, the focus will be on getting to the bottom of how costs escalated to RM4.6 billion - far above the original RM2 billion*".

Soalnya sekarang, yang saya hendak bertanya dalam Dewan yang mulia ini pada Parlimen dahulu dan sekarang ditanya oleh Pengerusi PKFZ. Namun Yang Berhormat bagi Bintulu menafikannya. Beliau berkata ini *blessing* kepada negara dan rakyat. *Blessing* kepada beliau sendirilah.

Mahu saya *repeat outside, I'll repeat outside*, okey. *You want me to repeat outside, blessing* kepada beliau sendiri. Nanti. *Most importantly he said the selection of an international firm of auditors.* Kenapa sekarang perlu *international firm of auditors* kalau *everything* sangat baik, sangat sempurna sangat bagus kepada negara. Kenapa perlu satu *international firm of auditors and to ensure that it is independent and free from interference while conducting its audit. People have no confidence in the ACA*, siapa yang berkata?

Bukan kita yang berkata. Pengerusi Port Klang Authorities sekarang *people have no confidence in the ACA or PAC (Public Accounts Committee)* yang dipengerusikan oleh pada satu masa itu ialah Ahli Parlimen Johor Bahru dan sekarang Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. "*The people have no confidence...*"

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...*In the ACA (Anti-Corruption Agency) or PAC, so this is the best option.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan, Pasir Salak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, biar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...*Asked if wrong-doers will be named and shamed, Lee said; "I will recommend that the findings of the audit be made public and in case of impropriety, that the law takes its course"*, adalah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Padang Serai di belakang lagi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, tidak bagi sekarang. Inilah satu skandal besar, janganlah kita tutup skandal ini. Dan saya sangat terperanjat sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang baru ada janji bahawa akan *tell all*, akan cerita semua mengenai skandal itu selepas mendapat laporan yang sepenuhnya daripada pegawai-pegawai berkenaan.

Dan sekarang *kick the ball* kepada Port Klang Authority tubuh satu *independent* audit. Tidakkah Yang Berhormat Menteri ada segala butiran yang boleh mengeluarkan satu kenyataan yang sepenuhnya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pasir Salak minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai Port Klang Free Zone *scandal*. Ya, okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya, tidakkah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur merasakan Yang Berhormat dengan izin saya sebutkan *jumping the gun*. *You are making a conclusion* sebelum penyiasatan ataupun apa-apa juga laporan dibuat.

Kalau sudah begitu Yang Berhormat menghukum atas perkara ini. Yang Berhormat bagi Shah Alam jangan senyumlah. Saya bercakap betul ini. Perkara ini belum lagi diputuskan, *you* membuat andaian itu dan ini berdasarkan laporan yang dibaca. Lagi satu Menteri Besar Selangor bercakap, saya hendak mendapat penjelasan.

Saya mendengar khabar dahulu, Menteri Besar Selangor pun ada pinjam duit hendak beli saham...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini apa penjelasan? Dia boleh ucap dalam *floor* beliau.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Dia pun menghadapi masalah juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak kena mengena.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu salah guna peraturan mesyuarat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan salah guna...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak faham peraturan mesyuarat. Selalu macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk semua. Sila duduk semua dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini dia punya *floor*. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tidak ikuti peraturan mesyuarat, apa-apa pun hujah daripada mana-mana pihak tidak akan *clear*. Itulah makanya saya mohon supaya mematuhi peraturan mesyuarat.

Satu lagi saya ingatkan, Peraturan Mesyuarat 36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Kalau berucap itu sindir-menyindir, sangkaan jahat, dia tidak boleh gunakan. Kenapa tidak boleh gunakan, nanti ia umpama cabaran...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, yang banyak buat sangkaan jahat itu parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lagi satu sikap yang tidak mematuhi peraturan tetap. *[Tepuk]* Ini kerana seseorang ahli sebelum bercakap minta dahulu izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta maaf, saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur memang ramai peminat. Jangan mengambil lebih banyak lagi peminat Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan supaya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cadangan untuk...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan. Padang Serai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi, belum bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cadangan untuk membaharui Kempen Anti Rasuah perlulah *multidimensional and multifaceted*. Kita perlu pindaan kepada undang-undang.

Kita perlu bukan sahaja perubahan institusi-institusi, tetapi kita perlu pertukaran *mindset*. Semalam saya sangat tertarik dengan Yang Berhormat bagi Rembau dalam perkara ini di mana ada sekali beliau mencadangkan bahawa perlulah memberi kuasa dan pendakwaan kepada ACA atau MCAC apabila ditubuhkan pada akhir tahun ini.

Namun adakah kita semua rela adakan satu *mindset* yang baru bahawa *zero tolerance* untuk korupsi. Saya ingat dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Rabu lalu, beliau berkata bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan jumlah kontrak yang telah diberikan adalah RM165 bilion. Sebanyak RM63 bilion telah ditawarkan untuk runding terus dan 38% projek-projek secara runding terus 62 ditawarkan secara tender.

Kita tahu mengenai masalah ketirisan, *leakage*, ketirisan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Padang Serai di belakang berdiri. Di sebelah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Let me finish, wind up this part first.* Masalah *leakage*. Rancangan Malaysia Kesembilan sebenarnya adalah projek-projeknya bernilai RM220 bilion. Kalau tidak ada satu *leakage* 10%, apa ertinya? RM22 bilion, masuk kecek orang-orang tertentu. 10% sahaja, dan inilah saya percaya kita semua kalau tahu ini adalah satu *underestimate*. Mana ada 10%.

Dahulu kata misal 10% ialah apa yang dituntut oleh orang yang memberi kontrak. Sekarang 10% ialah apa yang diberi kepada sub - sub kontraktor sahaja. Sudah tukar dan ketirisan 10% sangat rendah. Ada 20%, ada 20%, ada 30%, ada orang kata 50%. Ada kes sekolah di Muar yang dibangkitkan oleh Menteri Pengangkutan sekarang, dahulunya timbalan menteri mengenai ketirisan 90. Satu

projek pembinaan atau *renovation* RM30 ribu akhirnya RM3 ribu sahaja didapati. *It's a fact, no denial.*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya boleh bagi jalan, tetapi itu yang benar bukan. 90% ketirisan.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang minta laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya cuma hendak mohon Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bagi takrif apa maksud pengertian ketirisan secara pandangan dan fahaman Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ketirisan ialah komisen-komisen yang didapati *unearned commission* bukan yang *earn* oleh mereka yang buat kontrak itu. Kontrak, sub kontrak, sub, sub, sub beberapa kali sehingga kerja sebenarnya yang dibuat, untung yang diperoleh sangat nipis.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau saya boleh terima penjelasan ketirisan ini, maknanya apa Yang Berhormat maksudkan ketirisan itu adalah penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berlaku di dalam perkara ini.

Jadi kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara yang tertentu berhubung kait tentang penyalahgunaan kuasa, saya ingat ini bukan *avenue* untuk membangkitkan perkara ini secara spesifik. Bangkitkanlah di luar Dewan dan membuat perkara-perkara yang tertentu dengan hendak membuat *generalization on* ketirisan melibatkan 10%, 20%. *I think* dengan izin *that is not sending the right message to the* Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat berdiri kata ini tidak berlaku? Langsung tidak pernah berlaku? *Or living in a dream world?* Ini hakikat. Ini kenyataan. Semua tahu. Masalah ialah betapa seriusnya. Adakah *gravy train* atau *gravy train* pelaksanaan projek-projek pembangunan. Dahulu dan sekarang, adakah Yang Berhormat kata tidak ada *gravy train* lagi?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut pengertian saya bahawa Yang Berhormat menggunakan terma ketirisan itu sebagai satu penyalahgunaan kuasa di dalam pemberian kontrak sama ada dia berhubung kait dengan perolehan secara tender terbuka ataupun tender terhad ataupun secara runding terus.

Apa Yang Berhormat maksudkan itu adalah sebagai satu perkara *wastage*. *Wastage* ini Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sedia maklum dia berlaku di dalam beberapa peringkat tetapi kalau Yang Berhormat kata hendak buat pertuduhan sebagai sejumlah wang yang disatukan RM220 bilion, 10% maknanya RM22 *billion is just go down to the drain.*

Jadi Yang Berhormat kena mendapat bukti yang jelas dan nyatalah. Jangan buat *generalization* benda ini tiris. *You have to be specific. I think you are misleading this* Dewan. Kalau Yang Berhormat kata ada berlaku rasuah, ada berlaku perkara-perkara yang *wastage* dan perkara ini adalah masalah yang dengan izinlah Tuan Yang di-Pertua, masalah *universal*. *We have to handle with a very care and responsibility. Just not doing... doesn't have* dengan izin untuk membuat *generalization*. *Let's be specific.*

Kalau Yang Berhormat kata ketirisan berhubung kait dengan satu-satu kementerian yang berhubung dengan kait dengan sesuatu projek. *Let's do a proper benchmarking. I think* dalam proses untuk buat... *building all these things*, ataupun *perhaps* kalau ada cadangan Yang Berhormat, kita mewujudkan Jabatan Forensik Kejuruteraan supaya kita boleh semak benda ini. *This is kind of correct civilizations we are looking forward from a learned person like* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita ada kes yang dibangkitkan mengenai Sekolah di Muar di mana projek ialah RM30,000 tetapi akhirnya nilai yang dikerjakan ialah RM 3,000. Apa keputusan hasil siasatan itu? Tidak tahulah.

Ini satu cara untuk mengelakkan masalah ini ialah meminta bahawa bukti-bukti spesifik. Itu perlu sebab itu ada ACA tetapi masalah kalau sudah menjadi begitu bermaharajalela, yang begitu buruk, kita perlu menangani. Sebab itu korupsi, tak guna Yang Berhormat, menteri-menteri ataupun...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti-nanti. Yang Berhormat menteri-menteri dan timbalan menteri berkata, “*Apa bukti mengenai korupsi*” tetapi apabila dalam 10 atau 20 tahun *corruption sensation* indeks sudah jatuh.

Sudah jatuh daripada tahun 1995, daripada tangga 23 sehingga sekarang 43 tahun lalu dan semua telah mengakui korupsi yang lebih teruk sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu umumkan bahawa akan mengambil beberapa tindakan untuk mengatasinya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apa bukti spesifik yang ditanya? Adakah minta bukti yang spesifik? Fenomena sama ada korupsi atau ketirisan penyalahgunaan kuasa atau *breach of trust*, inilah kita perlu hadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Ipoh Timur. Soal korupsi, *corruption* ini. Saya ingat tidak ada satu negara dalam dunia ini yang terlepas daripada penyakit ini.

Akan tetapi apa yang kita, yang daripada awal ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *I think the* terma ketirisan ini dia bermaksud bahawa mana-mana projek yang telah pun dikhaskan, diperuntukkan kepada bumiputera, dia tiris kepada bumiputera. Akan tetapi Yang Berhormat yang menyalahgunakan ketirisan itu sebagai penyalahgunaan kuasa, rasuah dan ini adalah terma yang tidak betul Yang Berhormat. *You cannot just make that generalization* tentang ketirisan.

Jadi atas berlaku bahawa kalau dalam RMK-9, RM220 bilion dikatakan tiris 20% RM40 bilion berlaku *corruption* dalam hal ini yang ini yang saya tidak bersetuju Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itulah kita perlu satu siasatan dalam perkara ini. Setiap projek yang raksasa. Apakah *percentage*, peratus ketirisan? Apa *percentage* penyalahgunaan kuasa? Mengatakan inilah penting. Kalau kita mahu satu kerajaan yang *transparent*, yang bersih dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat beberapa cadangan mengenai memerangi rasuah.

Sungguhpun kita mengalu-alukan, kita tidak mencukupi. Semacam cadangan mengadakan pencegahan rasuah menjadi Suruhanjaya Menentang Rasuah Malaysia, *Malaysia Commission Against Corruption* (MCAC) yang bebas pada akhir tahun ini dan bertanggungjawab terhadap Parlimen, penambahan kakitangan MCAC menjadi 5,000 pegawai dalam tempoh lima tahun, perundangan melindungi *whistle-blowers* dan memperbaiki sistem *procurement* awam.

Sesuatu Badan Pencegah Rasuah tidak akan menjadi bebas hanya kerana kerajaan menghuraikan sebagai bebas. Khasnya bila ia masih berada di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukannya beroperasi sebagai sebuah badan yang *autonomies* keseluruhannya yang memberikan kuasa pendakwaan yang pada masa kini masih di bawah bidang kuasa peguam negara.

Sama ada Malaysia dapat mengatasi masalah rasuah yang semakin mudarat tidak bergantung hanya ke atas perubahan yang dilakukan ke atas organisasi atau institusi yang terlibat tetapi sama ada wujudnya semangat politik di peringkat kerajaan yang tertinggi yang menyokong sepenuh hati perang membanteras rasuah yang menyeluruh dan mengizinkan institusi-institusi membanteras rasuah dan memberikan kuasa yang sewajarnya.

Setelah mendapat kemenangan yang begitu besar sekali empat tahun yang lepas, Yang Amat Berhormat melancarkan Rancangan Integriti Nasional yang menetapkan sasaran lima tahun untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perception Index* dari tempat ke-37 dalam 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Menjadi nombor 30 dalam 2008. Sekejap, sekejap. Bagaimanapun, sasaran Rancangan Integriti Nasional tersebut di atas tidak lagi dibangkitkan selepas itu dan kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perception Index* telah merosot sebanyak enam tempat.

Daripada nombor 37 menjadi nombor 43 dalam tahun 2007 dan perkembangan itu memberikan peluang kepada Bekas Perdana Menteri untuk mendakwa bahawa masalah rasuah di bawah zaman pimpinan Perdana Menteri kini adalah lebih buruk daripada zaman pimpinan beliau dan bahawa rasuah yang sepanjang tempoh pimpinan beliau hanya berlaku di bawah meja dan kini dilakukan secara terbuka. Ya, Yang Berhormat daripada Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pohon penjelasan. Saya tertarik dengan soal anti rasuah yang dibahaskan oleh Yang Berhormat dan saya juga melihat kepada pengalaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh anak kepada Yang Berhormat sendiri iaitu Ahli-Yang Berhormat daripada Bagan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kroni.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan kroni. Janganlah kita buruk sangka, tetapi saya hendak pohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah saranan Yang Berhormat kepada kerajaan-kerajaan negeri lain yang ada di bawah kerajaan ataupun pemerintahan Pakatan Rakyat.

Sama ada mereka perlu melaksanakan sistem tender terbuka seperti mana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara total seperti mana dilaksanakan di negeri Pulau Pinang supaya kita dapat melihat keseragaman antara kerajaan-kerajaan negeri yang ada di bawah Pakatan Rakyat. Ini termasuk di Perak, di negeri Kedah dan juga di negeri Selangor dan juga di negeri Kelantan di mana sistem tender terbuka itu perlu diamalkan untuk menunjukkan *uniformity* di kalangan kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat telah pun berucap selama 129 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 80% diganggu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 129 minit. Tak ada, saya bagi Yang Berhormat 30 minit lagi sebelum menggulung perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya akan cubalah, tapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cuba, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat Rembau bersetuju dengan pengumuman dan pendirian kerajaan pakatan di negeri Pulau Pinang? Nampaknya dia bersetuju dan dia sokong, dan terima kasih, dan mengenai sama ada ini patut diselaraskan, kita akan bincang perkara-perkara ini.

Namun apa yang mustahak ialah prinsip, *accountability transparency* dan *good governance*. Antara lain kita mahu tahu bagaimana seorang yang menggelarkan sendiri sebagai *unemployed* menjadi *the richest unemployed in the world*. Bagaimana, bagaimana seorang *unemployed* tetapi *real*, sanggup, untuk jual saham dengan menghadapi kerugian ECM Libra, *unemployed*, tetapi boleh jual dengan kerugian. Wang dari mana? Adakah...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Belum habis, saya mahu tahu adakah kita *unemployed*?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *point of order*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Point of Order* 30..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order?* Adakah dia mengakui dia sendiri?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: 36(9). "...36(9) Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen ataupun siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen..."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dan di situ diheretkan semula saya apabila saya bertanya soalan yang mudah saja untuk dijawab, saya diheretkan dalam kelakuan yang luar daripada tugas saya sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jadi saya pohon..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya setuju...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Pertimbangan daripada Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Yang Berhormat Ipoh Timur kerana...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah beliau mengakui dia *richest unemployed in the world*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak perlulah, tak perlulah Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa Perkara 36(9) memang sesuai dan saya minta agar Yang Berhormat beralih kepada soal perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semua pegawai... dia mengaku dia *the richest unemployed in the world*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak payah jawab Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur setuju dengan pepatah Melayu, "Siapa makan cili, dia rasa pedas" [*Dewan riuh*] ataupun "Tepuk dada tanya selera".

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya rasa dia sebenarnya berdiri untuk menjawab bagaimana dia boleh jadi *richest unemployed in the world* bukan untuk menghalang, menghalang...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Speaker, *point of order*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau dia mahu bincang...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Setelah Tuan Speaker kata tak boleh tadi, dia masih lagi terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Keterbukaan..

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Dia masih lagi terus dengan sikap tuduhan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah itu sangkaan jahat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima saya sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah itu sangkaan jahat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sedangkan saya tanya soalan yang membina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rembau, cukup Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Soalan yang mudah, soalan yang membina untuk...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini *public fact* bukan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bersama-sama kita membanteras rasuah dan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan ke *public fact*?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Ketidakikhlasan Ipoh Timur yang tidak ingin menerima satu teguran, satu soalan yang mudah.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat tidak boleh membahaskan tentang kelakuan seorang Ahli Parlimen. Itu jelas dalam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 30(9).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kelakuan seorang Ahli Parlimen sebagai seorang *richest unemployed in the world*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu bukan Ahli Parlimen.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah, cukuplah Yang Berhormat. Saya buat keputusan bahawa baik Yang Berhormat beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya ingin membantu beliau dalam perbahasan tetapi bersangka buruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan menjadi *richest enemloyed in the world*lah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak perlulah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Tanpa...

Seorang Ahli: *Jealous* dia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, dua bulan telah terlepas, sejak tsunami politik, 8 Mac, Pilihan Raya Umum 2008 di mana BN buat pertama kali kehilangan majoriti 2/3 dan kehilangan kuasa di lima negeri.

Lebih dari dua minggu selepas tsunami politik, Yang Amat Berhormat mengakui bahawa keputusan pilihan raya ini merupakan satu mesej yang serius, bahawa beliau tidak bertindak cukup pantas untuk melaksanakan pengubahsuaian yang beliau janjikan.

Apabila beliau diberikan mandat besar, yang tidak pernah berlaku sebelum pilihan raya 2004, di mana Barisan Nasional memenangi 91% dari jumlah kerusi di Parlimen. Dan beliau kata bahawa polemik dan *politician*. Ini merupakan petanda bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang bergelut dengan masalah serius ialah penafian. Bagaimanapun, semua ini masih tidak meyakinkan kerana beliau telah salah faham dengan makna sebenar.

Keputusan Pilihan Raya Umum 8 Mac ianya bukan mengenai fakta bahawa Yang Amat Berhormat tidak bertindak cukup pantas dalam usaha pembaharuan yang dijanjikan lebih dari empat tahun yang lepas, tetapi bahawa beliau hampir tidak mengambil apa-apa tindakan konkrit melainkan melaung-laungkan slogan dan kata-kata kosong mengenai pembaharuan dari semasa ke semasa. Adakah Yang Amat Berhormat dan Jemaah Menteri ini kini benar-benar faham dalam mesej yang disampaikan oleh rakyat Malaysia dalam tsunami politik, 8 Mac itu.

Ini merupakan pertanyaan Parlimen saya yang pertama, ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Rabu yang lepas meminta beliau menggariskan sepuluh langkah pembaharuan keutamaan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh 12 bulan ini untuk menunjukkan bahawa beliau sedar mengenai hajat rakyat dalam tsunami politik 8 Mac 2008, dan daripada jawapan yang bertulis yang diberikan ada menggariskan tujuh bidang untuk pembaharuan:

- (i) menangani impak kenaikan harga barang terutamanya makanan akibat arus pasaran global;
- (ii) mengkaji semula pelaksanaan pelan-pelan ekonomi negara bagi memastikan agar faedah pembangunan negara akan dinikmati oleh setiap rakyat;
- (iii) mengurangkan jurang pendapatan di kalangan dan di antara golongan etnik di samping memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat Malaysia;
- (iv) mengurangkan kadar jenayah;
- (v) meneruskan usaha ke arah memerangi rasuah dan meningkatkan budaya integriti;
- (vi) menyokong pembaharuan seta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman; dan
- (vii) menangani isu sensitif berhubung agama termasuk pembinaan dan pemindahan rumah ibadat.

Saya sungguh terperanjat bahawa selepas hampir dua bulan berlakunya tsunami politik, 8 Mac, dan kegagalan lebih dari empat tahun dalam menunaikan pembaharuan yang dijanjikan dalam pilihan raya 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih tidak dapat menggariskan sepuluh langkah pembaharuan terutama yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan, tetapi hanya menggariskan tujuh langkah sahaja. Mungkin peringkat keempat di Putrajaya tidak bekerja dengan kuat.

Bagaimanapun dengan pembebasan segera tanpa syarat lima pemimpin Hindraf P. Uthayakumar, ADUN Selangor DAP M. Manoharan, V. Ganabathurai, R. Kenghadharan, T. Vasantha Kumar serta lain-lain mangsa tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang berjumlah lebih dari 60 orang dan antaranya ada yang telah ditahan lebih dari enam tahun lamanya.

Bagaimana pula dengan penghapusan segala undang-undang yang menindas dan *draconian*, misalnya Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Bagaimana pula dengan pelaksanaan sepenuh 125 cadangan Suruhanjaya Polis Diraja yang bertujuan mencipta Pasukan Perkhidmatan Polis yang efisien, bersih, profesional, bertaraf dunia yang mengurangkan jenayah, menghapuskan rasuah dan menjunjung hak asasi manusia khasnya pembentukan Suruhanjaya Aduan dan Salah Laku Polis Bebas (IPCMC)?

Bagaimana pula dengan pembaharuan media untuk membolehkan media yang bebas dan bertanggungjawab dan berkembang di Malaysia? Bagaimana pula dengan pembaharuan dan pemodenan Parlimen demi mencipta Parlimen bertaraf dunia?

Bagaimana pula dengan komitmen sepenuhnya untuk memperkukuhkan daya saingan antarabangsa Malaysia supaya negara kita berjaya menghadapi cabaran-cabaran globalisasi, melancarkan mesej yang jelas bahawa kesejahteraan dan kemajuan negara yang berterusan bergantung ke atas keupayaan rakyat Malaysia bersaing dengan masyarakat dunia, dan bukannya persaingan di antara kaum Melayu dengan bukan Melayu? *[Tepuk]*

Dan yang penting sekali bagaimana pula dengan pembaharuan pembinaan negara memandangkan mesej terpenting dalam tsunami politik, 8 Mac adalah pemikiran *marginalization alienation* rakyat Malaysia, tidak kira kaum, agama, geografi dan penggabungan politik dari proses pembangunan negara.

Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan sebanyak RM100 juta untuk meraikan ulang tahun ke-50 Merdeka, dan kita masih berada dalam tempoh kerajaan ini yang bermaksud mengambil masa selama setahun dari 31 Ogos tahun lepas sehingga 31 Ogos yang akan datang.

Wang telah dihabiskan secara boros atas majlis-majlis, perayaan-perayaan dan persembahan-persembahan bunga api yang tidak bermakna langsung kepada rakyat jelata atau negara pada keseluruhannya dalam segi menunjukkan Malaysia ke masa depan yang lebih bersatu padu, harmoni, adil, maju dan sejahtera.

Sebenarnya, sepanjang tempoh menuju ke perayaan Merdeka ke-50, pada 31 Ogos tahun lepas serta bulan-bulan yang berikutnya merupakan masa-masa yang paling memecahbelahkan negara, kerana jelas kelihatan kesan-kesan polarisasi dalam bentuk kaum, agama, politik dengan peristiwa-peristiwa semacam menghunus keris dan lain-lain. Yang ironiknya peristiwa yang paling penting dan bermakna...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun. Hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada sebut tentang perpecahan dari segi politik.

Saya cuma pohon penjelasan daripada Yang Berhormat tentang isu yang sedang berlaku di negeri Perak, mengenai pemindahan Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak yang telah ditarik balik oleh Menteri Besar Perak atas nasihat daripada pihak istana. Akan tetapi semalam, Ahli Parlimen dari Bukit Gelugor iaitu satu parti dengan Yang Berhormat telah mengatakan bahawa tindakan Tuanku adalah tindakan yang melanggar Perlembagaan, *unconstitutional*, dengan izin.

Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat, yang telah sebut tentang perpecahan politik. Adakah ini melambangkan perpecahan politik di kalangan Pakatan Rakyat di negeri Perak, di mana Menteri Besar dari Parti PAS telah setuju supaya Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak *direinstate*, tetapi pada masa yang sama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor mengatakan bahawa ini adalah tindakan yang *unconstitutional*? Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita ingat bahawa UMNO dan Perdana Menteri sendiri pernah berkata bahawa Yang di-Pertuan Agong ada bertindak tidak *constitutional*, bukan? Mengenai krisis Terengganu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bila dia kata, Yang Berhormat? Bila dia keluar *statement* Yang di-Pertuan Agong *unconstitutional*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah UMNO tidak setia kepada sistem raja-raja apabila boleh buat tuduhan semacam itu?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia cuma bagi cadangan sebagai ketua parti...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah UMNO rela memohon maaf dalam perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bolehlah berbahas macam ini, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekarang saya tanya kepada Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You* jangan *dictate* dalam *House* ini. Ini bukan *fourth floor* Putrajaya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apakah pendirian Yang Berhormat dalam isu Jabatan Agama Islam Negeri Perak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ipoh Timur tidak menjawab soalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita mahu tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rembau.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ipoh Timur tidak menjawab soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ipoh Timur *diverting, diverting*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu permintaan maaf mahu dibuat oleh DAP mengenai perkataan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak hendak minta penjelasan. Hendak bagi Pasir Salak, Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Bahawa tindakan Yang di-Pertuan Agong adalah *unconstitutional*, adakah ini dapat didengar...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Rembau tanya satu soalan, kenapa Yang Berhormat Ipoh Timur pergi kepada perkara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab itu dulu dan sebab itu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The biggest twister in the House*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya boleh jawab ini, Yang Berhormat. Saya boleh bagi penjelasan. Saya tanya soalan tadi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, *the biggest twister in the House*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah mahu... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The biggest twister*, pembelit, penipu, pembelit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berdemonstrasi, siapa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Your are old man* memberi contoh yang tidak baik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak, ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hah! Ini dia punya konco-konco. Ini Perak punya konco-konco hendak membela ini. Bagilah *chance. Give it to them.* Yang Berhormat Taiping and Beruas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tunggu jawapan, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan meminta maaf.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: No, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Beberapa Ahli bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi siapa, Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi saya dululah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, hendak bagi mana, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Beruas, Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ha, Beruas ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Pasir Salak ini tidak faham.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa tidak faham?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu soalan ini boleh...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang tidak faham?

Beberapa Ahli: Duduk dulu, duduk!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak faham apa?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Speaker, Pasir Salak ini tidak faham.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak faham apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak sila duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kadang-kadang sesuatu soalan ini boleh dijawab dengan satu soalan. Jawapannya sudah jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi tadi Yang Berhormat Ipoh Timur sudah tanya satu lagi soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat bangun untuk meminta penjelasan daripada Ipoh Timur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada diskriminasi. Saya bangun dulu, dia bagi pula itu Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Speaker.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Discrimination!*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timur, sama ada sesuatu jawapan itu kepada sesuatu soalan boleh juga kita kata dalam format satu soalan yang dengan jelasnya memberi jawapan yang ketara?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau orang yang mengemukakan soalan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon penjelasan, Ipoh Timur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Pasir Salak, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia selalu salah guna peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi Taiping?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagi dia belajar dulu peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat yang banyak salah guna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Timur banyak salah guna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi dia.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia lagi banyak salah guna peraturan mesyuarat. *He is the worst.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Balik belajar dulu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Penjelasan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang tua dari Ipoh Timur. Hah, tengok.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih.

Seorang Ahli: Kroni.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa ini?

Seorang Ahli: Kroni, kroni!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum memerintah lagi sudah buat ini macam contoh. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau jadi pemerintah, tidak tahu apa dia buat kepada kita semua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak, cukuplah Pasir Salak.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur sedar Pasir Salak pernah mengancam hendak memukul saya dalam Dewan Undangan Negeri Perak dan satu laporan polis telah pun dibuat terhadap beliau.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah soalan macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Adakah Yang Berhormat sedar tentang kelakuan orang liar dalam Dewan macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping, tidak payahlah tanya seperti itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Speaker, ini budak kecil dia mengadu sama dia punya bapak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita semua baru tahu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia mengadu sama dia punya bapak. Apa pasal ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu kelakuan dia. Okey, saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak, dia tidak bagi jalan. Hendak bagi Batu Pahat, Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini mengadu dengan dia punya bapak ini. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I am very sorry for youlah. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, Yang Berhormat cuma ada 10 minit daripada sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 10 minit?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang ironiknya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana ada penjelasan 10 minit.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No injury time.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Batu Pahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Yang ironiknya peristiwa yang paling penting dan bermakna dalam Ulang Tahun Ke-50 Merdeka ini, sebenarnya adalah tsunami politik 8 Mac, dan Pilihan Raya Umum 2008 yang berikutan dengan berakhirnya kuasa dua pertiga UMNO dan BN di Parlimen, khasnya UMNO *political hegemony* serta kehilangan kuasa mereka di lima negeri merupakan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu saya sudah banyak kali minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Satu amaran kepada rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi penjelasan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Malaysia bahawa wujudnya masalah besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi laluanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Masalah besar dalam proses pembinaan negara selama 50 tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi saya laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dua hari...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak bagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak faham peraturan mesyuarat. Dua hari...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di Dewan Undangan Negeri pukul ADUN yang lain pun, mana boleh bagi!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't underestimate.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana boleh bagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are over estimating yourself.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh pukul orang pun, mana boleh? Tidak faham peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are over estimating yourself,* Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dua hari selepas keputusan Pilihan Raya 2008 diumumkan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini besar kepala. Yang Berhormat Ipoh Timur ini besar kepala.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sokong, sokong. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya cadang Peraturan 44, halau dia daripada Dewanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah, tidak payah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk][Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sampai ke tahap itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau halau, halau dulu Ipoh Timur itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, kalau dia berdegil. Dua hari selepas keputusan Pilihan Raya Umum 2008 diumumkan, satu rencana *Op Ed* muncul di *Asian Wall Street Journal* di bawah nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertajuk "*Malaysia Will Heal Her Divisions*". Bagaimanapun, dua bulan selepas itu janji-janji baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melancarkan pembaharuan masih kekal sebagai retorik sahaja.

Mengapakah Yang Amat Berhormat gagal dalam ujian pertamanya, dalam janji-janji baru kononnya akan memberikan perhatian kepada suara rakyat dan memulakan proses *national healing* selepas "Tsunami 8 Mac" itu dan sebaliknya meneruskan dengan dasar-dasar yang tidak adil, sembarangan dan tidak demokratik dengan terus menahan lima pemimpin Hindraf di bawah ISA.

Apa yang telah dilakukan oleh kelima-lima orang ini hanya melancarkan kempen nasional membantah fakta *marginalization* rakyat India...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, Batu Pahat bangun, Ipoh Timur. Hendak bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Di Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ada lapan minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Yang mengakibatkan kaum India tertinggal sebagai *underclass* di Malaysia. Adakah Yang Amat Berhormat bersedia untuk menggalakkan pembebasan segera tanpa syarat, kelima-lima pemimpin Hindraf dari Pusat Tahanan Kemunting dan melibatkan mereka dalam proses *national healing* ini demi mengakhiri masalah *marginalization* semua kaum di Malaysia sama ada India, Melayu, Cina, Kadazan, Iban atau Orang Asli?

Sekiranya Yang Amat Berhormat betul-betul mendengar suara rakyat jelata, beliau akan tahu bahawa salah satu sebab utama tsunami politik 8 Mac dan kegagalan besar BN di mana sokongan di kalangan masyarakat India terjunam sebanyak 35%, dari 82% menjadi 47% dan MIC hampir-hampir terhapus daripada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah kerana *marginalization* masyarakat India dari segi politik, ekonomi, pendidikan, sosiobudaya dan agama yang akhirnya melahirkan pergerakan Hindraf dan fenomena *Makkal Sakti*. [Tepuk]

Mengapakah Yang Amat Berhormat tidak mengambil tindakan segera dalam tempoh dua bulan ini untuk membebaskan Hindraf 5 daripada tahanan ISA demi menunjukkan bahawa beliau memang bersedia mula mendengar suara rakyat jelata.

Sekiranya Yang Amat Berhormat masih tidak mendengar suara rakyat jelata yang terserlah dalam tsunami politik pilihan raya ini, mengapakah menteri-menteri, pemimpin-pemimpin dan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional sama ada MIC, MCA, Gerakan atau UMNO sendiri. Adakah mereka telah mendengar suara rakyat dalam

tsunami politik akan mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dengan segera membebaskan Hindraf 5 ini untuk memulakan proses *national healing* ini selepas Pilihan Raya Umum ke-12.

Adakah para Ahli Parlimen dan penyokong Kerajaan Barisan Nasional bersedia berdiri dalam mesyuarat Parlimen ini untuk meminta supaya Hindraf 5 ini dan lain-lain tahanan ISA di bebaskan dengan segera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan cadangan pembaharuan untuk Badan Kehakiman dan dalam segi perang membanteras rasuah.

Ramai orang kecewa dengan ucapan Yang Amat Berhormat bertajuk '*Delivering Justice, Renewing Trust*' di satu jamuan malam yang dianjurkan oleh Majlis Peguam pada 17 April 2008 kerana apa yang seharusnya di umumkan adalah jauh lebih banyak dari apa yang sempat diumumkan jika keyakinan orang ramai dan masyarakat antarabangsa terhadap kebebasan, kesaksamaan, dan kualiti kehakiman kita hendak dipulihkan.

Antara pengumuman yang dinanti-nantikan termasuklah yang ada diumumkan ialah mengenai bayaran *ex-gratia* kepada lima hakim yang dianiaya pada 1988. Satu Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman mengkaji semula terma-terma perkhidmatan dan ganjaran kehakiman. Tepukan gemuruh dan berpanjangan di jamuan makan malam di Majlis Peguam yang diberikan terhadap pengiktirafan Yang Amat Berhormat mengenai sumbangan enam hakim ini terhadap negara.

Komitmen mereka dalam mendukung keadilan dan pengakuan mengenai kesukaran dan penderitaan yang terpaksa mereka lalui dalam krisis kehakiman 1988 tidak dapat melindungi rasa kecewa orang ramai bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gagal memastikan bahawa *mother of judicial crisis* ini patutlah ditamatkan secara adil dan saksama khasnya kerana sumbangan, kesukaran dan penderitaan enam hakim yang tersilap hukum ini tidak boleh dinilai dengan mata wang.

Maka bayaran *ex-gratia* yang ditawarkan ini amat tidak mencukupi. Hakim-hakim yang disalah hukum itu sepatutnya diberi pampasan yang sepenuhnya dan sewajarnya. Dalam ucapan beliau, Yang Amat Berhormat tidak menangani isu betul dan salah dan *legality* dan *morality* mengenai *mother of judicial crisis* yang menjahanamkan negara kepada dua dekad kegelapan kehakiman atau *judicial darkness*.

Mangsa ibu kepada krisis kehakiman 1988 dan *judicial crisis* selama dua dekad selepas itu di mana tiga daripada empat Ketua Hakim Negara dalam tempoh itu, Tun Hamid Omar, Tun Eusoffe Chin dan Tun Ahmad Fairuz memburukkan lagi ke persendaan keadilan oleh sistem kehakiman bukan sahaja terhad kepada enam hakim yang salah di hukum dalam tahun 1988 tetapi juga termasuk rakyat Malaysia yang tidak bersalah yang beridealistik dan patriotik yang mahu segala yang terbaik untuk negara tercinta ini.

Sebenarnya satu generasi rakyat Malaysia telah menjadi mangsa kepada kegelapan kehakiman selama 20 tahun ini. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menghulurkan bayaran *ex-gratia* kepada lain-lain mangsa krisis kegelapan kehakiman dua dekad ini seperti bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah Idid.

Disebut yang pertama dari bidang kehakiman yang mengeluarkan 112 tuduhan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 hakim dalam tahun 1996 dan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Yang Berhormat Wee Choo Keong serta 106 mangsa tahanan ISA dalam Operasi Lalang 1987.

Bayaran *goodwill ex-gratia* kepada enam hakim yang salah dihukum ini memang dialu-alukan sungguhpun agak terlambat. Bagaimanapun bayaran ini amat tidak mencukupi dalam membersihkan nama baik dan reputasi mereka atau dalam segi mengakhiri sepenuh krisis kehakiman 1988 serta kegelapan kehakiman dua dekad sepanjang tempoh perjawatan ketua hakim yang berikut itu.

Kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri sehari selepas Jamuan Makan Malam Majlis Peguam bahawa bayaran *ex-gratia* untuk enam bekas hakim krisis kehakiman 1988 bukannya suatu bentuk meminta maaf tetapi hanya cara kami menangani sesetengah pertimbangan peribadi dan sesetengah pengalaman

peribadi, kesukaran yang dilalui mereka telah membangkitkan persoalan mengenai nilai dan erti sebenar bayaran *ex-gratia* tersebut.

Bayaran *ex-gratia goodwill* tanpa mengkaji semula betul dan salah krisis kehakiman 1988 amatlah tidak memadai tetapi ia menjadi lebih tidak dapat diterima apabila keseluruhan asas bayaran adalah berlandaskan rasa kasihan atau pampasan demi menangani sesetengah pengalaman dan kesukaran peribadi yang dialami oleh enam hakim yang salah dihukum.

Kenyataan Yang Amat Timbalan Perdana Menteri sebenarnya telah bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sumbangan kesukaran dan penderitaan enam hakim yang salah dihukum itu tidak boleh disamakan dengan mata wang yang dibayar. Dan bermaksud bahawa segala kesilapan dan ketidakadilan yang telah berlaku itu boleh diatasi dengan pampasan kewangan.

Inilah sebab mengapa saya bertegas bahawa untuk memulakan satu bab baru untuk badan kehakiman Malaysia yang menghentikan kegelapan kehakiman selama 20 tahun ini, maka perlu tubuh satu Suruhanjaya *Truth and Reconciliation* untuk mengkaji apakah pengajaran yang harus diingat dari krisis kehakiman 1988 serta siri-siri skandal dan krisis kehakiman yang berlaku selepas itu, yang menggegarkan Malaysia selama 20 tahun ini.

Bukan untuk membalas dendam atau bersikap dendam tetapi untuk menghalang berulangnya perkara yang sama di masa depan. Menumpu hanya ke atas sebab mengapa pelbagai *stakeholder* negara, kehakiman, Parlimen, parti-parti politik, media massa, masyarakat madani, semua gagal mempertahankan prinsip-prinsip perlembagaan utama doktrin pemisahan kuasa dari kebebasan kesaksamaan serta kecekapan badan kehakiman serta dua dekad.

Saya pernah menyeru supaya diadakan pembaharuan kehakiman di dalam dan di luar Parlimen sepanjang dua dekad ini semasa negara terhuyung hayang dari satu krisis kehakiman ke satu krisis kehakiman yang lain. Sejak berlakunya itu kepada semua krisis kehakiman 1988 dan hakim-hakim yang berfikiran bebas sering dianiaya.

Yang Amat Berhormat janganlah mengambil langkah yang setengah masak tetapi harus melaksanakan pembaharuan kehakiman yang mendalam demi memulihkan kehakiman Malaysia ke tahap bertaraf dunia yang pernah dicapai sejak merdeka pada 1957 sehingga dua dekad yang lepas.

Untuk memastikan bahawa Malaysia bergerak keluar dari kegelapan kehakiman selama dua dekad ini, program pembaharuan kehakiman haruslah mengandungi elemen-elemen yang mendalam dan berleluasa seperti satu Suruhanjaya Penyiasat Diraja mengenai pembaharuan kehakiman yang mengemukakan cadangan-cadangan terperinci setelah mengkaji secara mendalam perihal kegelapan kehakiman dua dekad ini.

Kedua, menutup episod krisis kehakiman 1988 yang menampakkan pelucutan jawatan Tun Salleh Abbas sebagai Ketua Hakim Negara, Datuk George Seah serta mendiang Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh sebagai Hakim Mahkamah Tertinggi mengambil hati bahawa mangsa-mangsa *mother of judicial crisis in Malaysia* tidak terhad kepada tiga hakim tertinggi yang dipecat ini.

Tiga lagi hakim yang dianiaya dan diheret ke depan tribunal kehakiman tetapi juga rakyat Malaysia dan negara yang menderita selama dua dekad berikutan dengan 'penjarahan' kegelapan kehakiman yang semakin serius ini.

Ketiga, menjunjung doktrin pemisahan kuasa menerusi pindaan fasal 121(a), Perlembagaan untuk memulihkan kuasa kehakiman termaktub sebagaimana yang tersedia dalam Perlembagaan merdeka dulu yang dihapuskan oleh satu pindaan Perlembagaan yang berlaku dalam tahun 1988 sebagai sebahagian dari tindakan keras terhadap hak asasi Operasi Lalang 1987/88.

Suruhanjaya Pelantikan dan Kenaikan Pangkat Kehakiman dan membaik pulih kod etika hakim untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan, kewibawaan dan integriti kehakiman dan menyediakan satu mekanisme...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Timur, sila gulung Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Iaitu mekanisme yang memuaskan dan bertanggungjawab supaya orang awam supaya berpeluang membuat aduan terhadap hakim termasuk Ketua Hakim Negara sekiranya didapati mereka melanggar kod etika hakim.

Adalah sungguh mengecewakan bahawa cadangan-cadangan perundangan untuk tujuan pembaharuan kehakiman belum siap lagi untuk dibincang dalam mesyuarat Parlimen ini. Bilakah pindaan-pindaan Perlembagaan yang penting demi memperbaharui kehakiman seperti penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan dibentang di Parlimen dan diberi kuat kuasa.

Adakah Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan dibentuk supaya ia dapat mempengaruhi pelantikan Ketua Hakim Negara yang baru dalam tempoh kurang dari enam bulan lagi dan memastikan bahawa negara kita tidak akan mencapai nombor satu yang buruk nama iaitu seorang Ketua Hakim UMNO yang pertama.

Dalam Parlimen yang lepas saya pernah mempersoalkan kenaikan pantas secara *fast-track* Tan Sri Zaki Tun Azmi dalam badan kehakiman yang melihat beliau melonjak tiga langkah untuk sekali gus pada September yang lepas menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan tanpa melalui proses Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan dan seterusnya lonjakan keempat iaitu dinaikkan pangkat dalam tempoh tiga bulan menjadi Presiden Mahkamah Rayuan.

Semua ini akan diikuti dengan lonjakan kali kelima dan menjadi Ketua Hakim Negara dalam tempoh satu tahun apabila Datuk Abdul Hamid Mohamed mengakhiri perkhidmatan dari jawatan penghakiman tertinggi Oktober ini. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk membuat komitmen terbuka bahawa pelantikan Ketua Hakim Negara yang seterusnya akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang telah mendapat persetujuan beliau untuk ditubuhkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan berjaya mengadakan pembaharuan sama ada mengenai kehakiman atau memerangi rasuah kalau kita tidak ada pembaharuan, bukan *mass media* tetapi juga Parlimen. Kita perlu Parlimen yang bertaraf dunia dan dalam tahun 2004 saya ada kemukakan 12 cadangan bagaimana kita boleh mengadakan satu Parlimen di mana Ahli-ahli Parlimen boleh memainkan peranan yang berkesan seperti *Select Committee* yang menyeluruh sebagaimana Parlimen di negara-negara lain yang ada melalui reformasi beberapa generasi, tetapi di Malaysia belum pernah berlaku sungguhpun sudah 50 tahun.

Setiap menteri patutlah *dischedule* oleh satu *Parliamentary Select Committee* mengadakan *Parliamentary business* yang ditentukan oleh pihak pembangkang atau *opposition business*. Ini adalah lebih mustahak apabila kita ada satu demografi yang baru dalam Parlimen. Sekurang-kurangnya ada sehari dalam seminggu yang boleh dinamakan sebagai *opposition's business day* yang ditentukan oleh *opposition* oleh kerana Parlimen bukanlah dimiliki oleh parti-parti pemerintah atau kerajaan sahaja.

Parlimen ialah komposisi kesemua Ahli-ahli Parlimen sama ada pemerintah atau pembangkang dan juga bahawa peruntukan di mana Perdana Menteri perlu setiap minggu sekurang-kurangnya sekali datang untuk *Prime Minister's question time*.

Saya berharap bahawa 12 cadangan itu yang boleh dirujuk dalam ucapan saya pada Mei 2004 boleh menjadi satu asas untuk perubahan modenisasi Parlimen supaya kita tidak tertinggal di belakang.

Akhirnya, selepas *election* ini apa yang mustahaknya ialah *healing process*. Kita lihat bahawa *healing process* bermula tetapi sebaliknya rakyat di tempat-tempat berlaku pecah belah yang lebih serius daripada desakan mengenai ketuanan Melayu dan sekarang ada kedaulatan Melayu. Kenapa kita tidak terdengar mengenai ketuanan Malaysia dan kedaulatan Malaysia?

Masa sudah sampai Malaysia bersaing dengan dunia. Masa belum sampai. Kita masih mahu ke belakang. Itulah sikap sesetengah orang. Kalau kita tidak rela untuk mengadakan satu sikap yang baru, mengadakan satu *conference*, *summit* - kemuncak, semua parti, NGO dan rakyat Malaysia berbincang mengenai masa depan 50 tahun akan datang tentulah kita akan *regret*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tidak akan mendapat tempat sewajarnya di dunia dalam cabaran zaman globalisasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar.

4.16 ptg.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Titah Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Tuanku yang telah pun disampaikan pada 29 April yang lalu semasa merasmikan Persidangan Penggal Pertama Parlimen Kedua belas.

Saya rasa dalam titah Tuanku tersebut begitu banyak perkara yang telah disentuh tetapi yang dapat menarik minat saya yang pertama sekali ialah apabila pembukaan ucapan itu di mana beliau memberi penekanan hasrat untuk melihat bahawa Parlimen ini berperanan sebagai satu wadah untuk kita bertukar-tukar pendapat, pandangan, bersetuju atau tidak bersetuju demi kepentingan rakyat dan disuarakan kembali semasa menutup titah tersebut.

Ini menunjukkan bahawa harapan yang begitu tinggi bukan sahaja diberikan oleh Ke bawah Duli Paduka Baginda Tuanku tetapi juga oleh rakyat keseluruhan selepas kita melihat keputusan pilihan raya. Bagi saya tepuk dada, tanya selera. Apakah kita benar-benar telah memainkan peranan sebagai Ahli Parlimen yang benar-benar mewakili rakyat?

Sebelum saya memulakan ucapan, saya ingin melahirkan rasa kecewa apabila Yang Berhormat Bukit Gelugor, kita diberi peluang untuk berbahas hingga 13 Mei, tujuh hari titah yang diberikan oleh Tuanku, tetapi Yang Berhormat Bukit Gelugor semasa dicadangkan titah tersebut oleh Yang Berhormat daripada Kulai beliau mempersoalkan adakah titah Tuanku itu titah Tuanku ataupun titah kerajaan.

Bagi saya ini sungguh mengecewakan. Yang Berhormat daripada pembangkang boleh bangun untuk tanya saya sebab saya akan memberi penjelasan. Kenapa saya ada rasa kekecewaan? Kita diminta untuk melihat dan meneliti ucapan yang disampaikan oleh Tuanku baginda. Sudah tentu dalam Perlembagaan perkara 40, perkara 32 mengatakan Tuanku Yang di-Pertuan Agong ini Ketua Utama Negara Persekutuan.

Ketua kita, bukan ketua kerajaan ketua negara yang mana setiap seorang rakyat Malaysia yang mengaku rakyat Malaysia kena akur, kena patuh, kena terima bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara. Di bawah perkara 40, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Jemaah Menteri. Baginda boleh minta apa juga perkara daripada Jemaah Menteri untuk dititahkan kepada rakyat

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong hendak minta penjelasan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Ipoh Timur dengan panjang lebar membahaskan titah ucapan. Ini menunjukkan kita menghormati kepada yang diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa lagi kita hendak bangkitkan perkara seumpama ini, seolah-olah tidak ada benda yang lain?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Kepong. Saya sebut Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya tidak sebut Ipoh Timur, tetapi Bukit Gelugor tidak ada hari ini. Jadi, kalau dia hendak tanya, dia tanya saya kemudianlah. Saya tidak boleh jawab semasa dia bangkitkan sebab semasa itu *floor* Yang Berhormat Kulai. Saya menyatakan keresahan dan kekecewaan saya.

Kalau Yang Berhormat Kepong rasa benda yang saya cakap adalah salah, biasalah pembangkang sentiasa tidak bersetuju, tetapi bukalah dalam *Hansard* kita disebut jelas. "Adakah kita berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong atau kerajaan." Ini penghinaan. Ini satu perkara yang tidak dapat saya terima. Saya berbahas atas titah Yang di-Pertuan Agong. Ini bagi yang tahu, bagi yang tidak tahu -

Yang Berhormat Bukit Gelugor ini bukannya calang-calang orang, orang undang-undang. Seluruh rakyat Malaysia tahu dia pakar undang-undang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak bertanya, Ahli Parlimen Bukit Gelugor ini seorang peguam dan dia tahu Perlembagaan Negara bahawa kerajaan selaku penasihat, maka ucapan itu mungkin disampaikan oleh kerajaan dan mungkin bukan semua Yang di-Pertuan Agong mahu pakai. Yang di-Pertuan Agong juga ada pandangan sendiri.

Jadi, perbuatan Ahli Parlimen Bukit Gelugor ini adalah perbuatan seorang rakyat yang derhaka, tidak patuh kepada ketua negara. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Bukit Gelugor yang kurang ajar dan biadab terhadap sultan?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya seorang tidak boleh hendak buat kenyataan untuk membawa usul. Saya rasa kita semua dewasa. Kita semua wakil rakyat.

Kita kena fikir kalau perkara yang jelas melanggar batas politik itu patut kita ketepikan. Ini bukan soal yang selalu digunakan, bukan soal main-main. Saya pun tidak suka guna perkataan main-main tetapi dalam ini jelas dia sebut. Dia kata, "*Jangan main-main. Saya mahu tahu siapa sediakan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong? Siapa dia? Kerajaan, menteri atau pihak lain? Bolehkah saya dapat tahu?*"

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Seperti Yang Berhormat Kinabatangan katakan, kalau kita...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Datuk Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sekejap. Saya habiskan sedikit. Saya bagi. Memang patut, anak kena pertahankan bapa. Jangan risau, saya bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order. Ya, point of order.*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya duduk dahululah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36(4) – *use offensive language*. Saya sebenarnya enggan untuk berdiri tetapi saya rasa mustahak, perkataan 'kurang ajar', boleh tak? Boleh atau tidak boleh digunakan? Kita mahu tetapkan. Kalau boleh digunakan, kita sendiri mahu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia boleh kepada orang yang biadab! Itu saja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita mahu satu *ruling*. Kalau tidak, harap sesiapa yang menggunakan perkataan itu tarik balik. Kalau boleh, semua boleh gunakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bolehkah perkataan menghina sultan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kinabatangan, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Dipakai di dalam Dewan ini? Saya pun mahu *ruling* juga. Kalau boleh, kita pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kurang ajar merupakan perkataan yang *unparliamentarily* dan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menghina Agong apa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita elakkan daripada menggunakan perkataan kurang ajar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, kena buat *ruling*. Jangan berat sebelah. Apa hukum dia kepada orang derhaka kepada sultan, kepada Agong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang itu kita boleh buat usul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Muar tadi. Kalau ada usul bantahan terhadap apa jua yang diperkatakan oleh seorang Ahli, boleh dibuat di dalam bentuk usul. Ya, teruskan Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju, usul ada banyak cara. Ada usul semasa dibangkitkan, kita terus buat. Saya sudah terlepas perkara itu. Kita boleh fikirkan. Kita diberi masa tujuh hari untuk berbahas. Jangan kita buang masa berbahas kepada satu perkara yang kita rasa tidak betul. Kalau kita rasa ini betul, ini Titah Diraja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat bangun.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kalau kita diberi nasihat, sekejap sahaja saya hendak perjumpa. Kalau Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertuan Agong ini bukan eksekutif. Dia tidak akan boleh baca *internet* atau pun baca surat khabar untuk membuat titah.

Sudah tentu dia mendapat nasihat daripada eksekutif, daripada Jemaah Menteri. Jelas disebut di dalam Perlembagaan. Kalau kita cadangkan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, sepuluh perkara dinasihat oleh Jemaah Menteri, tetapi hanya digunakan satu, maka satu ini keluar daripada mulut Yang di-Pertuan Agong, itu merupakan titah. Mana boleh kita persoalkan sebagai Ahli Parlimen?

Saya pernah juga, saya rasa rakan-rakan pun tahu ada satu negeri. Kerajaan negeri buat ucapan, sultan tidak mahu guna. Maknanya dia tidak setuju atau dia setuju, tidak soal. Apabila diucapkan sahaja titah itu merupakan Titah Diraja. Saya bagi kepada Yang Berhormat Batu Pahat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun yang lalu, Yang Berhormat Bukit Gelugor juga membangkitkan perkara yang sama. Dia kata tidak ada ucapan, Titah Yang di-Pertuan Agong itu tidak menyentuh pun bab rasuah, tetapi memang ada pun. Itu pun saya tidak faham juga.

Kali ini, dia mempersoalkan pula siapa membuat ucapan? Ini memang tidak menghormati sebenarnya. Kalau Yang Berhormat Ipoh Timur boleh memohon maaf dalam isu kerana suruh pulaukan Majlis Angkat Sumpah, saya tidak fikir, maksudnya Yang Berhormat Tasek Gelugor juga tidak boleh memohon maaf apabila... [Disampuk] Bukit Gelugor, ya? Juga tidak boleh maaf apabila dia mempertikaikan hak Sultan Perak dalam menentukan pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam ini.

Maka ini adalah satu unsur sebenarnya yang boleh membangkitkan rasa yang tidak baik sebenarnya dalam perpaduan masyarakat. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat Muar, apakah wajar Yang Berhormat Bukit Gelugor ini memohon maaf kepada Sultan Perak juga?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bangkitkan perkara ini sebenarnya terlalu banyak perkara mempersoalkan tentang kedaulatan Raja-Raja Melayu. Jangan kita terlalu *taboo*, bila dia kata Raja-Raja Melayu, ini hak orang Melayu. Ini hak negara kita.

Negara kita ditubuhkan kerana wujudnya kesatuan di antara Raja-Raja Melayu. Ini bukan soal perkauman, ini soal taat setia kita kepada negara. Sebab itu saya bersetuju dan Yang Berhormat Bukit Gelugor kalau tidak silap saya, minta maaf, dahulu semasa perasmian pun sama juga, mempersoalkan.

Yang Berhormat Bukit Mertajam, tidak ada di sini. Dia pun mempersoalkan kenapa tidak disentuh tentang wanita? Tidak mengapa, sebab Yang di-Pertuan Agong mungkin membayangkan bahawa soal hari ini bukan soal wanita, mungkin soal yang lebih penting, soal makanan tidak cukup. Mungkin tekanan ekonomi, mungkin harga pasaran.

Tidak mengapa, kita kata tidak disebut tentang rasuah dan sebagainya, tetapi apabila mendakwa seolah-olah yang kita hendak ucap terima kasih ini kepada kerajaan, yang ini saya tidak setuju...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bagi Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Saya mintakan satu penjelasan. Daripada Hansard yang saya baca, adalah didapati bahawa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Soalan itu cukup jelas.

Soalan itu adalah untuk pohon satu jawapan sama ada ataupun berkenaan siapakah yang menyediakan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong? Saya tidak faham, apakah salahnya bertanyakan soalan itu? Kenapa semua orang takut untuk jawab soalan itu? Bukankah ia menjadi satu realiti? Kalau kita menyediakan ucapan untuk seseorang itu, selepas itu kita menjunjung terima kasih kepada dia. *I will not than thanking ourselves...*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengan izin...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dengan izin. Soalan saya senang. Apakah takut kamu menjawab soalan itu? Siapakah yang sediakan titah itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu yang kita hendak tahu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukup, cukup. Cukup Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, ini pun suara lebih kurang sama. Kita tidak rasa rindu. *[Ketawa] [Tepuk]* Cara dia tanya pun sama juga. Kepada saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini Kinabatangan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat, duduklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pepatah Melayu, bukan saya punya pepatah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya cabar kalau kamu berani hendak cakap, *you stand up and speak properly*. Jangan daripada duduk, cakap!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You check the* kamus Melayu, adakah pepatah Melayu cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jangan lari!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You shut up!*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini orang penakut!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *What is your floor!*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Penakut!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa penakut? Siapa takut sama lu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You can't control this animal! I will...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...*You are doubt! Big monkey!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kedua-dua Yang Berhormat salah peraturan. Yang Berhormat Kinabatangan juga salah, Yang Berhormat Puchong pun salah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yes!! Dia salah dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Floor* sekarang adalah *floor* Yang Berhormat Muar. Yang Berhormat kena minta izin daripada Yang Berhormat Muar untuk mencelah. Tidak payah ikut orang yang salah. Sila duduk Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Muar, Muar, sila teruskan Yang Berhormat Muar.

[Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Kinabatangan masih lagi bertengkar]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, saya belum mulakan ucapan saya. Saya cuma nak beritahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Muar teruskan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Cara Yang Berhormat tanya pun kepada saya, saya tidak boleh terima. Kita tidak perlu tanya siapa sediakan ucapan? Yang Berhormat peguam, saya pun peguam. Yang Berhormat muda, saya pun muda. Kita kena belajar dari orang dewasa. *[Tepuk]*

Akan tetapi kalau orang dewasa ajar benda tidak betul, takkan yang muda tidak boleh tegur. Yang Berhormat, orang dewasa boleh cerita pasal *typewriter*, budak darjah enam dia tidak tahu *typewriter* dah. Dia boleh cerita dekat orang dewasa tentang komputer, tetapi kalau Yang Berhormat tahu soalan, berani tak berani...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau boleh penjelasan. *Just* sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi? Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sekejaplah saya mahu habis cakap. Saya hendak cakap dahulu. Sebab itu Yang Berhormat, takut tak takut, berani tak berani, kepada saya, tidak timbul. Dalam darah saya ini, ada satu darah dipanggil darah orang Bugis. *[Dewah riuh] [Tepuk]* Tidak, dia kadang-kadang, dia campur darah Bugis dengan orang Jawa. Jawa ini sabarnya tinggi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Duduklah sekejap, saya hendak cerita pasal sejarah, pasal orang Melayu, nanti Yang Berhormat tidak tahu. Saya cerita sebab kita kena kongsi bersama.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya Banjar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya ada darah, darah anak Malaysia di sini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah Yang Berhormat Puchong. Dia tidak bagi Yang Berhormat Puchong.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab itu, cabar-cabar, berani tak berani ini, kena berhati-hati. Salah-salah cabar nanti, kita tercabar orang yang tidak berapa betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tak payah sampai berkelahi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya, jangan berkelahi. Saya hendak cakap, yang kita hendak bahas ini titah, apabila keluar daripada mulut Tuanku Agong, maka itu titah. Itu sahaja yang saya cakap.

Jadi, apabila dipersoalkan sama ada siapa buat atau tidak, takkan kita hendak jawab dibuat oleh orang-orang tertentu. Agong tak setuju orang ini buat, dia tak baca dan takkan titah Tuanku Agong boleh dihafal. Sudah tentu ditulis oleh seseorang. Tidak perlu ditanya siapa buat. Ini yang saya sebut ada dalam Perlembagaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta jalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas bangun, hendak bagi?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Bagi Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya ada dua pertanyaan untuk penjelasan. Apabila disebut Titah Diraja, apakah Titah Diraja itu maksudnya Tuanku bertitah di dalam Dewan Rakyat ataupun di mana-mana sahaja Raja-raja Melayu berucap, di luar Dewan juga dianggap sebagai satu titah seperti mana titah ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan baru-baru ini?

Yang kedua, seseorang rakyat yang mahu menjadi warganegara di Malaysia ini, mesti patuh kepada Agong. Itu institusinya. *[Tepuk]* Apakah setuju atau tidak Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan, bahawa apabila kita patuh kepada Agong, kita mesti mengetahui sejarah melahirkan Agong itu sendiri.

Sejarah melahirkan Agong itu ialah daripada budaya Melayu dan bumi ini adalah bumi ketuanan Melayu. Sebab itulah semua Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham bahawa menyentuh ketuanan Melayu, menyentuh darah orang-orang Melayu di bumi yang bertuah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju. Tidak ada apa-apa perkara yang boleh saya nafikan bila Tuanku bertitah sama ada Tuanku itu Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu, itu titah. Jangan kita risau. Kita patut bangga sebagai rakyat Malaysia, hidup dalam tanah tumpah ataupun Ketuanan Melayu. Orang Cina, orang India dalam dunia lain, tidak boleh mengaku dia hidup bawah Tanah Melayu, tetapi yang kita banggakan ini bukan bangsa Melayu, ini Tanah Melayu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Macam mana kita hendak tengok negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar kena berhenti dulu kita ada usul untuk dibahaskan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

KENAIKAN HARGA BERAS

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu. Pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan pun 30 minit. Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Kerian, sila kemukakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

4.30 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahi rahmani rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Parlimen telah memberikan izin untuk saya membahaskan satu usul yang sangat penting yang sedang menjadi isu yang sedang diperkatakan oleh seluruh rakyat di dalam negara kita, iaitu mengenai kenaikan harga beras di pasaran.

Berdasarkan kepada laporan-laporan yang dibuat oleh seluruh media dalam negara kita dan untuk membuktikan dan memperbetulkan segala fakta yang terdapat di dalam akhbar-akhbar dan media. Saya telah membuat usaha untuk bertemu dengan kumpulan-kumpulan rakyat dan juga pergi ke kedai-kedai runcit di beberapa negeri di dalam negara ini untuk memastikan adakah benar ataupun tidak laporan-laporan yang disiarkan oleh media di dalam negara kita.

Saya mendapati dan mengambil tanggungjawab mewakili seluruh rakyat di dalam negara ini yang telah berhadapan dengan isu kenaikan harga beras di pasaran. Ini sudah tentu menjejaskan kehidupan mereka terutama masyarakat luar bandar dan mereka yang berpendapatan rendah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini perlu ingat dulu ada sebuah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu Lembaga Padi dan BERNAS Negara. Badan ini telah di tukar di atas nama penswastan dan diberikan nama BERNAS yang diberikan tanggungjawab, di antaranya:

- (i) iaitu lesen ataupun keizinan untuk mengimport beras daripada luar negara;
- (ii) untuk membeli padi dan beras tempatan di dalam negara kita;
- (iii) untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi dalam keadaan apa jua sekalipun; dan
- (iv) untuk menentu dan menyelaras harga padi dan beras di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perwujudan BERNAS ini, saya ingin memberikan satu soalan penting dalam Dewan yang mulia ini. Pada hari ini siapakah yang sebenarnya yang menentukan harga beras di dalam negara kita. Adakah BERNAS menunaikan tanggungjawab besar ini?

Ataupun BERNAS telah menjadi sebuah badan korporat yang berorientasikan keuntungan semata-mata dan melupakan tanggungjawab asal penubuhan mereka iaitu untuk menjaga, memelihara dan menentukan bekalan beras yang cukup dalam negara kita supaya rakyat dalam negara ini mampu untuk membeli makanan asas ataupun ruji dalam negara kita.

Kita tidak boleh mengambil faktor pemanasan global, faktor berlakunya bencana alam di peringkat global sebagai alasan paling kukuh untuk kerajaan mengelakkan diri daripada memantau harga beras di pasaran pada hari ini. Dengan hujah itu sahaja tidak mungkin melahirkan kerajaan yang cukup berintegriti, kredibiliti untuk menjawab persoalan besar yang dihadapi oleh rakyat pada hari ini.

Saya ingin mendapat kepastian adakah BERNAS pada hari ini dengan syarikat-syarikat yang bersamanya yang di kenali sebagai CBUD yang saya difahamkan ada 101 syarikat. Kemudian 100 *non-bumi* dan satu bumi sahaja yang mewujudkan edaran BERNAS Nasional telah menunaikan tanggungjawab sosialnya untuk menentukan:

- (i) harga beras ini dapat kekalkan atau di selaraskan berdasarkan kemampuan rakyat; dan
- (ii) bagi memastikan bekalan ini cukup atau tidak pada masa akan datang dalam keadaan apa jua sekalipun.

Jikalau kita hanya menjadikan alasan pemanasan global, bencana alam dan seumpamanya sebagai hanya alasan untuk kita mengelakkan diri. Maka saya melihat BERNAS tidak pernah melakukan sesuatu tindakan yang proaktif untuk menjangka apakah kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku.

Sehingga kita tidak menyedari bahawa stok beras dalam negara kita, seperti mana yang di laporkan hanya mampu bertahan tiga bulan sahaja lagi sekiranya negara-negara pengeksport beras dunia tidak lagi mengeksport beras mereka ke dalam negara kita.

Oleh itu seperti mana yang saya perelaskan sebentar tadi, pertanyaan yang penting dijawab oleh Kementerian pada hari ini adalah, apakah sistem pengeluaran dan sistem pengedaran tidak dipantau sebelum isu kenaikan harga beras ini berlaku? Jika sebelum ini sistem ini wujud, apakah pihak kerajaan tidak dapat mengenal pasti masalah kenaikan harga akan berlaku dan bekalan mencukupi atau di sebaliknya.

Kedua, kenapa pihak kerajaan tidak menyelaraskan pelbagai Kementerian penting seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (MITI), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam urusan bekalan dan harga beras negara.

Ketiga, kerajaan telah mengumumkan untuk mewujudkan stok penimbal makanan. Di manakah stok penimbal itu disimpan dan berapa banyak stok penimbal beras diwujudkan bagi setiap masa? Bagaimana jumlah stok penimbal itu dikira? Apakah termasuk stok yang telah pun diedarkan di peringkat pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan dan keperluan beras di setiap negeri sepatutnya sudah di ketahui. Berapakah pecahan keperluan setiap negeri? Jika ada negeri yang tidak mendapat bekalan yang mencukupi dan ada yang berlebihan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian. Bagaimana pergerakan beras di setiap negeri itu dipantau secara bijaksana.

Kelima, adakah kerajaan telah menyiasat dengan serius punca sebenar kenaikan harga beras dan isu bekalan? Adakah berpunca dari sindiket menyorok atau spekulasi? Kini sudah ada pengguna yang panik dan membeli bekalan lebih dari sepatutnya, bagaimanakah pihak kerajaan akan menangani isu ini

Keenam, sepatutnya satu agensi khusus diwujudkan berkaitan dengan sekuriti makanan sama ada berfungsi untuk melihat bagaimana bekalan dan pengeluaran dalam negeri dan import dari luar dapat di pantau, merencana tindakan menstabilkan bekalan serta memastikan sistem pengedaran itu dilancarkan. Apakah kerajaan bersetuju untuk mewujudkan agensi tersebut dengan serta merta.

Ketujuh, apakah kerajaan akan bertindak untuk melaksanakan rancangan menambah kawasan keluaran makanan dan mencari jalan bagaimana kos input pertanian boleh dikurangkan serta memastikan kos pengeluaran akan dapat di kurangkan. Di sini telah begitu lama perbincangan-perbincangan menyentuh tentang Kementerian Pertanian Asas Tani, tentang bagaimana kemudahan-kemudahan diberikan kepada petani-petani, khususnya pesawah-pesawah padi.

Maka janji hanya tinggal janji; baja, racun, baja yang bermutu. Sebagai contoh yang pernah saya sebut untuk meningkatkan bekalan padi baja yang diimport seperti 'Behn Mayer' dan baja seperti *nitrous green* dan *blue*. Setiap hari setiap tahun meningkat di pasaran dan ini tidak pernah diambil kira, tidak pernah dilihat dengan serius oleh pihak kerajaan khususnya kementerian yang berkenaan untuk membantu petani secara serius dan memberikan subsidi yang lebih terhadap mereka.

Kelapan, sehingga kini apakah Malaysia mempunyai polisi khusus mengenai sekuriti makanan dan jika tidak apakah pihak kerajaan akan mewujudkannya.

Kesembilan, pembaziran makanan di negara ini sangat tinggi. Makan di hotel-hotel besar, jamuan di acara-acara rasmi kerajaan seperti seminar, mesyuarat dan persidangan serta tabiat makanan mewah di kalangan golongan elit sangat ketara. Apakah kerajaan akan mencari langkah untuk membudayakan makanan yang berjimat cermat di peringkat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang BERNAS saya berdiri bagi pihak rakyat, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji balik peranan BERNAS. Hanya BERNAS sahaja yang diberikan lesen besar untuk mengimport beras.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Hanya BERNAS sahaja satu-satunya sahaja yang melakukan suatu peranan dan ia telah memonopoli pasaran beras dalam negara kita. Adakah kerajaan sedia bertindak untuk memecahkan monopoli ini? Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mintak penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya kerajaan telah pun menyedari sewaktu tamat tarikh tempoh penswastan yang diberikan hak pengimport beras selama 15 tahun yang berakhir pada tahun 2007.

Sepatutnya kerajaan telah lama menyedari kegagalan BERNAS ini telah timbul pelbagai-bagai isu apabila BERNAS pada hujung tahun yang lalu membawa masuk beras ke pelabuhan di Sabah atau pun Sarawak tanpa permit dan ditahan oleh pihak berkuasa.

Sepatutnya kerajaan telah pun menyedari kegagalan dan tipu muslihat dilakukan oleh BERNAS. Sepatutnya kerajaan tidak menyambung untuk lima tahun lagi hak untuk mengimport beras. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya kerajaan telah pun menamatkan hak mengimport itu dan kerajaan sepatutnya mengambil tanggungjawab itu untuk memastikan *food security*, keselamatan pemakanan bahan utama beras negara kita dapat dikawal dengan baik kerana BERNAS lebih mengutamakan untuk kepentingan pemegang-pemegang saham mereka.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya sangat bersetuju dengan cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Ini masalah rakyat, beras adalah masalah rakyat dan BERNAS hanya satu-satunya badan yang diberikan keizinan oleh kerajaan untuk empat objektif besar yang saya sebutkan tadi. Kenapa bila BERNAS ada bukti melakukan penyelewengan ini, kerajaan teragak-agak untuk mengambil tindakan? Adakah ada udang di sebalik batu? Siapa yang duduk di dalam BERNAS ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kenapa monopoli BERNAS ini tidak boleh untuk dipecahkan dan diberikan pada syarikat-syarikat yang lain untuk mereka merasakan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, mengikut pengalaman kita Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak pernah orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mencelah.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Pihak *backbencher* boleh minta masa dengan menteri. Jadi masa saya akan berikan kepada rakan-rakan di sebelah di sini. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Nanti, saya bagi Kuala Selangor dulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini merakamkan bahawa setiap kali krisis seumpama ini berlaku yang paling malang dan terhimpit dalam krisis ini adalah rakyat. Rakyat termiskin, rakyat berpendapatan rendah sama ada di luar bandar mahu pun yang tinggal di celah-celah pembangunan dalam bandar.

Sudah lah mereka terpaksa menanggung segala kesusahan dan penderitaan akibat kenaikan harga barang kos saraan hidup. Ini bukan soalan, ini hendak sambung daripada Yang Berhormat Kubang Kerian ini. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Saya ambil *floor* daripada Yang Berhormat Kubang Kerian tetapi saya diminta untuk bertanya. Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dipendekkan menjadi soalan terlalu panjang. Saya ambilah dari apa yg disebutkan semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada 30 minit, jadi kongsilah 30 minit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu kalau kongsi bagus juga. Macam mana Yang Berhormat Kubang Kerian? Habiskan dulu?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Biar saya habiskan dulu. Tidak apa Tuan Yang di-Pertua ini rakan-rakan yang baru pertama dalam Parlimen.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting di sini adalah persoalan yang penting adalah rakyat sekarang sedang menghadapi kenaikan harga beras di pasaran. Fakta ini tidak boleh dinafikan dan Parlimen pada petang ini membahaskan usul ini supaya pihak-pihak kementerian yang berwajib mengambil tindakan yang sewajar terhadap isu ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya akan... lepas daripada ini. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah BERNAS mesti mengambil tanggungjawab ini.

Dan sekiranya BERNAS tidak boleh lagi mengambil peranan penting ini dan menjadikan badan ini satu-satunya badan yang boleh mengimport beras telah menyalahgunakan kuasa mereka atau pun terdapat penyelewengan-penyelewengan yang menyebabkan harga beras pada hari ini meningkat dan rakyat terpaksa menanggung kesan daripada kenaikan harga ini.

Maka kerajaan mesti bertindak dengan tegas dan membubarkan BERNAS dan melantik satu badan yang lain demi menjaga kepentingan rakyat ini. *[Tepuk]* Sekian dan memberikan izin kepada rakan-rakan lain Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas.

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bagi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya kawasan tanam padi...

Seorang Ahli: Kedah jelapang padi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Dan bersempadan dengan Thailand.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bagi Selayanglah.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. BERNAS adalah satu syarikat swasta dan dengan izin, satu *private entity* dan disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1997. Pemegang saham terbesar di BERNAS ialah Budaya Generasi (M) Sdn Bhd yang memegang 30 hingga 79 peratus saham.

Mengikut kenyataan yang telah difailkan BERNAS telah mencapai keuntungan sebanyak RM2.1 bilion pada tahun 2006 dan RM2.24 bilion pada tahun 2007. Untung bersih selepas cukai adalah RM135, 226, 000 pada tahun 2006 dan untuk tahun 2007 keuntungan bersih ialah RM170, 343, 000. Di dalam situasi kecemasan yang sedang melanda dan kesusahan kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah, syarikat swasta tidak harus memperoleh keuntungan setinggi ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju? *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, dia minta orang tanya penjelasan ke dia dah habis berucap ini.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dah habis berucap Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Kawasan padi Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Kuala Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya pun keliru Yang Berhormat buat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya dah bangun banyak kali dan sepatutnya yang minta dulu diberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi peluang Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengar orang jelapang padi. Lima minit saja Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak akan buang masa seperti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cakap saja, boleh dengar tu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak bangkit dua tiga perkara. Satu, mengenai dengan beras ini Tuan Yang di-Pertua. Beras ini makanan utama rakyat negara kita. Macam mana kita membangun sekali pun tanpa beras akan menjadi masalah yang besar kepada rakyat dan masalahnya sekarang ialah BERNAS dan BERNAS ini memonopoli mengenai dengan pengedaran beras.

Apakah pihak kerajaan sedar dan saya minta supaya pihak yang bertanggungjawab, kementerian yang bertanggungjawab supaya mengkaji dengan teliti bagaimana permainan yang dilakukan oleh CBU yang disebut oleh Ahli Parlimen Kubang Kerian tadi yang namanya sekarang ini Edaran BERNAS Nasional yang ada pihak-pihak tertentu berkepentingan di mana BERNAS mengedar beras melalui EBN ini, Edaran BERNAS Nasional ini secara monopoli. Manakala Edaran BERNAS Nasional mengedar kepada peruncit-peruncit.

Kenapa BERNAS tidak boleh mengedar beras terus kepada peruncit-peruncit? Kenapa melalui syarikat ini yang mana seratus lebih ahli gabungan syarikat ini hanya dua sahaja usahawan bumiputera. Sudahlah peranan usahawan bumiputera, diketepikan dipinggirkan manakala beras pula tidak mencukupi.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, masalah kenaikan harga beras sekarang ini - tadi saya hendak tanya waktu Menteri Kewangan II menjawab soal kedudukan nilai ringgit berbanding dengan Dolar Amerika. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nilai ringgit kita sekarang ini jatuh bila dibandingkan dengan baht daripada Thailand.

Negara Thailand tak disebut dari segi perbandingan pengukuhan nilai wang ringgit. Dahulu RM10 = 100 baht, sekarang ni tinggal 95 baht. Bila beras di Thailand naik dengan harga yang berganda, duit kita pula jatuh 5 baht daripada RM10 tentulah harganya lebih meningkat lagi. Jadi bukan sahaja beras termasuklah lain-lain makanan.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah beras ini selain daripada kekurangan dan juga harga, saya mintalah sangat dengan pihak kementerian supaya mengambil tindakan segera supaya Bernas mengedarkan beras-beras ini terus kepada peruncit-peruncit. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena.

4.51 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan isu *stockpile*, iaitu simpanan beras yang sepatutnya digunakan pada waktu-waktu yang tertentu.

Seperti mana yang berlaku sekarang, apabila berlaku kekurangan bekalan beras dan kita telah pun melihat bagaimana India telah pun *stop* eksport berasnya ke negara kita dan juga ke negara-negara luar. Begitu juga Vietnam dan Thailand saya difahamkan telah pun mengurangkan jumlah eksport beras keluar daripada negara mereka untuk menjamin soal *security* ataupun keselamatan makanan dalam negara mereka.

Jadi isunya sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah, saya katakan bahawa sepatutnya harga tidak boleh naik secara begitu mendadak. Bagi saya bahawa sepatutnya ada perancangan jangka panjang masa depan yang telah dibuat sebelum ini, tetapi dalam konteks semasa ini sepatutnya beras tidak boleh naik secara mendadak sehingga boleh dikatakan tiga hari sekali, empat hari sekali naik.

Hari ini pun berlaku lagi kenaikan harga daripada kilang khususnya. Sebab kalau kita betul-betul mempunyai *stockpile* yang sepatutnya 92,000 tan, sepatutnya saya katakan bahawa *stockpile* inilah yang boleh digunakan untuk dilambakkan dalam pasaran untuk memastikan supaya harga itu dapat distabilkan, dan sekali gus walaupun untuk menghadapi kenaikan harga pasaran beras dunia.

Satu peringatan ataupun signal awal dapat diberitahu kepada pengguna, bahawa sekurang-kurangnya tiga bulan akan datang maka harga beras kemungkinan akan berlaku. Sebab saya sendiri pun tidak tahu berapa *stockpile* untuk tempoh berapa bulan. Adakah tiga bulan, adakah enam bulan? Akan tetapi yang saya difahamkan tiga bulan.

Maknanya kalau tiga bulan sepatutnya tiga bulan daripada kenaikan pasaran harga dunia, ini barulah harga dalam negara kita boleh dinaikkan, sebab kita mempunyai *stockpile* untuk dilambakkan bagi mengatasi masalah-masalah ini...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Mohon penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Persoalan ini... Maaf masa saya lima minit sahaja. Persoalan sekarang ini, soal *stockpile* ini, apakah Bernas telah menggunakan *stockpile* ini untuk membina keuntungan yang lumayan, sebab *stockpile* ini dibeli ataupun sekurang-kurangnya diambil dalam tiga bulan yang lalu pada waktu harga ketika itu masih rendah.

Jadi bila berlaku kenaikan harga pasaran antarabangsa lalu *stockpile* itu digunakan sendiri oleh BERNAS, tetapi saya tidak pasti adakah ini digunakan ataupun *stockpile* memang tidak ada. Sebab saya mengatakan bahawa kalau mengikut rekod yang ada kepada saya ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa *stockpile* dahulunya disimpan di gudang-gudang besar. BERNAS ataupun LPN dahulu ada gudang besar.

Sekarang ini ada gudang dan kilang. Kilang kecil, gudang besar. Kilang ini hanya belian, kemudian untuk kisar beras-beras tempatan, tetapi setakat yang saya tahu bahawa sebahagian daripada gudang-gudang besar itu telah pun ditutup umpamanya gudang seperti di Perai, di Teluk Intan, Pelabuhan Klang, Senawang, Lendau, Melaka, Temerloh, Pasir Gudang, gudang-gudang di Sabah kemudian diserahkan kepada anak syarikat, kemudian gudang-gudang lain seperti Anak Bukit, Parit Buntar, Bagan Serai telah dirobohkan ataupun ditutup untuk dibuat pembangunan yang lain.

Sebahagian daripada gudang-gudang dan kilang milik LPN dahulu diserahkan kepada anak-anak syarikat ini, dan saya tidak pasti sama ada kerajaan melalui kawal selia padi telah membuat *spot check* ataupun membuat semakan tentang soal ini. Jadi sebab itu kalau kita lihat daripada pengarah yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan pada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedikit lagi masa.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ya sedikit lagi. Yang dikeluarkan pada 3 hari bulan baru-baru ini, iaitu pada 12 April dikeluarkan kepada Pengarah Urusan BERNAS yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kawal Selia Padi, iaitu mengarahkan supaya pihak BERNAS mengeluarkan beras Super Tempatan 15% di kompleks-kompleks BERNAS tetapi ini tidak berlaku. Beras 15% hancur ini tidak berlaku. Maknanya kalau wujud pun terlalu kecil jumlahnya, tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap kilang-kilang anak-anak syarikat daripada BERNAS ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi ini bermakna saya mempersoalkan juga ialah kementerian khususnya pihak kawal selia padi ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey terima kasih. Yang Berhormat Kepong.

4.56 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyeru kerajaan supaya mengkaji sedalam-dalam cara:

- (i) memberhentikan monopoli pasaran beras oleh BERNAS;
- (ii) mengkaji sama ada mampu diri untuk beras 70% masih munasabah;
- (iii) membuka lebih tanah untuk tanaman padi; dan
- (iv) memastikan sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, atau kedua-duanya memainkan peranan yang berkesan dalam memantau dan mengendalikan harga beras ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak langsung ada peranan di dalam harga beras ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari kita tahu kerana pelbagai faktor yang menyebabkan kekurangan bekalan beras di dunia dan dengan ini ada tekanan ke atas negara kita. Walau bagaimanapun, kerana BERNAS tidak mempunyai saingan untuk mengimport beras, maka syarikat ini boleh bermaharajalela untuk menindas para pengguna. Walaupun bertahun-tahun kita telah menyeru kerajaan agar mengkaji semula peranan BERNAS untuk mengimport 30% beras dan dasar 70% mampu diri untuk beras, tetapi seruan ini merupakan air di daun keladi.

Tuan Yang di-Pertua, di antara para pengguna dan BERNAS boleh disifatkan sebagai kambing dengan harimau, yang lemah melawan yang kuat. Sampailah masanya kita memberhentikan monopoli BERNAS ini dan beras biasa mempunyai campuran beras hancur 15% dan beras Super 5%-10%. Beras biasa adalah barang kawalan tetapi bekalannya sangat kurang. Biasanya rakyat Malaysia membeli beras Super.

Itulah hakikat dan kenyataan sama ada mempunyai kawalan atau tidak, itu merupakan satu perkara yang sia-sia sahaja. Bila BERNAS membeli padi daripada petani dia membayar RM700 setan. Dua bulan yang lepas ia naik kepada RM1,000 setan kerana syarikat-syarikat yang lain menawarkan harga RM1,150 setan. Hakikatnya harga beras melambung, tetapi padi tidak naik dengan banyak. Ha itulah. Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 40 *second* lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 40 *second* lagi. Dua hari yang lepas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kata kita hendak itu, ada buka tanah baru untuk menanam padi di Sabah misalnya, tapi ini mungkin 10 tahun kita boleh menikmati hasilnya.

Walau bagaimanapun, kerajaan mesti mengkaji sama ada kita hendak buka lebih banyak tanah untuk menanam padi, dan sama ada kita boleh menggalakkan pengusaha-pengusaha dan petani-petani dapat meningkatkan keluaran padi daripada sekeping tanah. Sekeping tanah itu 1.2 hektar, 3.3 ekar dan kerajaan mengatakan boleh mengeluarkan lapan tan satu keping tapi ada di Endau Rompin, di Sekinchan di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di Sekinchan boleh mengeluarkan satu keping, 12 tan atau 13 tan. Sekian, terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Deveraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Deveraj [Sungai Siput]: Sungai Siput.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau.

5.00 ptg.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bahas usul yang dibawa oleh wakil Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lima minit Yang Berhormat ya.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Lima minit, terima kasih, saya faham Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin memperjelaskan kepada rakan-rakan tentang kedudukan penguasaan pasaran beras yang berada di negara kita.

Yang pertama...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Menyampuk]

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Tak adalah, tak ada, tak ada, tak ada apa. Ini bercakap dengan ikhlas dan demi kepentingan rakyat. Cuma saya ingin perjelaskan kedudukan penguasaan pasaran beras di negara kita iaitu 45% beras tempatan dan import dikuasai oleh BERNAS, sementara 55% dikuasai oleh pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit yang lain.

Kemudian untuk pasaran beras tempatan, BERNAS hanya menguasai sekitar 24% sahaja. Bermakna kata walaupun, ditimbulkan Yang Berhormat Kubang Kerian pembawa usul bahawa dalam CBUD dan sebagainya ini termasuk rakan-rakan dalam CBUD dan lain-lain.

Walaupun di sini melihat peranan pemborong bumiputera amat begitu kurang, tetapi kita melihat secara keseluruhannya bahawa dalam keadaan sekarang, kalau keputusan tidak dibuat oleh pihak kerajaan dengan kadar yang segera, maka kita lihat *market* ataupun pasaran akan berada dalam keadaan panik yang boleh menyebabkan sesuatu yang perlu kita ambil tindakan dengan jelas.

Jadi di sini, Arau ingin mohon mencadangkan bagi memastikan bersama dengan Bernas yang masih ada tempoh tertentu dalam mereka menguruskan tanggungjawab sosial ini, kita berharap G to G atau *government to government* dilaksanakan dengan kadar yang segera terutamanya menerusi beras import.

Begitu juga kita harus membuat pemantauan, walaupun rakan-rakan tadi membangkitkan soal penguat kuasa padi beras yang dahulunya diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Negeri dan Pengguna dan diubah kembali kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tindakan ini adalah wajar kerana yang memantau daripada proses penanaman, pengeluaran, pemasaran dan penghasilan ini adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah tentu secara langsung kementerian dapat membuat pemantauan berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan pasaran.

Yang menjadi masalahnya di sini ialah apabila *market* menjadi panik, tindakan tidak bertanggungjawab dari sebahagian besar pemborong-pemborong, yang sengaja menjual dalam pasaran harga beras yang 5% kandungan *broken* ataupun kandungan hancur, di mana harga ini tidak dikawal oleh kerajaan sepenuhnya.

Jadi ST, Super Tempatan atau SST ini tidak dibuat oleh pihak pemborong kerana dalam keadaan market ataupun pasaran seperti sekarang ini, mereka mengambil kesempatan untuk membuat keuntungan. Sebab itu dalam keadaan sekarang, apabila pemantauan yang kita buat kepada semua kilang-kilang swasta dan kilang-kilang BERNAS.

Mesti kita buat dan kita harus memeriksa semua stok ini agar tidak berlaku perbuatan sorok dan sebagainya. Oleh kerana ini adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk pastikan bahawa segala urusan pasaran yang berhubung dengan kenaikan harga ini dapat dikawal sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat penubuhan BERNAS pada asalnya yang telah diberi sebagai hak pengimport tunggal. Pertama, BERNAS harus mengendalikan bayaran Skim Subsidi. Bayaran Skim Subsidi duitnya diberi oleh kerajaan tetapi kos pengurusan dan juga kos untuk mengendalikan subsidi ini ditanggung oleh pihak BERNAS.

Kemudian dalam perjanjian yang kedua, BERNAS diberi hak mengimport ini dia mesti bagi modal tanpa faedah kepada kilang-kilang ataupun yang dipanggil Skim Pusat Belian yang mana semua Skim Pusat Belian ini adalah kilang-kilang bumiputera yang berada di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa dekat.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Yang ketiga, *buyer of the lost*, BERNAS adalah pembeli terakhir. Padi elok tak elok macam mana pun BERNAS wajib beli, itu di antara syarat yang dikenakan oleh kerajaan bagi import yang telah diberi kepada BERNAS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akur kepada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

5.05 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sehaluan dengan rakan saya daripada Arau bahawa pada hari ini bukan sahaja di negara kita, bahkan di seluruh dunia hampir-hampir panik kerana berhadapan dengan krisis makanan. Kalau satu ketika dahulu kita berhadapan dengan krisis makanan seperti gula, minyak makan dan sebagainya.

Hari ini yang lebih ketara iaitu isu beras, rakyat Asian keseluruhannya, rakyat Malaysia, Thailand, Indonesia, China semua makan beras. Apabila negara-negara yang mengeksport beras ini telah mengehadkan eksport mereka, maka inilah krisis yang kita hadapi iaitu seperti negara China, Vietnam, India dan Thailand.

Tujuan mereka mengehadkan ialah untuk keperluan domestik, keperluan rakyat mereka sendiri. Dan ini telah mengakibatkan pelbagai andaian. Dalam masa yang sama, ada pihak yang tertentu yang mengaut keuntungan dan ini tugas Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk kalau boleh memperbanyakkan *enforcement*, sebab kita tahu stok beras di negara kita.

Kita tahu di mana-mana ada dan ada rekod dalam kementerian, siapa pemborong-pemborongnya harus dipantau 24 jam. Sebab kalau tidak saya terus terang menyatakan di Sabah contohnya; beras kita ada pergi Indonesia, ada pergi Filipina, ini betul berlaku.

Sebab mungkin permukaan sempadan muka bumi Sabah itu terlalu luas maka sukar untuk melaksanakan penguatkuasaan. Maka berlakulah unsur-unsur penyelewengan sedangkan beras ini ada subsidi kerajaan. Akan tetapi subsidi itu tidak sampai ke sasaran yang seharusnya mereka yang layak sahaja boleh menerima.

Saya juga memuji langkah kerajaan iaitu dengan mengeluarkan peruntukan RM4 bilion, semata-mata untuk memastikan bahawa pengeluaran makanan dalam negara kita boleh dikeluarkan dengan sebanyak mungkin dan tidak lagi bergantung pada negara-negara pengimport.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, enam tahun yang lalu saya telah berbicara kenapa kita bergantung pada negara-negara seperti India, Thailand, Vietnam, China, semata-mata bergantung pada negara ini untuk mengeksport beras mereka. Saya telah berkata bagaimana sekiranya ada satu krisis berlaku, peperangan ataupun tidak persetujuan maka akan berlaku pemberhentian eksport dan import pemakanan ini.

Hari ini telah menjadi kenyataan, bukan sebab krisis apa-apa tetapi mereka juga kena mempertahankan rakyat mereka daripada mati kelaparan. Sebab kita tahu bahawa krisis makanan ini akan mengundang dan akan mendorong kepada kerja Tuhan sesebuah kerajaan di mana-mana sahaja dalam dunia itu.

Justeru itu, saya memang melihat bahawa langkah drastik yang diambil oleh kerajaan merupakan satu langkah yang bijaksana, termasuk mewujudkan satu Jawatankuasa Makanan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dan ini harus dilihat ke arah yang lebih positif, sehingga boleh meyakinkan rakyat sebab banyak perkara kita boleh tidak ada, tetapi kalau rakyat sudah tidak boleh makan, maka negara itu akan menghadapi satu krisis kemanusiaan yang tidak boleh diberhentikan oleh sesiapa.

Dan ini akan menyebabkan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi satu minit saya tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dan apabila ini kita tidak laksanakan secara bijaksana, maka kita akan menuju satu jalan yang boleh rakyat kita bangkit untuk meniadakan segala-galanya.

Justeru itu saya berkeyakinan dengan pertama, dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu-isu seumpama ini. Dengan langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih komprehensif dilaksanakan, dikaji bagaimana subsidi makanan dan beras ini dapat sampai ke sasaran yang sebenarnya, maka harus dibicarakan secara lebih sempurna dan lebih bijaksana untuk memastikan bahawa kita telah berhadapan dengan krisis yang kita hadapi pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Pontian, selepas itu menteri menjawab. Lima minit sahaja Yang Berhormat.

5.10 ptg.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pengeluaran makanan seperti padi dalam negara telah meningkat kepada 2.3 juta metrik tan pada tahun 2007 berbanding 2.2 juta metrik tan pada tahun 2006. Sebagaimana termaklum ini hanya 73% bekalan negara. Walaupun penduduk Malaysia memerlukan 82 kilogram beras seorang setahun telah berkurang kepada 77 kilogram seorang setahun. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara dalam perbahasan usul ini.

Pertama langkah membina jelapang padi baru di Sabah seluas 41 ribu hektar dan Sarawak dan seluas 31 ribu hektar patut segera dilaksanakan. Peruntukan tahun 2008 ini untuk Sabah sebanyak RM50 juta dan Sarawak RM54 juta tidak cukup, maka tambah lagi peruntukan itu. Peruntukan ini termasuk di kawasan-kawasan lain hanya sekitar RM25 juta, perlu tambah lagi peruntukan ini.

Kedua 45% beras negara dikeluarkan oleh BERNAS, tetapi 55% beras dikeluarkan oleh 204 pengilang padi swasta. BERNAS telah mengikuti arahan kementerian untuk mengeluarkan Super 15 yang harganya dikawal. Sejumlah 250,000 metrik tan daripada pengeluaran tempatan.

Saya difahamkan bahawa ada banyak, ada ratusan pengilang padi swasta tidak mengikuti syarat lesen yang sepatutnya mengeluarkan 10% hingga 30% daripada pengeluaran mereka sebagai beras Super 15. Ini disebabkan kerana harga Super 15 dikawal dengan harga RM16.50 sepuluh kilogram. Mereka ini cuba mengambil kesempatan dalam kesempitan. Kita menyeru agar tarik sahaja lesen-lesen mereka yang degil-degil ini. *[Tepuk]*

Ketiga, terdapat 1,239 pemborong beras dan 44,637 peruncit beras di seluruh negara. Saya difahamkan bahawa terdapat sebahagian pemborong beras yang mencampurkan beras Super 15 untuk menjadikan Super 10 yang harganya kini RM27 sepuluh kilogram atau Super 5 yang harganya RM30 sepuluh kilogram untuk mencari keuntungan lebih. Kejadian mencampurkan beras ini adalah satu kesalahan. Maka ambillah tindakan terhadap mereka ini dengan segera. Keempat, memang elok kita kurangkan pembaziran nasi dalam majlis-majlis keramaian yang dibuang merata tempat.

Seterusnya didik masyarakat untuk menggunakan pilihan kepada nasi. Banyak sekali pilihannya:

- (i) roti;
- (ii) mee;
- (iii) sagu;
- (iv) keledak;
- (v) kentang;
- (vi) labu;
- (vii) jagung;
- (viii) ubi;
- (ix) keladi;
- (x) pulut dan lain-lain.

Seterusnya kita perlu makan ikan dan sayur berlaukkan nasi dan bukannya makan nasi berlaukkan ikan dan sayur. Ini paradigma baru makanan.

Kelima, kita menyokong keputusan Kabinet baru-baru ini bahawa satu stok penimbal beras negara dinaikkan daripada dua atau tiga minggu selama ini, selama berpuh tahun itu kepada tiga bulan. Ini bermakna jumlah stok penimbal beras 90 ribu metrik tan dinaikkan kepada 540 ribu metrik tan sebagai langkah jaminan bekalan makanan.

Rupa-rupanya selama ini tidak pernah sekali pun stok penimbal 92 ribu metrik tan itu diguna kerana beras adalah mencukupi. Oleh itu semacam kekurangan beras Super 15 yang berlaku sekarang ini adalah suatu ilusi bukan realiti tetapi harga beras gred lain telah naik mendadak.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua kita perlu menguatkuasakan undang-undang agar segala penyelewengan, agar segala sorok beras, mencekik darah, mengambil kesempatan dalam kesempitan, menahan lukah di pergentingan ini segera dibanteras. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada 176 pegawai kawal selia, Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dan 2,000 penguat kuasa dan 2,000 orang lagi pemantau harga.

Tindakan bersepadu perlu diambil agar akhirnya rakyat akan terkeluar daripada ilusi kurang beras seperti Super 15 yang dari segi realitinya masih boleh dikawal lagi. Sekian, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan lima Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengambil perbincangan dalam satu isu yang penting.

Itu sebabnya kerajaan membuat keputusan untuk menjawab usul ini. Oleh kerana kita mempunyai sikap terbuka dan kita rasa perlu rakyat mengetahui apa masalahnya, isunya dan rakyat berhak mengetahui tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu yang dihadapi oleh negara pada hari ini.

Memang kerajaan sedar bahawa sebahagian rakyat menghadapi sedikit himpitan akibat kenaikan harga beras, itu sebabnya seperti yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi termasuklah Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seminggu sekali bermesyuarat.

Tujuannya adalah untuk membincangkan isu-isu khususnya berkaitan dengan bekalan dan harga makanan dan Insya-Allah jawatankuasa ini semalam pun telah membincangkan sehingga jam 8 malam, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Ahli Yang Berhormat yang lain. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dan beberapa perakuan sedang kita rumuskan dan tempoh terdekat perakuan-perakuan ini akan kita muktamadkan dan akan diumumkan kepada rakyat.

Ada empat perkara utama yang saya hendak sebut secara umum. Selepas itu saya akan menjawab beberapa persoalan secara terperinci:

- (i) berkaitan dengan fakta, fakta berkaitan beras bekalan dan juga harga;
- (ii) berkaitan dengan BERNAS;
- (iii) langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini khususnya dalam menjamin bekalan makanan yang mencukupi ataupun *food security*; dan
- (iv) saya akan menggariskan beberapa tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan dalam tempoh terdekat.

Isu sekarang ialah bekalan yang mana 15%, dengan izin *broken*, mempunyai beberapa tempat mungkin berkurangan, yang kedua harga yang ada dikawal ada yang tidak dikawal.

Selepas itu saya akan menjawab beberapa persoalan secara spesifik. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberi sedikit sebanyak latar belakang. Yang pertamanya harga beras di pasaran dunia telah meningkat, harga beras diquote dengan izin, USD dan pada 4 Mei, dua hari yang lepas harganya adalah USD1,100 bagi beras Siam 5% berbanding USD 371.

Ia tidak diquote dalam Baht Thailand dan peningkatannya 196% ataupun hampir tiga kali ganda 200%, 371 sampai 1,100 itu realitinya seperti mana kita melihat peningkatan minyak petrol dua tahun lalu kira-kira USD60 satu *barrel*, ini kira-kira USD120 satu *barrel*, maka beras juga tidak terkecuali, malah bukan sahaja beras, gandum, *corn*, soya *bean* dan banyak lagi barang-barang bijirin ataupun ruji, *cereal* telah naik harga. Itu fakta yang berlaku. Itu yang pertama.

Ini ada kaitannya dengan beberapa perkara. Kita tidak boleh elak daripada hakikat bahawa harga beras telah meningkat di pasaran dunia. Kita bukannya hendak mengaburi mata rakyat, itu realiti yang boleh kita baca di mana-mana. Jadi ini di antara sebab kenapa harga beras di pasaran tempatan meningkat.

Selain itu satu lagi fakta saya hendak sebut di sini, pada masa ini harga yang dikawal cuma harga ST 15, Super Tempatan 15%, iaitu beras tempatan. Yang lainnya tidak dikawal. Saya hendak nyatakan di sini faktanya ialah bagi harga ST 15% tidak ada kenaikan harga. Harganya di sekitar RM1.50 hingga RM1.80 mengikut zonnya. Yang murah di Kedah RM1.65 yang mahal sekali RM1.80 Johor jauh sedikit daripada jelapang padi. Maka bagi Super Tempatan 15% dikawal, yang lain-lain tidak dikawal termasuklah harga import. Itu fakta yang kedua.

Yang ketiganya, saya hendak maklumkan bahawa biasanya yang 15% ini *demandnya* biasa iaitu kira-kira 10% sahaja daripada pengguna yang memakan 15%. Akan tetapi oleh kerana harga dikawal, oleh kerana harga beras di pasaran antarabangsa meningkat maka terdapat *switching*, pengguna yang dahulunya tidak makan macam orang-orang Kelantan umpamanya dahulunya beza antara Super Tempatan 15% dengan beras import Siam cuma 10 sen, 20 sen yang 15% RM1.65 sen, beras Siam tahun lepas cuma RM1.80.

Bezanya cuma 10 sen, 20 sen. Jadi kebanyakan orang Kelantan makan beras import beras Siam, tidak makan 15%, tetapi oleh kerana harga telah naik hari ini Tuan Yang di-Pertua, harga di Thailand dan di beberapa buah negara adalah oleh kerana di Malaysia kita kawal, secara puratanya harga di Malaysia bagi 15% ialah kira-kira RM3.20, di Thailand bagi beberapa jenis harga beras dan juga di Vietnam melebihi harga di Malaysia.

Tidak pernah lagi berlaku dalam sejarah negara kita di mana harga beras lebih rendah di Malaysia daripada negara-negara luar. Biasanya harga di Malaysia lebih tinggi. Itu sebabnya orang Malaysia menyeludup beras daripada Thailand dan lain-lain. Itu sebabnya, orang Sabah dan orang Sarawak ada menyeludup beras dari luar negara kerana apa? Kerana harga beras di pasaran tempatan sebelum ini adalah lebih tinggi daripada harga luar negara.

Hari ini oleh kerana harga di Malaysia terkawal, di Malaysia harganya 15% *broken* RM3.20 dan bagi beberapa beras di Thailand dan Vietnam, di Thailand RM3.60, di Vietnam RM3.80, ini keadaan. Maksudnya bukan sahaja di Malaysia harga naik tetapi juga di negara-negara termasuklah di negara-negara pengeluar. Saya ingin membuat pembetulan ini dan itu sebabnya saya membuat fakta, bahawa fakta yang perlu saya perbetulkan.

Jadi 15% ini ada *switching*. Pengguna dahulunya makan beras Siam, sekarang oleh kerana yang dikawal hanya RM1.80, maka berlaku peningkatan yang ketara. Kalau dahulunya 10% sahaja yang menggunakan beras 15%, sekarang lebih daripada itu. Selain daripada itu beras hancur yang digunakan untuk mi, mihun, sekarang RM2.20 harganya satu kilo, tetapi beras ST 15% sudah naik RM1.80.

Oleh itu, yang membuat mihun dahulunya, dahulu beras hancur cuma RM1.80 satu kilo. Sekarang RM2.20 yang membuat mihun juga beli 15%. Jadi apa yang berlaku akhir-akhir ini dalam dua, tiga minggu ini, Tuan Yang di-Pertua ialah kalau dahulu beras 15% ini cuma 10% sahaja jumlah penggunaannya tetapi hari ini peniaga kecil di warung-warung mereka menggunakan beras 15%. Dahulu dia guna beras hancur, pengguna yang dahulunya makan beras Siam, oleh kerana beras Siam sudah melambung naik lebih tinggi daripada 5% dalam negara, maka ini telah menjadikan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Mustapa Mohamed: Beras 5% ini menjadi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: ...Telah mengalami...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: ...Peningkatan dalam penggunaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sedar bahawa beras yang disebutkan murah di Malaysia ini adalah beras yang kurang diminati oleh rakyat Malaysia untuk makan. Maka beras ini apabila kurang pasaran diseludup ke Thailand dan dicampur dengan beras Thailand dan dibawa masuk ke negara Malaysia.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua memang perkara ini dikesan berlaku oleh kerana beras 5% ini sebenarnya, yang pertama tidak dikawal. Yang keduanya tidak boleh dibezakan. Rupanya sama apabila masuk dalam periuk barulah rasa beras siam dia lembik sedikit. Beras Malaysia ini ia keras sedikitlah. Beras siam lembik sedikit. Jadi beras 5% tidak dikawal, oleh yang demikian beras ini naik tidak seiring berbanding dengan beras 15% *broken*. Itu fakta yang saya hendak sebut.

Yang keduanya berkaitan dengan BERNAS. Saya hendak maklumkan di sini. Saya...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: Mendengar dengan penuh teliti. Saya selesai dahulu. Orang yang sama ke?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tak, tak, tak.

Dato' Mustapa Mohamed: BERNAS Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Fasal 15% hancur itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa berlaku maknanya orang yang dahulu tak makan beras 15% diskaun, sekarang dia dah makan. Saya masih mempersoalkan fakta itu dari segi kebenaran sebab saya turun ke kilang-kilang di Kedah. Saya turun ke kilang-kilang, saya menyamar sebagai seorang pembeli, pemborong dan sebagainya, tetapi diberitahu kepada saya bahawa beras itu tidak keluar bukan masalah kerana yang dahulu tak makan 15 sekarang dah makan 15. Memang tak keluar. Ini persoalannya.

Saya minta supaya pihak kementerian kena turun ke kilang-kilang buat *spot check*. Ini masalah yang dihadapi. Jangan menjadikan itu alasan untuk mengatakan dalam keadaan fakta sebenarnya memang pengilang-pengilang dan pengilang-pengilang ini sebahagian besarnya adalah anak syarikat BERNAS yang menjalankan usaha sama dengan BERNAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. BERNAS telah pun dikeluarkan arahan bertulis untuk menambah pengeluaran. BERNAS cuma keluar beras 15% *broken*, dia tidak keluar yang lain. Sebelum ini 11,000 metrik tan sebulan, sekarang ini 20,000 telah diarahkan dan kita diberi jaminan petang tadi oleh BERNAS bahawa bermula esok bekalan 15% akan bertambah kerana BERNAS telah pun diarahkan untuk menambah bekalan 15% *broken*.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah mengenai BERNAS, saya mendengar dengan cukup prihatin pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Arau dan yang lain-lain.

Yang Berhormat Pasir Mas berkaitan dengan BERNAS ini dan saya ingin maklumkan di sini yang pertamanya betul BERNAS sebuah syarikat diswastakan 1996. Betul ia merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Betul ia membuat keuntungan, ada juga dia rugi walaupun angka-angkanya Yang Berhormat Selayang tadi bukan keuntungan, itu *turn over* ataupun jumlah perniagaan. Untuk pembetulan Yang Berhormat Selayang sebut tadi. Bukan keuntungan, *turn over*.

Jadi itu benar, sebahagiannya tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa mengambil kira pandangan-pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dan rakyat biasa, maka kerajaan sudah pun membuat keputusan untuk mengkaji keberkesanan BERNAS dalam menjalankan tugasnya. Tugasnya seperti Yang Berhormat sedia maklum banyak tugas. Tugas untuk menstabilkan harga, menjamin bekalan, untuk tanggungjawab sosial. Ini antara tugas BERNAS EPU sudah pun diminta oleh Kementerian Pertanian supaya memulakan kajian berkaitan dengan keberkesanan BERNAS...

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Papar bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Kita akan tunggu hasil kajian ini dan setelah kajian ini selesai, maka tindakan-tindakan diperakukan oleh kerajaan ini akan kita ambil.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Papar bangun dahulu.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Minta, saya hendak bertanya satu soalan Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini kita melihat bahawa persepsi terhadap BERNAS nampaknya begitu negatif sekali seolah-olah BERNAS ini dipersalahkan di atas isu kenaikan harga beras. Persoalan saya, sejauh manakah peranan BERNAS di dalam isu kenaikan harga dibandingkan dengan *players-players* yang lain dengan izin di dalam industri beras seperti pengilang, pemborong, peruncit dan juga pengedar beras? Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua oleh kerana masa tak ada dah saya hendak...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sikit sahaja. Yang Berhormat sedikit sahaja.

Dato' Mustapa Mohamed: Tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak banyak lagi masa, tiga minit Yang Berhormat. Kita kena tutup.

Dato' Mustapa Mohamed: Yang pertama BERNAS tidak boleh menaikkan harga borong tanpa kelulusan kerajaan. Kerajaan belum lagi meluluskan. BERNAS ada membuat permohonan, belum lagi meluluskan. Jadi yang kita tahu hari ini ialah khususnya bagi beras yang tidak dikawal.

Maka seperti Yang Berhormat Papar kata pemborong khususnya mungkin ada peranan dalam keadaan semasa di mana harga beras meningkat tetapi seperti yang saya maklumkan tadi, ini kita serah kepada pasaran yang kita kawal ialah 15% *broken*, yang lain dalam masa ini tidak dikawal oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa singkat, Tuan Yang di-Pertua mungkin hendak tamat lagi dua minit, yang pertama saya hendak maklumkan, sudah fakta dah ini. BERNAS sudah. Langkah yang diambil oleh kerajaan jangka pendek dan jangka panjang, kerajaan sudah memperuntukkan RM4 bilion. Daripada RM4 bilion 2.5 bilion untuk hal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan daripada itu 803 juta adalah untuk padi. Dua tujuan yang pertama untuk meningkatkan pengeluaran padi dalam *short term* dengan izin, lebih baja, lebih bantuan.

Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi, insya-Allah kita akan bagi lebih bantuan. Tahun ini kita beri RM923 juta sudah ada bantuan subsidi baja, padi dan lain-lain. Harga padi dan hendak tambah lagi RM803 juta, ini menunjukkan keprihatinan kerajaan. Kita hendak lihat dalam tempoh terdekat peningkatan dalam pengeluaran dan kita juga ingin melihat dalam jangka sederhana *medium term*, dengan izin pertambahan. Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi, pertambahan dalam kawasan baru di Sabah dan Sarawak. Kita jangka kalau dibuka semuanya, mungkin 100,000 hektar.

Hari ini ada kira-kira 650,000 hektar tanah padi, mungkin 100,000 hektar ada potensi untuk ditambah kawasan pengeluaran padi. Ini langkah-langkah yang kita akan ambil dalam tempoh terdekat RM800 juta diperuntukkan tahun ini. Selain daripada RM923 juta itu telah diperuntukkan, jangka sederhana akan ditambah keluasan padi termasuk kawasan jelapang padi baru, sekarang ada lapen hendak tambah di Sabah dan Sarawak dan kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah mengenai *enforcement* dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian. Saya ucap terima kasih. Memang perkara yang kita sentiasa beri perhatian. Setakat ini empat peniaga sudah pun diambil tindakan dan mereka akan dikenakan hukuman seberat mungkin. Kita harap oleh mahkamah untuk memastikan amalan tidak beretika yang *enforcement* ini yang menjual beras melebihi RM1.80 iaitu harga kawalan Super 15.

Jadi insya-Allah, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian dan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan agar ditingkatkan *enforcement*, semoga mereka yang tidak bertanggungjawab ini akan dihadapkan ke mahkamah. Saya ingin maklumkan bahawa kerajaan amat prihatin dan kita bincang semalam dalam jawatankuasa sampai pukul 8.00 malam dan saya sedang merumuskan beberapa cadangan dan insya-Allah akan muktamadkan, saya harap hari Jumaat ini.

Next Cabinet Meeting kita akan dapat muktamadkan beberapa cadangan untuk menangani isu yang dihadapi hari ini. Kita jaga kepentingan pengguna, hendak jaga kepentingan penanam padi, ya tadi isu harga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan yang lain-lain, kita hendak jaga kepentingan kerajaan dan rakyat Malaysia. Jadi insya-Allah kesemuanya ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dan kita harap ia sedikit sebanyak akan dapat menangani. Ia tidak akan dapat selesai semuanya, sudah pasti kerana ini masalah global, bukan masalah Malaysia.

Tiga kali ganda peningkatan harga beras memang tidak mampu kita hendak menangani 100%, melainkan kita hendak bagi subsidi yang banyaklah subsidi. Subsidi memanglah diberikan kepada penanam padi dan kita merasakan bahawa kita akan membuat tindakan-tindakan akan diambil dengan serius untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan terima kasih saya ucapkan kepada enam Ahli Yang Berhormat yang berucap, Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya tutupkan perbincangan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Rabu 7 Mei 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 ptg.